

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 23**

**Isnin**

**18 Disember 2017**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017

(Halaman 22)

Rang Undang-undang

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017

(Halaman 30)

Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017

(Halaman 81)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 57)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 18 Disember 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Khairul Azwan Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, persatuan pengguna dilihat seperti menegakkan keadilan dengan tangan mereka dan menjangkau batas-batas perundangan yang dibenarkan. Apakah langkah yang lebih berkesan supaya persatuan-persatuan seperti ini tidak mengambil tugas yang sepatutnya dilakukan oleh agensi perundangan.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, tugas Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau JPPM dan lebih dikenali sebagai ROS atau *Registrar of Society*. Antaranya adalah menjalankan saringan yang teliti semasa peringkat pemprosesan permohonan pendaftaran pertubuhan dan segala pendaftaran dalam mana-mana pertubuhan tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pemantauan yang dilakukan adalah bagi memastikan pertubuhan tersebut atau mana-mana pertubuhan bergerak selaras dengan objektif penubuhan serta perlembagaannya. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pertubuhan yang didakwa bertindak melangkaui objektif penubuhannya, ROS sentiasa mengikuti perkembangan dan semua pergerakan pertubuhan-pertubuhan sedemikian supaya langkah pencegahan awal dapat diambil.

Justeru, sekiranya terdapat aduan terhadap sesebuah pertubuhan yang melakukan aktiviti melebihi atau melangkaui atau terkeluar daripada perlembagaan pertubuhan berkenaan atau melanggar undang-undang yang sedia ada dalam negara ini atau seolah-olah mengambil alih kuasa mana-mana agensi penguatkuasaan maka ROS akan menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindak melalui siasatan yang dilakukan. Seterusnya pertubuhan berkenaan boleh dikenakan perintah pembatalan di bawah seksyen 13, Akta Pertubuhan 1966, [Akta 335]. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dewan Negara mengucapkan terima kasih kerana Yang Amat Berhormat sendiri datang untuk menjawab soalan pada pagi ini... *[Tepuk]* Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana telah memberi maklum balas jawapan kepada persoalan saya. Cuma, Yang Amat Berhormat saya ada soalan tambahan iaitu memandangkan di Malaysia ini mempunyai pelbagai badan dan agensi yang juga mendaftar persatuan-persatuan sebagai contoh bukan saja ROS. Kita ada di

peringkat belia, Jabatan Belia oleh Pesuruhjaya Persatuan Belia, kalau sukan itu Pesuruhjaya Sukan. Kita ada juga ROC atau SSM yang mendaftar syarikat-syarikat *limited by guarantee*, dengan izin, yang juga memanggil dan menggelar diri mereka sebagai NGO-NGO.

Jadi kita tahulah NGO ini adalah badan-badan, persatuan-persatuan yang *non-governmental in nature*, dengan izin. Cuma saya hendak tanya memandangkan pelbagai agensi ini terlibat, apakah usaha penyelarasan oleh pihak kerajaan untuk melihat bahawa persatuan-persatuan yang menggelar diri mereka NGO ini yang mendaftar dengan pelbagai agensi ini juga dapat dipantau dengan secara berkesan dan penyelarasan itu dibuat sebagai satu usaha untuk menangani sekiranya berlaku masalah manipulasi ataupun badan-badan ini digunakan untuk tujuan-tujuan yang tidak baik seperti untuk penyaluran dana kepada kumpulan pegganas dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat. Ini merupakan satu soalan yang paling bijaksana dan menaikkan taraf Ahli-ahli Dewan Negara dengan soalan yang begitu bermutu... *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Banyak kawasan tetapi kita harus mengetahui bahawa lebih banyak lagi kawasan-kawasan kemalangan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat prihatin terhadap persoalan yang dikemukakan itu. Memang benar bahawa terdapat tiga kategori persatuan yang bukan hanya berdaftar di bawah bidang kuasa Akta Pertubuhan 1966, di mana ROS mempunyai kuasa sepenuhnya. Akan tetapi persatuan-persatuan belia didaftarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan kerana ada suruhanjaya ataupun pesuruhjaya yang mendaftarkan pertubuhan berkenaan. Manakala kelab-kelab sukan didaftarkan di bawah Pesuruhjaya Pendaftar Persatuan-persatuan Sukan.

#### ■1010

Benar, ada terdapat kategori yang keempat di mana pendaftar syarikat atau ROC juga mendaftarkan sesetengah syarikat yang juga memperkenalkan diri mereka sebagai NGO.

Cadangan Yang Berhormat ini merupakan satu cadangan yang terkehadapan dan merupakan suatu langkah harus diambil dengan mengambil kira supaya tidak ada mana-mana pertubuhan yang mendaftarkan diri dan kononnya memperjuangkan sesuatu isu yang mengikut Akta Pertubuhan atau akta-akta persatuan belia ataupun persatuan sukan yang akhirnya menjadi suatu kumpulan pendesak di luar akta penubuhan mereka, di luar daripada norma kelaziman Malaysia sebagai sebuah negara yang demokratik.

Oleh kerana kita mengambil beberapa tindakan, saya ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini sehingga 15 Disember tahun ini, apabila ROS memantau persatuan-persatuan sukan dan persatuan belia, kita serahkan penubuhan perjalanan pertubuhan itu mengikut Akta Pesuruhjaya yang menjaga persatuan-persatuan berkenaan.

Manakala bagi ROS sendiri, terdapat 262 buah persatuan pengguna kerana soalan asalnya ialah persatuan pengguna yang pernah didaftarkan di bawah ROS. Daripada jumlah berkenaan, kita dapati 158 buah persatuan pengguna yang aktif. Akan tetapi kita telah membatalkan sehingga 15

Disember juga sebanyak 104 persatuan pengguna yang telah kita batalkan kerana sebab-sebab tertentu.

Saya amat bersetuju agar usaha penyelarasan ini kita lakukan. *Insyah-Allah*, saya akan mempengerusikan mesyuarat penyelarasan, *high level committee* bagi Kementerian Belia dan Sukan, bagi ROC di bawah KPDNKK, dan juga ROS supaya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat ini dapat kita laksanakan dalam waktu yang paling singkat. Saya lihat cadangan yang amat positif itu harus diambil langkah-langkah proaktif oleh pihak kerajaan sendiri.

Ini kerana ia tidak memerlukan suara dua pertiga majoriti di Dewan Rakyat. Jadi saya tidak fikir ia satu masalah tetapi lebih baik jika kita memperoleh lebih dua pertiga majoriti di dalam PRU Ke-14 nanti... [Tepuk]

**Tuan Wilfred Yong Chen Leong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya. Saya rasa bernasib baiklah soalan tambahan boleh dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Kita difahamkan bahawa alasan yang diberikan oleh NGO yang terlibat ini mengambil tindakan sedemikian rupa kerana aduan dan tindakan oleh pihak berkuasa ada perlahan dan mengambil tempoh yang lama untuk disiasat.

Oleh yang demikian, soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas yang akan dianggotai oleh PDRM, KPDNKK, BNB dan persatuan-persatuan atau NGO yang memperjuangkan hak pengguna di seluruh Malaysia yang mana fungsi jawatankuasa ini adalah bertindak dengan segera atas setiap laporan yang diberikan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, seorang lagi yang berpotensi. Satu cadangan yang baik. Sebagaimana yang saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa *insyallah* saya sendiri yang akan mempengerusikan *high level committee*, jawatankuasa tertinggi bagi melakukan penyelarasan terhadap persatuan-persatuan berkenaan.

Ini kerana kita tahu terdapat beberapa pertubuhan yang menggelar diri mereka sebagai NGO, di dalam semakan yang kita lakukan, tidak pun mendaftarkan pertubuhan mereka dengan ROS atau Pesuruhjaya Belia atau pun Sukan, dan tidak juga mendaftar dengan ROC. Saya telah mengarahkan pemantauan dilakukan oleh ROS sendiri. Ketua Pengarahnya ada di sini, seorang "wanita besi" yang memang mengikut perundangan. Malah apabila seorang mantan pemimpin negara kita bertemu dengan beliau, beliau mengikut segala alasan-alasan bagi menubuhkan sebuah badan politik yang harus mengikut Perlembagaan yang dikemukakan oleh badan politik berkenaan.

Jika badan politik berkenaan tidak mengikut Perlembagaannya sendiri, bagaimanakah berniat untuk mengulang tayangkan cerita beliau bagi kononnya memperbaiki sistem yang sedia ada? Oleh sebab kita harus memperbaiki diri kita sendiri sebelum kita memperbaiki diri orang lain. Kita harus mencontohkan sesuatu yang baik pada diri kita sebelum mengajak orang melakukan sesuatu kebaikan.

Ini adalah panduan yang digunakan oleh ROS. Mana-mana pertubuhan yang telah disebutkan tadi, saya fikir harus mematuhi Perlembagaan yang dikemukakan oleh mereka sendiri, harus diikuti. Keduanya, mana-mana NGO yang tidak berdaftar, sebarang kenyataan yang dikeluarkan oleh apa yang dipanggil sebagai pemimpin-pemimpin yang menggelarkan diri mereka sendiri sebagai Presiden,

mereka harus tahu bahawa jika mereka tidak mendaftarkan pertubuhan itu, maka kita akan gunakan Akta Pertubuhan 1996 untuk mengambil tindakan.

Ini termasuk penubuhan kongsi-kongsi gelap seperti kongsi gelap yang terbanyak sekali saya ucapkan tahniah kepada wakil negeri Sarawak yang akan mengadakan mesyuarat agung tahunannya. Saya harap Yang Berhormat bawa isu ini dan lambungkannya supaya saya boleh mengambil tindakan.

Ada juga daripada Tawau, pertubuhan yang dipanggil OTAI atau Orang Tawau Asal Indonesia [*Ketawa*] OTAI, tidak ada pertubuhan- saya semak. Mereka pernah bersekongkol dengan *intruders*, dengan izin, atau penceroboh. Saya dan rakan-rakan saya pegawai-pegawai mengikuti dengan teliti. Terima kasih.

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti umum sedia maklum, Akta Veteran 2012 telah pun diluluskan di Parlimen di mana persatuan veteran, kelab telah pun dialih kepada *registrar* baru iaitu di bawah sekarang ini semua akan berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran. Setakat ini ada 118 persatuan dan kelab telah pun mendaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran.

Jadi lanjutan kepada isu penyelarasan tadi, saya juga ingin memaklumkan kepada kementerian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa kita pun mengikut perundangan Akta Veteran 2012. Jadi saya usulkan dan cadangkan supaya ini juga termasuk dalam usaha penyelarasan nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1020

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Veteran dibentangkan di Dewan Rakyat sewaktu saya bernasib baik menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan sebagai Menteri Pertahanan selama empat tahun ketika itu. Selepas Yang Berhormat dengan cemerlang menjadi Panglima Tentera Laut dan kemudiannya menjadi Panglima Angkatan Tentera yang pertama yang mewakili Tentera Laut Diraja Malaysia... [*Tepuk*]

Benar, memang terdapat 118 persatuan veteran daripada pegawai hingga anggota semua perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, 118 jumlahnya. Oleh sebab itu, Akta Veteran dibentangkan di Dewan Rakyat dan diluluskan oleh Dewan Negara ketika itu kerana terdapat permasalahan. Seolah-olah persatuan-persatuan ini menjadi pertubuhan politik. Hanya beberapa individu tertentu yang menjaga dan menguasai persatuan itu untuk kepentingan kononnya ahli-ahli persatuannya tetapi jelas hanya beberapa individu tertentu sahaja yang memegang jawatan seolah-olah seperti seumur hidup.

Dalam perkara inilah saya fikir jawatankuasa tertinggi untuk menyelaraskan semua pertubuhan berkenaan harus dilakukan dengan segera supaya kepentingan umum atau kepentingan jemaah mengatasi kepentingan peribadi atau individu. Secara prinsipnya antara individu dengan jemaah, saya utamakan jemaah. Ertinya kepentingan majoriti rakyat, kepentingan umum harus diberikan keutamaan. Tidak ada mana-mana pemimpin termasuk pemimpin persatuan veteran atau pemimpin persatuan pengguna atau mana-mana pemimpin persatuan yang menggelarkan diri mereka sebagai pemimpin NGO mengambil kesempatan dalam kesempatan untuk menguasai mana-mana kumpulan untuk kepentingan individu berkenaan.

Ini termasuk apabila ada sebuah persatuan yang ada dua AGM atau mesyuarat agung tahunan, ada dua pertubuhan untuk ahli yang sama yang berebut kuasa, berebut ghanimah, harta benda, harta rampasan perang kononnya bagi kepentingan ahli-ahli akhirnya adalah berniat untuk digunakan bagi kepentingan peribadi.

Oleh sebab itu, ROS dan Kerajaan Malaysia memandang perkara-perkara kepentingan jemaah ini harus diutamakan bukan kepentingan peribadi mana-mana tokoh tertentu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat yang akan dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO tanpa bertanding... [Tepuk]

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Boleh saya bangun?... [Dewan riuh] Saya ucapkan terima kasih tetapi tidak ada kaitan dengan soalan asal [Ketawa]

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Sebelum saya mengemukakan soalan nombor dua, ingin saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan Masyarakat India Parlimen Jerai di Dewan Negara... [Tepuk] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

**2. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sedarkah kementerian bahawa kenderaan komersial dan persendirian dari negara jiran bebas keluar masuk ke negara kita; dan
- (b) adakah undang-undang sedia ada mampu menangani isu ini serta pandangan kementerian di mana kenderaan komersial dan persendirian dari negara kita terpaksa melalui pemeriksaan yang ketat dan perlu mengikut prosedur negara jiran sebelum dibenarkan memasuki negara mereka.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 21, dan 25, Akta Pengangkutan Jalan (JPJ) 1987, serta Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa 1967) membenarkan kemasukan sementara kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara asing dan proses kemasukan ini dikawal oleh kerajaan melalui pengeluaran ICP ataupun Permit Peredaran Antarabangsa oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. ICP dikeluarkan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian negara asing dari Thailand dan Indonesia yang memasuki Malaysia melalui jalan darat.

Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan ini tidak terpakai terhadap kenderaan persendirian asing dari Singapura dan Brunei di mana kenderaan negara mereka dibenarkan untuk memasuki Malaysia selagi mana mempunyai cukai jalan dan perlindungan insurans yang sah. Pada masa ini, kenderaan asing dari Thailand diberi kelonggaran untuk memasuki Malaysia tanpa ICP dan insurans bagi jarak sejauh dua kilometer. Kelonggaran ini diberikan sebagai timbal balas kepada kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan Thailand melalui persefahaman yang dipersetujui di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand pada tahun 1993.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir individu yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan untuk melakukan perjalanan melebihi dua kilometer ke Wilayah Malaysia, ada

yang sampai ke Kuala Lumpur selain melakukan kegiatan khidmat pengangkutan secara tidak sah dan bertentangan dengan peraturan-peraturan ditetapkan. Memandangkan terdapat kelemahan-kelemahan di atas, kementerian ini akan memperkenalkan satu kawalan kemasukan kenderaan asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem VEP ataupun *vehicle entry permit*. Sistem VEP ini akan dilaksanakan di pintu masuk sempadan Malaysia-Singapura pada tahun hadapan termasuk di sempadan Thailand. Sistem VEP merupakan inisiatif yang terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing.

Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara. Untuk makluman, buat masa ini juga kita mengenakan *road charges* RM20 kepada kereta-kereta Singapura yang memasuki Malaysia dalam fasa pertama untuk menyelaraskan di seluruh pintu-pintu masuk sempadan Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah dengan memperkenalkan penguatkuasaan permit kemasukan kenderaan VEP mampu mengatasi kelemahan ICP ini? Yang kedua, saya ingin mempersoalkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan Jalan berkenaan dengan kenderaan-kenderaan yang masuk dari Thailand ke Malaysia. Mereka masuk ke Malaysia tanpa menghiraukan undang-undang Malaysia terutama sekali *pickup* atau van-van mereka ke sini dengan cermin yang begitu gelap, sedangkan kita tidak membenarkan rakyat Malaysia sendiri menggunakan cermin gelap tanpa mendapat kelulusan daripada pihak JPJ. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tindakan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, sistem baru yang akan dilancarkan iaitu *vehicle entry permit* ini mampu untuk mengawal kerana ianya menggunakan sistem IT yang mendaftar setiap kenderaan masuk dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan dan ini sekali gus kita dapat mengawal pintu sempadan secara menyeluruh. Setakat ini, tidak ada rekod yang menyeluruh di peringkat negara tetapi dengan sistem ini, semua pintu masuk kita akan kawal dan rekod setiap kemasukan.

Jadi saya yakin apabila dilaksanakan pada tahun hadapan, kita akan dapat mengawal dan boleh mengambil tindakan. Apabila mereka membuat kesalahan, sebelum keluar, mereka akan diwajibkan untuk membayar saman-saman sekiranya mereka melakukan pelanggaran undang-undang.

Seperti Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor maklumkan tentang masalah *pickups* ini, memang kita mengetahui tentang permasalahan ini.

#### ■1030

Banyak pemimpin-pemimpin daripada utara memaklumkan bahawa mereka mengambil kesempatan pengecualian dua kilometer ini dengan menjadi kenderaan pengangkutan awam. Pihak JPJ telah mengambil tindakan sebenarnya tetapi oleh kerana banyak jalan-jalan tikus yang mereka mengelak daripada kawalan penguatkuasaan JPJ. Walau bagaimanapun, pihak JPJ akan terus memantau sehinggalah pelaksanaan VEP ini dapat kita kuatkuasakan pada tahun hadapan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Chandra Mohan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya lebih menuju kepada kemungkinan negara-negara yang lain macam *Singapore* dan Thailand akan mengenakan *reciprocal charges*. So soalan saya ialah seperti yang kita telah diumumkan semalam, pelaksanaan VEP itu ditangguhkan. Bukan pada bulan Januari ditangguhkan. So soalan saya, sama ada kita akan gunakan penangguhan itu untuk masuk dalam bilateral *talk* antara Malaysia dengan *Singapore* berkenaan dengan *reciprocal charges* yang mungkin akan dikenakan oleh pihak *Singapore*? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penangguhan itu, ia tidak ada kena mengena dengan urusan luar negara. Ianya urusan teknikal dalaman antara pihak Kementerian Pengangkutan dengan pihak Kementerian Kewangan kerana pungutan VEP dan *road charges* ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Jadi, ini kita sedang menyelaraskan antara sempadan Singapura dengan sempadan Thailand ya.

Mengenai *reciprocal*, pada dasarnya, Singapura telah mengenakan *charge* SGD35 lebih awal, sudah bertahun-tahun lama. Jadi, kita mulai 1 November tahun lepas, kita baru mengenakan *road charges* RM20 setelah rakyat Malaysia dikenakan bayaran kemasukan ke Singapura, saya rasa sudah berpuluh tahun. Jadi ini bukan timbul *reciprocal* apa tetapi sekiranya kerajaan asing membuat *reciprocal*, itu terpulang kepada mereka. Walau bagaimanapun, *road charges* RM20 yang kita kenakan ini merupakan wajar untuk kita menyelenggarakan dan mengurus jalan-jalan sistem pengangkutan kita di Malaysia bagi menampung kenderaan asing yang begitu banyak masuk ya.

Sebagai contoh di Johor Bahru, apabila kenderaan Singapura masuk banyak di Johor Bahru, maka kesesakan. Dan sistem jalan pun ditadbir urus oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru dan juga Kerajaan Johor termasuk Kerajaan Persekutuan, maka sebab itu dalam *road charges* RM20 daripada kenderaan Singapura, RM5 kita berikan kepada Kerajaan Johor bagi menyelenggarakan kemudahan infrastruktur pengangkutan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tadi soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor mengenai cermin gelap, kenderaan masuk. Cermin gelap itu tidak dijawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Cermin gelap, seperti yang saya katakan tadi, sebenarnya ini di bawah penguatkuasaan JPJ dan juga polis. Sepatutnya cermin gelap ini tidak boleh masuk pasal saya masih ingat lagi, saya daripada Miri hendak masuk ke Brunei, cermin gelap pun Kerajaan Brunei tidak benarkan. Jadi, saya berpandangan sepatutnya penguatkuasaan kerajaan kita pun tidak boleh membenarkan cermin gelap daripada kenderaan-kenderaan Thailand untuk diguna pakai di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Saya belum benarkan. Sebenarnya soalan tambahan untuk Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal. Minta maaf, Yang Berhormat. Silakan.



**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa setiap kenderaan masuk daripada negara Singapura ke Malaysia dikenakan caj RM20. Berapakah bayaran dikenakan kepada lori-lori perdagangan yang membawa muatan yang lebih yang mengakibatkan kesesakan dan juga jalan-jalan yang rosak ini? Adakah pihak kementerian bercadang hendak kenakan bayaran lebih? Itu saja, terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk kenderaan perdagangan, memang sekarang ini JPJ mengurus kenderaan persendirian tetapi lori-lori perdagangan ini diurus oleh Jabatan Kastam. Oleh kerana lori-lori perdagangan yang membawa muatan ini telah diurus oleh Jabatan Kastam, maka JPJ tidak mengenakan bayaran kepada lori perdagangan ini.

Akan tetapi, pihak kastam mengenakan levi kemasukan kepada semua lori-lori perdagangan yang masuk ke Malaysia. Jadi, setiap kali masuk, dikenakan levi kemasukan RM100 dan keluar RM200. Ini lori perdagangan dengan muatan. Akan tetapi sekiranya lori perdagangan itu masuk kosong keluar kosong, tidak dikenakan levi kemasukan. Itu keputusan kabinet supaya kita tidak caj dua kali. Jadi, oleh kerana pihak Kastam sudah mengenakan caj, maka JPJ, Kementerian Pengangkutan tidak mengenakan bayaran kepada lori perdagangan. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Aziz ini bagus sungguh, setiap itu dia mari jawab soalan. Ada harapan jadi menteri selepas ini.

Cuma, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berada di sempadan. Pertama, saya hendak tanya, apa kelemahan ICT, apa kelebihan VEP? Sebab saya tengok di sempadan sekarang ini, saya tengok kenderaan daripada Thailand begitu bebas sekali dan kereta sewa di Rantau Panjang memang hampir tidak ada penumpang sebab Thailand masuk ke Malaysia, dia guna *rotur*. Dia guna van yang besar itu muat dalam 15 orang jadi kereta sewa, memang mati tidak ada penumpang. Jadi saya tengok daripada segi penguatkuasaan, penguatkuasaan JPJ memang sudah berapa kali sudah kita buat perjumpaan- surat hantar, perjumpaan buat tetapi perkara sama masih berlaku. Itu pertama.

Kedua, soal cermin gelap ini, ini kena pantau. Saya takut nanti di Thailand- kita tahu di Thailand masuk dadah, Malaysia ini syabu. Saya takut masuk benda-benda DAESH kah, IS kah, cermin gelap tidak ada penguatkuasaan. Jadi saya hendak cadangkan kepada kementerian ataupun apakah langkah JPJ, kementerian supaya masalah ini dapat diatasi?

Orang Rantau Panjang hendak pilihan raya ini hendak mengundi BN semua. Kalau masalah ini tidak boleh selesai, saya takut dia marah kerajaan. Marah pada kerajaan, marah pada BN.

Jadi minta Menteri Pengangkutan supaya kalau hendak masuk *rotur*, sampai dekat Rantau Panjang saja, lepas itu menggunakan kenderaan teksi, kereta sewa Malaysia untuk menghantar pekerja-pekerja. Kebanyakan pekerja yang daripada Thailand itu buat Tom Yam, kedai makan. Jadi masa musim perayaan, memang banyak *rotur* masuk Malaysia ini, kereta sewa tidak ada penumpang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Jadi saya hendak tanya, apakah langkah Kementerian Pengangkutan supaya biar perkara ini dapat menjaga kebajikan rakyat Rantau Panjang? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Langkah-langkah untuk mengatasi, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya setujulah dengan pandangan daripada Yang Berhormat Senator Abdullah Mat Yasim mengenai berleluasanya kenderaan-kenderaan Thailand yang mengambil peluang mengangkut penumpang.

■1040

Oleh sebab itu kita hendak melancarkan sistem VEP ini. Selepas sistem VEP ini, ianya lebih ketat dan saya pasti dengan sistem VEP atau *Vehicle Entry Permit* ini, permasalahan-permasalahan ini dapat diatasi.

Walaupun bagaimanapun, sementara pelaksanaan ini untuk dikuatkuasakan, saya akan mengarahkan pihak JPJ untuk mengambil tindakan yang drastik dan ketat dan tidak membenarkan kenderaan-kenderaan cermin gelap untuk masuk ke Malaysia. Maknanya kalau dia hendak masuk Malaysia, dia kena buka cermin gelap seperti mana apa yang saya *experienced* di Brunei. Hendak masuk, kena cermin yang ada kelulusan mengikut piawai Malaysia. Jadi perkara ini mengenai kenderaan yang membawa penumpang tanpa izin, pihak JPJ dan pihak polis boleh mengambil tindakan. Dari pihak Kementerian Pengangkutan, saya akan minta pihak JPJ mengetatkan lagi penguatkuasaan supaya kepentingan masyarakat di Rantau Panjang dapat terbela. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, kita hendak selamat datang kepada Pertubuhan Kebajikan Rumah Anak Yatim Mak Teh, Perlis dan JKKK Gula Perlis. Terima kasih... [*Dewan tepuk*]

3. **Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah ada cadangan daripada pihak kementerian untuk melesenkan semua sekolah tahfiz termasuk yang baru dibina agar berada di bawah kawalan kementerian sepenuhnya bagi mengelakkan bencana menimpa sekolah tahfiz yang dibina tanpa kawalan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah-sekolah tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Islam atau undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu, urusan pendaftaran sekolah tahfiz adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri yang ditadbirkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri.

Sehubungan dengan itu, kerajaan sentiasa mengawasi penubuhan sekolah tahfiz di negeri seluruh Malaysia melalui Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Islam, Enakmen Pentadbiran Hal

Ehwal Agama Islam dan Kaedah-kaedah Pendaftaran dan Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam. Secara umumnya, enakmen tersebut menetapkan syarat-syarat tertentu seperti berikut:

- (i) kesesuaian sekolah atau bangunan;
- (ii) sumber kewangan untuk menyelenggarakan sekolah; dan
- (iii) matlamat penubuhan sekolah tersebut tidak bagi maksud yang mungkin memudaratkan kepentingan negeri atau persekutuan.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha penyelarasan dan kerjasama telah dilakukan oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai urus setia kepada Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam atau ringkasannya LEPAI.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menggubal Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang akan dilaksanakan melalui lima teras utama iaitu memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan, memperkenalkan model institusi tahfiz yang diiktiraf, memantapkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana, memperkasa takbir urus institusi tahfiz, mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz. Aspek kawal selia atau penaziran juga digariskan dalam Pelan Tindakan DPTN ke arah mewujudkan kaedah penaziran yang mantap dan bersesuaian dengan matlamat mewujudkan institusi tahfiz yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Timbalan Menteri. Orang muda ini berhibawa. Soalan saya, bila kita masuk kampung jalan, kita tengok sekolah tahfiz ini berlambak. Muncul boleh kata *every month*, setiap bulan muncul sekolah tahfiz. Maknanya di luar kawalan. Apabila berlaku kebakaran ataupun sebarang bencana, dia tidak naik atas kepala kepada kerajaan negeri, dia naik atas kepala kepada Kerajaan Pusat, JAKIM atau Kementerian Pendidikan. Jadi saya tengok, apakah langkah sebelum hendak tubuh itu tahu di bawah kerajaan negeri, tidak apa. Okey. Itu *settled*.

Akan tetapi kerajaan negeri juga sudah berdaftar, dia juga diletak di bawah ataupun didaftarkan oleh Kementerian Pendidikan atau JAKIM. Ini sebab saya tak hendak bila berlaku kebakaran macam di Keramat itu sampai mati 20-30 orang, siapa kena? Kena Kerajaan Pusat, tidak kena kerajaan negeri. Katalah berlaku benda ini macam- berapa banyak sekolah tahfiz ini. Saya tengok sekarang ini banyak lagi yang baru muncul, baru tumbuh sekolah tahfiz. Saya mintak supaya JAKIM biar ada penguatkuasaan ataupun *collaborate* dengan Kementerian Pendidikan supaya bila dia tersusun dan sistem kurikulum sekolah juga terkawal. Jangan dok main buat sekolah tahfiz, agama, agama. Jadi mesti dikawal oleh JAKIM atau *collaborate* dengan Kementerian Pendidikan supaya masalah yang berlaku tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat kakanda saya, Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim atas soalan yang begitu baik dan menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat kepada pembangunan pendidikan sekolah tahfiz.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mesyuarat *high level committee* ataupun Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah mengambil kira pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. *Insyaa-Allah* Yang Berhormat Rantau Panjang akan datang.

Sebenarnya antara perkara yang dibincangkan dan diberikan perhatian oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang turut berada dalam Dewan yang mulia pada hari ini, adalah salah satunya keputusan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat pada 19 September 2017, telah mencadangkan supaya Akta Pendidikan 1996 dapat diteliti semula untuk tujuan pindaan bagi membolehkan semua sekolah tahfiz ini di seluruh negara dapat dilakukan penyelarasan yang didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan tanpa mengambil ataupun menjejaskan bidang kuasa negeri-negeri. Itu salah satu daripada cadangan ataupun keputusan yang dilakukan.

Keduanya, adalah untuk memperkasakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini bukan sahaja hendak memastikan pendaftaran itu dapat dilakukan dengan baik, tetapi juga kita hendak memastikan agar kurikulum pendidikan tahfiz ini dapat diselaraskan supaya kita tidak mahu tanggapan ataupun pemikiran yang hari ini berlaku sedikit kecelaruan di kalangan masyarakat kita. Seolah-olah apabila kita hendak membangunkan pelajar-pelajar kita dengan kemahiran tahfiz menghafaz Al-Quran, kita melupakan pendidikan yang penting untuk menjadikan mereka bermanfaat kepada masyarakat.

Oleh sebab itulah di bawah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara seiring dengan dasar ataupun wawasan Transformasi Nasional TN50. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sering kali menegaskan kita ingin melahirkan pada 2050, 125 ribu hufaz profesional. Apa yang dimaksudkan hufaz profesional ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar mereka ini menghafaz 30 juzuk al-Quran, tetapi mereka juga harus mempunyai kemahiran dalam pelbagai disiplin ilmu.

Ini kerana kalau kita hendak membangunkan sesebuah tamadun, kita tidak hanya mengharapkan mereka ini menghafaz al-Quran tetapi mereka juga harus mempunyai keupayaan menguasai bidang-bidang ilmu yang bermanfaat kepada agamanya, kepada masyarakat dan juga kepada soal pembinaan tamadun. Contohnya, apabila dia seorang hafiz, dia juga adalah seorang doktor. Dia hafiz, dia juga adalah seorang akauntan. Dia hafiz, dia juga adalah seorang jurutera. Dia hafiz, dia juga sebagai pentadbir-pentadbir kerajaan. Tidak mustahil kalau ada 125 ribu hufaz pada 2050 yang profesional, satu hari nanti kita mungkin mempunyai Speaker, Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, hatta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di kalangan hufaz ataupun hafiz.

#### ■1050

Inilah hasrat yang ingin dicapai oleh kerajaan dan kita akan menyelaras bersama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri supaya wawasan ini dapat kita realisasikan secara bersama. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya dan terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana hendak menyelaraskan sekolah-sekolah tahfiz di seluruh Malaysia ini dan ia perlu kerana di kampung-kampung kadang-kadang satu kampung kawasan Parlimen sampai 20 sekolah tahfiz dan mereka ini mengutip zakat daripada orang kampung.

Soalan saya, ada sesetengah sekolah-sekolah tahfiz ini diwakafkan tanah kepada mereka dan saya mengetahui satu sekolah tahfiz pondok ini mendapat harta yang begitu banyak kerana ramai

orang yang mewakafkan kepada mereka dan mereka meletakkan tanah-tanah wakaf ini atas nama persendirian. Jadi bila bapanya meninggal maka difaraidkan harta-harta ini kepada anak-anaknya yang bukan daripada golongan yang mengajar di sekolah tahfiz tersebut. Anak Tok Imam ini bukan semuanya baik. Ada juga yang jadi penyangak dan penyamun. Ada yang jadi alim dan jadi ulama. Jadi anak-anak inilah yang mewarisi wakaf-wakaf yang diletakkan atas nama. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini dari segi hukumnya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menyuarakan berkenaan dengan isu penyalahgunaan konsep wakaf ini. Sebenarnya untuk pengetahuan, kita sudah ada peraturan. Di bawah Perlembagaan seperti mana yang saya sebutkan tadi Butiran 1, Jadual Kesembilan, Senarai Negeri.

Hal-hal yang berkaitan dengan wakaf ini adalah terletak di bawah kuasa negeri bahkan kita perlu memberikan pencerahan kepada masyarakat dan masyarakat harus difahamkan bahawa apabila mereka ingin mewakafkan sesuatu tanah ataupun aset, dia harus wakafkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri kerana apabila diwakafkan di atas nama Majlis Agama Islam Negeri-negeri barulah urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf ini dapat diselenggarakan dengan baik.

Jadi tidak timbullah penyalahgunaan apabila diwakafkan atas nama wakaf tetapi disebabkan nama itu atas nama individu, maka apabila penama itu ataupun tuan yang dinamakan tadi meninggal dunia maka berlakulah persengketaan adan juga pencerobohan kepada nilai-nilai ataupun prinsip-prinsip wakaf tersebut. Oleh sebab itulah penting untuk kita faham dan masyarakat harus difahamkan bahawa apabila kita hendak membantu apa juga bentuk termasuk sekolah tahfiz atas nama wakaf, kita kena memastikan tanah yang kita hendak wakafkan itu harus diwakafkan atas nama Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Bukan atas nama individu-individu, bukan atas nama syarikat, bukan atas nama pertubuhan dan bukan atas nama pusat-pusat tahfiz yang berkenaan. Terima kasih.

**4. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Kewangan menyatakan, bagaimana kerajaan dapat menjajarkan semula prestasi untuk mengukuhkan nilai ringgit pada tahun 2018 agar kos sara hidup rakyat lebih rendah dan prestasi ekonomi lebih baik.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya pada jangka masa pendek nilai ringgit akan sentiasa dipengaruhi oleh ketidaktentuan faktor luaran. Pada hakikatnya penyusutan nilai ringgit yang ketara sejak tahun 2014 bukanlah unik kepada ringgit sahaja kerana fenomena ini turut dialami oleh hampir kesemua mata wang serantau berikutan ketidaktentuan faktor luaran. Namun, berpandukan kepada asas-asas ekonomi negara yang semakin kukuh, nilai ringgit akan meningkat dalam jangka masa sederhana selaras dengan pembangunan positif ini.

Perubahan ini dapat dilihat pada tahun 2017 di mana nilai Ringgit telah meningkat sebanyak 9.7 peratus sehingga 15 Disember 2017 berbanding dolar Amerika Syarikat dan mencatat prestasi antara yang terbaik di kalangan negara-negara jiran. Perkembangan ini berpunca daripada kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia berikutan prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan.

Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan eksport yang melebihi jangkaan telah mendorong sentimen yang lebih positif dan di kalangan pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai Ringgit. Selain itu, sentimen positif terhadap Ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia pada penghujung tahun 2016.

Berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan tersebut kesan negatif daripada pasaran kontrak hadapan tanpa serahan luar posisi juga telah berkurangan dengan ketara. Kadar pertukaran Ringgit di luar posisi kini lebih menghampiri kadar tukaran Ringgit dalam negeri. Selain itu, *volatility* nilai Ringgit juga telah menurun dengan ketara. Ini secara tidak langsung membantu perniagaan dalam membuat keputusan dan menguruskan aliran tunai dengan lebih baik. Pertukaran luar pesisir daripada perdagangan juga adalah lebih tinggi pada USD2.2 bilion pada suku kedua 2017 berbanding USD1 bilion pada suku pertama 2017.

Pada bulan April 2017, FMC dengan kerjasama Bank Negara Malaysia telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon dan menambah fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk menguruskan risiko terhadap kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan membantu untuk terus mampan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri dan pasaran kewangan domestik sekali gus meningkatkan permintaan aset kewangan dalam mata wang Ringgit dan seterusnya mengukuhkan lagi kadar pertukaran Ringgit.

Inisiatif pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada penghujung 2016 dan April 2017 telah menstabilkan nilai mata wang Ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan. Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan dengan mempelbagaikan sumber ekonomi serta memperkukuhkan daya saing negara. Di samping itu, kekuatan mata wang Ringgit juga bergantung kepada aliran keluar masuk dana oleh rakyat Malaysia. Sehubungan itu, rakyat Malaysia juga turut berperanan untuk menyumbang dalam memperkukuhkan nilai Ringgit dengan mengutamakan produk dan perkhidmatan tempatan. Sekian, terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan begitu jelas dan terperinci. Soalan tambahan saya, apakah impak kepada ringgit berikutan perubahan Dasar Kewangan ataupun *Monetary Policy US Federal Reserve* baru-baru ini? Terima kasih.

■1100

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan ke atas faedah Amerika Syarikat ke paras yang wajar termasuk kenaikan kadar faedah yang terkini pada bulan Disember 2017 baru-baru ini telah dilaksanakan sejajar dengan pendirian dasar *monetary* yang lebih jelas oleh *Federal Reserve* atau FED. Ini telah mengurangkan ketidakpastian dalam pasaran kewangan berbanding dengan keadaan pasaran ketika kenaikan ke atas sebelumnya. Malah kebanyakan mata wang serantau termasuk Ringgit tidak terjejas oleh kenaikan kadar faedah oleh FED baru-baru ini. Namun begitu, dalam melangkah ke hadapan, apa-apa perubahan dalam hala tuju dasar *monetary* Amerika Syarikat mungkin akan menyebabkan turun naik pasaran kembali semula. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah kebenaran berhubung penilaian orang ramai yang menggunakan kadar pertukaran mata wang asing di kedai-kedai pertukaran mata wang asing sebagai penanda prestasi ekonomi negara dan apakah usaha-usaha kementerian menangani, menghakiskan persepsi khususnya yang negatif dan mendidik orang ramai berhubung kadar pertukaran mata wang asing di kedai-kedai tersebut. Sekian.

**Dato' Lee Chee Leong:** Memang kalau persepsi yang negatif, memang ada kesan kepada kadar atau mata wang ringgit. Akan tetapi sejak tahun 2017 ini mata wang Ringgit Malaysia sudah berkukuh sehingga dekat 10 peratus, yang mana perkembangan atau pertumbuhan negara kita adalah baik termasuk eksport yang ke luar negara ada bertambah baik, KDNK kita pun berjaya mendapat satu prestasi yang cukup baik sehingga Bank Negara, IMF pun bagi penarafan yang cukup bagus. Jadi memang Ringgit Malaysia akan bertambah kukuh. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri tentang persoalan jatuhnya nilai mata wang Ringgit Malaysia. Adakah benar dakwaan-dakwaan yang menyatakan bahawa semakin bertambah negara-negara dalam dunia ini termasuk di kawasan ASEAN yang telah tidak menerima ringgit Malaysia dalam pertukaran wang di negara-negara tersebut. Adakah benar dakwaan itu? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah benar?

**Dato' Lee Chee Leong:** Tidak benar, langsung tidak benar, tidak ada asas juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran Jawatankuasa MyPPP negeri Pulau Pinang dan Ahli-ahli MyPPP Pulau Pinang. Semoga dengan lawatan ini akan memberi sejuta manfaat kepada Jawatankuasa MyPPP Pulau Pinang... [Tepuk] Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 5.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**5. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah tindakan kementerian bagi mengatasi masalah lambakan bengkel kenderaan yang berselerak di pelbagai lokasi bandar raya. Keadaan bengkel yang berselerak serta kurang kemudahan dan infrastruktur malah ada yang didirikan secara haram menyebabkan gangguan kepada masyarakat setempat, pencemaran dan kesesakan lalu lintas.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mendapati tidak terdapat lambakan bengkel kereta di bandar raya Kuala Lumpur seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat. Premis-premis bengkel kereta di sekitar bandar raya Kuala Lumpur masih terkawal dan dipantau dari semasa ke semasa. Bilangan premis bengkel kereta berlesen di Kuala Lumpur yang dianggarkan berjumlah 830

buah masih lagi rendah berbanding dengan jumlah kenderaan berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada masa ini.

Pada tahun ini sehingga Oktober 2017, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan beberapa notis kompaun ke atas pemilik bengkel membaiki kenderaan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu sebanyak 72 notis kompaun telah dikeluarkan di atas kesalahan meletak, menyebabkan diletak barang, benda berhubung tendernya di tempat awam dan sebanyak 31 notis kompaun telah dikeluarkan ke atas kesalahan buang, tumpahan buangan cecair minyak hitam. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengambil tindakan ke atas aktiviti bengkel membaiki kenderaan pada tahun ini sehingga Oktober 2017 iaitu sebanyak 16 struktur bengkel tanpa kebenaran telah diambil tindakan roboh dan sebanyak 191 unit tayar serta lain-lain peralatan telah diambil tindakan pindah halangan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, mengikut garis panduan permohonan lesen premis perniagaan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menetapkan permohonan baru lesen premis bagi aktiviti bengkel kereta hanya dibenarkan di kawasan perindustrian sahaja. Seperti permohonan lesen juga diteliti dan dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Pelesenan Premis (JKPP) yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan dianggotai oleh beberapa jabatan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seperti Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Perancangan Bandaraya, Jabatan Pengawasan dan Kawalan Bangunan serta Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja bersama agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk melihat kesesuaian aktiviti dan lokasi perniagaan sebelum kelulusan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas bengkel kenderaan yang didirikan secara haram, menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat, pencemaran dan halangan lalu lintas. Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, jawapan yang cukup baik dan jelas. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan adakah kerajaan telah mempunyai garis panduan dalam menentukan tahap keselamatan dan kawalan bengkel-bengkel kenderaan. Ini perlu bagi memastikan semua operasi bengkel dapat dipelihara dengan baik. Adakah kerajaan bercadang untuk menempatkan semua bengkel kenderaan di lokaliti-lokaliti khusus yang dapat diuruskan dan diselia dengan baik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya, berkenaan dengan garis panduan. Pada masa sekarang garis panduan yang sedia ada digunakan dan dari semasa ke semasa kita akan memperbaiki garis panduan ini atau mengemaskinikan garis panduan ini untuk menambah baik untuk permohonan lesen. Manakala bagi penjagaan dan lokaliti dan sebagainya, DBKL belum mempunyai cadangan secara khusus untuk menempatkan bengkel di kawasan tertentu. Pada masa ini mereka perlu beroperasi di kawasan-kawasan komersial dan industri sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.



**6. Puan Hajah Azizah Binti Haji Harun** minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimanakah cara terbaik SPRM dan EAIC bekerjasama dalam memastikan isu integriti, rasuah dan penyelewengan jabatan dan agensi penguatkuasaan ditangani dengan berkesan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam Malaysia negaraku.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau yang dipanggil EAIC sememangnya mempunyai kerjasama yang erat bersama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memastikan isu integriti, rasuah dan penyelewengan jabatan serta agensi penguatkuasaan ditangani dengan cara yang lebih berkesan.

■1110

Seksyen 21 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 telah memperuntukkan kuasa kepada EAIC untuk mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi lain termasuk bekerjasama dengan mana-mana agensi penyiasatan dan penguasaan undang-undang yang dalam melaksanakan fungsi penyiasatan. Bekerjasama dengan institusi-institusi pendidikan serta EAIC juga boleh berunding dan berkongsi maklumat risikan dengan mana-mana agensi atau orang yang difikirkan sesuai tertakluk kepada peruntukkan kerahsiaannya.

Di bawah seksyen 21, Akta 700 ini EAIC telah menjalankan 11 siasatan bekerjasama dengan pihak SPRM sejak daripada 2015 hingga 2017, di mana pada tahun 2015 terdapat satu siasatan bersama telah dijalankan manakala lapan siasatan bersama telah dijalankan bagi tahun 2016. Bagi tahun 2017, setakat 30 November 2017, sebanyak dua siasatan bersama telah pun dijalankan bersama dengan pihak SPRM.

Selain itu seksyen 27(2), Akta 700 ini juga memperuntukkan kuasa kepada EAIC untuk menunjukkan sebarang aduan berkenaan kesalahan rasuah di bawah Bahagian IV, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kepada pihak SPRM untuk tindakan selanjutnya. Sejak tahun 2011 sehingga 2017 sebanyak 34 aduan telah dirujuk terus kepada pihak SPRM untuk tindakan mereka.

Dalam masa yang sama, SPRM juga telah membekalkan dua orang pegawai bagi tujuan peminjaman ke EAIC dan mereka ditempatkan dibahagikan operasi EAIC sebagai pegawai penyiasat. Kehadiran pegawai-pegawai ini adalah untuk membantu dan berkongsi kepakaran pegawai-pegawai lantikan EAIC dalam aspek-aspek siasatan. Buat masa ini terdapat seorang pegawai SPRM Gred P52 dilantik sebagai timbalan pengarah dalam soal siasatan bahagian operasi manakala seorang lagi pegawai adalah pegawai penyiasat Gred P44 terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan saya dengan baik dan jelas. Saya mendapat maklum balasan bahawa Suruhanjaya Integriti mengambil masa yang agak lama untuk memuktamadkan sesuatu aduan dan siasatan penuh EAIC.

Soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh EAIC untuk menangani masalah tempoh untuk memuktamadkan aduan dan siasatan ini dengan lebih cepat dan berkesan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Azizah. Saya dapati Yang Berhormat Senator suka tanya fasal soalan-soalan integriti ini. Sebenarnya Yang Berhormat Senator, EAIC ini ada 21 agensi penguat kuasa yang berada di bawahnya. Apabila satu-satu aduan disampaikan, mereka akan menilai dari segi sama ada ia jatuh di bawah di mana agensi yang terbabit. Ada kes yang diberikan kepada pihak PDRM, ada kes yang di sampaikan terus kepada pihak SPRM dan ada juga perkara-perkara yang berkaitan tentang ketidakpatuhan soal-soal pelbagai agensi termasuk sampai ke LPKP di Sarawak.

Jadi maknanya, bila kita dapat, kita nilai kita serahkan kepada agensi yang terbabit dan kita ada piagam untuk memastikan setiap perkara yang diadu disampaikan kepada agensi yang terbabit diambil tindakan. Kita akan ingatkan agensi tersebut tentang perkara-perkara yang disampaikan kepada mereka bagi hal yang berkaitan. Kalau ada kelewatan seperti Yang Berhormat bangkitkan itu, maka pihak EAIC sendiri sebenarnya akan memperingatkan kesemua 21 agensi penguat kuasa yang berada di bawahnya untuk mereka berikan maklum balas terhadap aduan-aduan yang telah disampaikan kepada mereka mengikut SOP ataupun piawaian piagam kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kita dapati bahawa di setiap kementerian sekarang ada unit integriti, cuma saya hendak tahu apakah-setakat manakah keberkesanannya dan adakah kementerian bercadang untuk mengembangkannya supaya meningkatkan anggota dan juga mengembangkan skop kepada keseluruhan jentera kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita seperti Yang Berhormat katakan kita telah pun mengaktifkan untuk semua jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi yang terbabit untuk mempunyai pegawai integriti masing-masing. Mereka melaporkan atau sentiasa diberikan latihan oleh pihak EAIC. Kita juga sebenarnya untuk mengembangkan lagi pelaksanaan ataupun perjalanan urusan integriti ini, Jemaah Menteri telah pun mengumumkan penubuhan Jabatan Integriti dan takbir urus negara yang berperanan sebagai badan yang akan menyelaras bukan sahaja soal-soal yang berkaitan dengan integriti tadbir urus, ia juga melibatkan soal penyalahgunaan kuasa dan juga rasuah yang berlaku dipihak semua kementerian termasuk agensi-agensi yang terbabit. Dalam masa yang sama jabatan ini juga akan berperanan untuk melihat hal-hal yang di bawah kuasa SUHAKAM iaitu soal-soal yang berkaitan dengan hak asasi manusia.

Mungkin ini tidak ada seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, namun begitu kesemua EAIC, SPRM dan juga Integriti sendiri akan memainkan peranan masing-masing dalam meletakkan tadbir urus sebagai agenda utama kerajaan, supaya pematuhan berada di tahap yang paling tinggi. Dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan, saya percaya akan banyak manfaat akan kita peroleh dan pegawai-pegawai integriti yang ditempatkan ini adalah sebagai penyambung kepada segala usaha yang akan dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

7. **Dr. Zaiedi Haji Suhaili** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, memandangkan tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia, maka apakah koordinasi yang dibuat dengan kerajaan negeri untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2020.

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kempen *Visit Malaysia Year 2020* akan ditonjolkan sebagai salah satu misi nasional yang melibatkan pelbagai kementerian, agensi, jabatan, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan juga penggiat-penggiat industri melalui kerjasama strategik dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru-Kebangsaan (N-BOS). Di mana ianya menekankan prinsip kos rendah berempak tinggi dan juga pelaksanaan pantas dan pendekatan ini penting untuk memastikan program dan juga aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2020 akan memberikan impak yang optimum kepada industri pelancongan negara.

Bagi tujuan penyelarasan, pihak kementerian akan menubuhkan jawatankuasa penyelarasan peringkat kebangsaan kempen VMY2020 bagi membolehkan penyelarasan dan juga penyelesaian isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan VMY2020 dengan semua pihak yang berkaitan. Semua program berjadual kementerian, agensi lain dan juga kerajaan negeri sepanjang tahun 2020 akan dijadikan sebagai program pelengkap kempen VMY2020 ini. Semua kementerian dan juga agensi adalah dihendaki menggunakan logo rasmi VMY 2020 dan juga menayangkan video promo VMY2020 dalam acara rasmi dan juga program-program khususnya yang bertaraf antarabangsa anjuran kementerian-kementerian dan juga agensi masing-masing.

Pada masa yang sama, kementerian juga akan menggunakan platform mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan, Pembangunan, Pelancongan dan Kebudayaan (JKPPK) untuk kita merangka strategi dan juga pelan tindakan yang bersesuaian di peringkat negeri bagi menyokong pelaksanaan VMY2020 di peringkat kebangsaan. Keanggotaan JKPPK ini adalah terdiri daripada menteri-menteri pelancongan dan juga Exco-Exco pelancongan negeri yang akan dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan diadakan secara berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Pejabat KPK di setiap negeri juga akan sentiasa bekerjasama rapat dan kerajaan negeri untuk memastikan kempen VMY2020 ini akan berjalan dengan baik, lancar dan teratur mengikut perancangan yang telah pun kita tetapkan. Sehubungan dengan itu, kerjasama padu daripada semua pihak adalah sangat diperlukan bagi memastikan kejayaan VMY2020 ini dalam merealisasikan matlamat *Malaysian Tourism Transformation Plan* (MTTP) yang menyasarkan 36 juta pelancong dan juga mendapat pendapatan melalui pelancongan sebanyak RM168 bilion. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan Yang Berhormat

■1120

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan, Yang Berhormat.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri di atas jawapan yang telah diberikan tadi. Saya cukup yakin bahawa kementerian serta kerajaan negeri akan cukup bersedia bagi menjayakan tahun melawat Malaysia 2020. Akan tetapi, apa yang saya hendak

tahu ialah apakah usaha yang telah digiatkan oleh pihak kementerian dengan pemain-pemain industri, baik di dalam negara mahupun di luar negara bagi membawa lebih banyak pelawat ke negara kita menjelang tahun 2020? Selain daripada itu, apakah acara-acara besar yang bertaraf antarabangsa ataupun bertaraf dunia yang akan dianjurkan oleh negara kita dalam tahun 2020, sama ada ia dianjurkan di Kuala Lumpur mahupun di negeri-negeri lain di negara kita? Terima kasih.

**Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin:** Terima kasih, Yang Berhormat Dr. Senator. Soalan yang pertama berkenaan dengan bagaimanakah *engagement* yang dibuat dengan pihak penggiat industri pelancongan. Jadi, saya tahu Yang Berhormat daripada Sarawak, jadi kita juga ingin memastikan agar ada kerjasama yang jitu, yang baik, agar dapat kita mempertingkatkan dengan penggiat industri, pihak kementerian dengan mengadakan sesi *networking*, dan *roadshow* yang akan kita adakan bersama dengan penggiat industri *stakeholder* di setiap negeri.

Hal ini untuk kita mendapatkan maklum balas, pandangan, cadangan daripada semua pihak berkenaan bagaimana yang boleh kita lakukan bersama bagi memastikan kempen VMY2020 ini berjaya dan apakah perkara-perkara penambahbaikan yang boleh kita lakukan.

Kedua, sesi *networking* ini juga akan mengambil tempat bermula tahun depan pada setiap negeri dan sehingga pada tahun 2019.

Kita juga memperlihatkan bahawa banyak yang kita- merujuk kepada soalan yang kedua, kita tengok spesifiknya kepada Sarawak, di Sarawak kita lihat yang berpotensi untuk dilakukan, potensi *event for 2020*, antaranya *Rainforest World Music Festival* yang sentiasa dinanti-nantikan, *Sarawak Regatta*, *Miri Jazz Festival*, *Mulu Eco Challenge* dan juga *Kuching Marathon*. Perkara-perkara ini juga melibatkan juga dengan kehadiran *flight* secara *direct* kepada setiap negeri ataupun adanya *direct flight*. Maksudnya, lebih banyak lagi orang ke Malaysia.

Oleh sebab itu, Yang Berhormat Menteri sibuk mempromosikan dan juga untuk mendapatkan *direct flight* daripada luar negara untuk datang ke Malaysia. Baru-baru ini, kita berjaya *secure* daripada Frankfurt yang akan terbang ke Malaysia, *direct* tiga kali seminggu. Hal ini kerana *direct flight* ini cukup penting, kerana apabila mereka *direct flight*, itu tentunya kita mempunyai *passenger* yang berkualiti yang *direct* datang ke negara kita berbelanja dan juga tinggal dengan lebih lama di Malaysia.

Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat, dan untuk acara-acara besar yang lain, pastinya akan kita bincangkan di dalam Jawatankuasa Penyelarasan Peringkat Kebangsaan yang akan kita tubuhkan nanti. Terima kasih, Yang Berhormat.

**8. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi peningkatan kos sara hidup terutama bagi penduduk berpendapatan rendah dan sederhana di Wilayah Persekutuan Labuan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan, saya mengalu-alukan kehadiran *American Council of Young Political Leaders*, *delegations* daripada *United States of America*... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan menerusi Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Labuan serta kerjasama beberapa kementerian yang berkaitan sedang berusaha mengambil langkah-langkah menangani isu kos sara

hidup yang tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan. Inisiatif menyejahterakan rakyat ini adalah untuk mengatasi peningkatan kos sara hidup yang telah berterusan sejak dahulu lagi dan semakin merudum sejak kejatuhan industri minyak dan gas di Wilayah Persekutuan Labuan. Melalui inisiatif ini, pelbagai program telah dirangka bagi membantu komuniti Labuan dalam mendepani isu kos sara hidup yang tinggi.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah memperkenalkan kad ceria sebagai kad diskaun di Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini diperkenalkan bagi membolehkan komuniti di Wilayah Persekutuan Labuan membeli barangan keperluan harian daripada rakan dagang yang terlibat dengan mendapatkan diskaun antara tiga hingga lima peratus. Sehingga kini, terdapat 200 orang rakan dagang yang menerima pakai kad ceria di Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 25,457 orang telah didaftarkan sebagai pemegang kad tersebut.

Diskaun tambahan feri dan bot laju sebanyak 50 peratus. Kerajaan juga masih meneruskan inisiatif pemberian diskaun pengangkutan sebanyak 50 peratus untuk tambahan feri dan bot laju di Wilayah Persekutuan Labuan yang diberikan sejak tahun 2013. Inisiatif ini juga akan terus berjalan pada tahun hadapan. Bagi tahun 2017, dan tahun 2018, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM11 juta sebagai subsidi perkhidmatan yang pastinya memberikan manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang merupakan golongan terbesar yang menggunakan perkhidmatan ini seterusnya, membantu mengurangkan kos sara hidup mereka.

Ketiga, pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP). Kementerian juga sedar bahawa selain daripada mengimbangi kenaikan harga barangan dan perkhidmatan rakyat juga amat memerlukan keperluan paling asas iaitu tempat tinggal atau kediaman. Bagi memenuhi keperluan tempat tinggal untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana di Wilayah Persekutuan Labuan, kementerian telah memperkenalkan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali sebagai (RUMAWIP). Pada ketika ini, sejumlah 1,665 unit buah RUMAWIP telah dibina di Wilayah Persekutuan Labuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 970 unit telah dijual. Manakala, selebihnya iaitu 695 unit lagi akan siap dibina dalam tempoh terdekat.

Program memperkasakan ekonomi bumiputera. Pelbagai langkah telah diambil bagi membantu golongan miskin dan sederhana di Wilayah Persekutuan Labuan melalui Program Memperkasakan Ekonomi Bumiputera. Program ini memberikan pendekatan berbentuk mikro dan disasarkan terus kepada *target group*. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan infrastruktur dan fasiliti premis perniagaan gerai makan dan ikan bakar Kiam Sam;
- (ii) menyediakan ruang perniagaan makanan untuk usahawan tempatan berniaga makanan berasaskan laut dengan kadar sewa yang munasabah;
- (iii) membina enam gerai jualan ikan di kampung bagi membolehkan ikan dijual dengan harga lebih rendah dari harga pasaran;
- (iv) membangunkan industri perikanan ikan bilis melalui bantuan penyediaan infrastruktur Bagan kepada nelayan di Labuan bagi pasaran tempatan dan antarabangsa;

- (v) mengadakan kursus pelayaran maritim *Global Positioning System* (GPS) bagi meningkatkan kemahiran pengusahaan nelayan dalam bidang pelayaran dan lokasi tumpuan ikan;
- (vi) mengadakan kursus menyelam untuk nelayan, *Open Water Certificate* bagi memberikan latihan mengenai ciri-ciri keselamatan semasa mengenal pasti lokasi tumpuan ikan;
- (vii) memberikan bantuan peralatan enjin sangkut, bahan membuat bubu dan kursus asas bina bubu kepada pengusaha bubu untuk meningkatkan hasil tangkapan;
- (viii) memberikan bantuan peralatan dan mesin memproses ikan bagi meningkatkan jualan di pasaran tempatan dan antarabangsa;
- (ix) mengadakan kursus penyelenggaraan penyaman udara rumah dan kenderaan bagi melahirkan usahawan dalam bidang penyelenggaraan penyaman udara, rumah dan kenderaan;
- (x) melaksanakan kursus peningkatan pengusahaan kambing kepada ternak sedia ada untuk perkembangan industri ternakan kambing di Labuan;
- (xi) pelaksanaan kursus asas tani untuk penambahan buah-buahan tempatan dan perladangan bagi meningkatkan hasil pertanian dan jumlah pendapatan para petani serta memberikan kemahiran pengetahuan tanaman secara sistematik untuk peningkatan hasil jualan;

#### ■1130

Meningkatkan jumlah pemandu pelancong alam semula jadi yang bertauliah, dengan memberikan latihan kemahiran dalam bahasa Inggeris dan Mandarin dan ketiga belas memberi bantuan deposit perniagaan kenderaan bergerak, *food truck* sebanyak RM10,000 setiap peniaga bumiputera yang berkecukupan.

Selain itu, kementerian juga mengambil inisiatif merangka langkah-langkah jangka panjang bagi usaha mengurangkan kos sara hidup di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu *Program Labuan Go Green*. Program yang diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan ini bertujuan mengurangkan beban rakyat untuk memperoleh bahan-bahan komoditi asas pertanian seperti kelapa parut, santan kelapa yang dijual pada harga yang sangat tinggi. Melalui program ini, setiap penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan akan dibekalkan benih kelapa matang dan kelapa pandan untuk ditanam di kawasan rumah masing-masing dan tanah lapang yang bakal memberi hasil dalam tempoh tiga tahun dari sekarang. Program ini dijangka mampu meningkatkan penawaran santan kelapa segera dan kelapa parut yang seharusnya dapat menstabilkan harga komoditi berkenaan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Program perusahaan *frozen seafood*, dalam membantu merencanakan kembali perusahaan makanan laut sejuk beku dan segera di Wilayah Persekutuan Labuan yang terjejas akibat pelaksanaan polisi larangan makanan laut sejuk beku segera sebagai *check in baggage* oleh Malaysia Airlines Berhad. Kementerian Wilayah Persekutuan telah membuat rundingan bersama dan memberikan pengecualian kepada Wilayah Persekutuan Labuan. Inisiatif ini seterusnya dapat membantu nelayan

tempatan untuk memasarkan hasil tangkapan mereka kepada para pengusaha *frozen seafood* sebagai salah satu produk untuk dibawa pulang oleh pelancong atau *business traveler* yang melancong di Wilayah Persekutuan Labuan. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang terperinci dan panjang lebar. Saya ingat cukuplah Yang Berhormat. Masa untuk soalan Jawab Lisan selesai. Setiausaha...

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.33 pg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002, [Akta 617] dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Henry Sum Agong:** Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002, [Akta 617] digubal bagi tujuan untuk menubuhkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta 617 ini telah mula berkuat kuasa pada 3 Mac 2003. Akta ini merupakan akta penubuhan Perbadanan Harta Intelek Malaysia ataupun MyIPO sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab untuk mengawal selia dan menguatkuasakan perundangan harta intelek di Malaysia. Akta 617 ini belum pernah dipinda sejak dikuatkuasakan pada tahun 2003.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sebentar.

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta 617. Tujuan pindaan adalah untuk mewujudkan peruntukan baharu yang jelas bagi membenarkan MyIPO menubuhkan syarikat dalam usaha memperkasa dan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi memastikan, kelestarian MyIPO sebagai pentadbir harta intelek di Malaysia.

Pindaan terhadap Akta 617 akan menambah baik tadbir urus MyIPO dan memperjelaskan lagi kuasa dan fungsi untuk mengawal selia dan menguatkuasakan perundangan harta intelek dan hal-hal yang berkaitan. Keupayaan MyIPO untuk menjana pelbagai sumber pendapatan akan menjamin kelestarian MyIPO bagi mengukuhkan pentadbiran sistem harta intelek, serta dapat mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan melalui sumber pendapatan baharu daripada anak syarikat yang bakal ditubuhkan.

Secara tidak langsung inisiatif ini akan dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan terutama dari segi kos latihan, promosi dan program latihan awam dan akan menggalakkan program-program membudayakan inovasi dan kreativiti di negara ini. Seterusnya, menyokong transformasi ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini juga telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara dan juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 4 Ogos 2017. Pindaan yang dicadangkan adalah memasukkan seksyen baharu 35A untuk memberi perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016, Akta 777.

Tertakluk kepada kelulusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Menteri Kewangan untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas mengelola dan menguruskan apa-apa aktiviti, projek atau inisiatif yang telah dicadangkan atau diusahakan oleh perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah perenggan 17(e), (f) atau (i). Ini akan membolehkan perbadanan mempelbagaikan aktiviti dan menjana pendapatan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli Yang Berhormat di depan saya ini, dipersilakan Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

**11.39 pg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk menjadi pembahas pertama bagi Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017 pada kali ini.

■1140

Terus kepada topik yang pertama iaitu berkait dengan kuasa untuk menubuhkan syarikat. Di mana melalui pindaan pada kali ini seksyen baru 35A memperuntukkan di mana perbadanan diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat bagi tujuan menjalankan dan bertanggungjawab mengelolakan dan menguruskan apa-apa aktiviti, projek atau inisiatif yang telah dirancang atau diusahakan oleh perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah seksyen 17(e), (f) atau (i).



Di sini saya ingin merujuk kepada seksyen-seksyen tersebut iaitu seksyen di bawah 17(e), (f) atau (i) ini di mana fungsinya yang dinyatakan dalam seksyen tersebut adalah seksyen 17(e) untuk menggalakkan dan meningkatkan latihan dan penyebaran pengetahuan dan maklumat mengenai harta intelek, (f) mengadakan, menggalakkan dan menyediakan program kerjasama di peringkat kebangsaan atau antarabangsa melalui isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek dan (i) untuk menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomisikan kajian mengenai isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek.

Jadi, soalan saya adalah berkait dengan seksyen 17(i). Di mana untuk menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomisikan, adakah tidak boleh perkara berkait dengan penyelidikan dan mengkomisikan kajian mengenai isu atau perkara yang berhubung dengan harta intelek ini tidak boleh dilaksanakan ataupun dilaksanakan secara kerjasama dengan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Saya yakin sekiranya IPTA-IPTA ini diberi tugas dan tanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan ini, tentu sekali mereka mampu menjalankan penyelidikan ini dan tentu sekali ini boleh membantu IPTA-IPTA daripada sudut penajaan kewangan, menaik taraf IPTA-IPTA dan juga tentu sekali meningkatkan lagi profesionalisme tenaga-tenaga akademik IPTA. Jadi, saya mohon komen Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perkara ini. Adakah sebelum ini, berkait dengan fungsi 17(i) ini pernah diberikan tanggungjawab penyelidikan ini kepada IPTA-IPTA.

Kedua, berkait dengan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendaftaran harta intelek melalui fungsi-fungsi di bawah (e) dan (f) itu. Setakat ini, saya ingin tahu setakat mana kefahaman masyarakat tentang pendaftaran harta intelek, kefahaman masyarakat tentang kepentingan pendaftaran harta intelek ini. Saya mohon pecahan bilangan pendaftaran harta intelek mengikut kaum dan juga mengikut negeri.

Hari ini kita lihat di pasaran terdapat pelbagai fesyen tudung dan juga pakaian Muslimah yang telah *didesign* dengan pelbagai rekaan. Saya ingin tahu, adakah rekaan-rekaan tudung dan pakaian Muslimah ini didaftar sebagai harta intelek? Jika ada, berapakah bilangan yang telah dipatenkan sehingga sekarang?

Saya juga ingin tahu, semenjak Akta 617 diperkenalkan sehingga sekarang, berapakah bilangan harta intelek yang telah didaftarkan? Adakah terdapat aduan-aduan berkait dengan harta intelek ini dan pendakwaan-pendakwaan berkait dengan harta-harta intelek. Sebab kemungkinan kita ingin tahu progresifnya akta ini. Progresifnya pendaftaran harta intelek ini adalah berkait dengan kesedaran masyarakat tentang kuat kuasa dan kepentingan akta ini dan hak-hak mereka di bawah akta ini.

Seterusnya berkait dengan fi dan caj agen. Saya telah meneliti bayaran-bayaran fi yang dikenakan di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Akta 617 dan saya berpandangan fi yang dikenakan adalah bersesuaian dan tidak melampau. Akan tetapi, apa yang sering menjadi rungutan oleh pihak yang ingin memohon pendaftaran harta intelek adalah caj perkhidmatan yang dikenakan oleh agen paten berdaftar yang mana caj yang dikenakan agak mahal.

Saya kira caj yang mahal ini yang menyebabkan banyak syarikat kecil ataupun individu tidak meneruskan hajat mereka untuk mendaftarkan harta intelek mereka di samping kemungkinan mereka juga kurang maklumat tentang kepentingan pendaftaran harta intelek. Suka di sini saya mencadangkan

agar di samping memberi pendidikan tentang kepentingan pendaftaran harta intelek, kerajaan juga turut menyediakan suatu garis panduan untuk menguruskan dan menyediakan sendiri dokumentasi berkaitan pendaftaran harta intelek tanpa menggunakan khidmat agen jika ini dibolehkan.

Jika khidmat agen diperlukan, perlu ada suatu garis panduan berkait caj perkhidmatan yang disediakan. Saya mohon maklumat, berapakah bilangan agen paten berdaftar di seluruh negara? Terakhir, berkait dengan dana harta intelek. Kerajaan sebelum ini telah memperkenalkan dana harta intelek bagi membantu golongan belia, pelajar dan komuniti setempat yang tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai kos pemfailan harta intelek mereka. Saya ingin tahu adakah skim ini masih diteruskan? Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan? Berapakah jumlah yang telah digunakan serta bilangan harta intelek yang telah mendapat manfaat daripada skim dana harta intelek ini.

Sekian, perbahasan saya untuk rang undang-undang ini. Mohon untuk mendapatkan maklum balas yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Saya beralih kepada nombor dua iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Dipersilakan.

**11.46 pg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk ikut serta dalam membahaskan rang undang-undang, pindaan ini bagi memberikan hak dari segi peruntukan perundangan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia menubuhkan sebuah syarikat di bawah seksyen baru iaitu seksyen 35A, Akta Ibu. Akta Ibu itu daripada Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002.

Kalau kita merujuk kepada akta ibu melalui pindaan ini, perbadanan ini mempunyai hasrat untuk menubuhkan sebuah syarikat bagi menjalankan perkara seperti berikut:

- (i) menjalankan perkhidmatan sebagai institusi latihan pengurusan harta intelek seperti mana peruntukkan ini yang berada dalam seksyen 17(e);
- (ii) menjalankan program atau konvensyen di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang mana akan memanfaatkan kerja perundangan dan penguatkuasaan daftar harta intelek seperti dalam seksyen 17(f) dan juga sebagai sebuah institusi korporat untuk menjalankan penyelidikan; dan
- (iii) mengkomisikan kajian mengenai isu dan perkara harta intelek seperti mana yang terkandung di dalam perkara 17(i).

Saya menyokong penuh penubuhan anak syarikat ini untuk menjalankan latihan dan kursus berkaitan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia bersesuaian dengan pertumbuhan ekonomi semasa dan keperluan kepada usahawan digital untuk memahami selok-belok dan peranan harta intelek dalam setiap produk dan hasil perkhidmatan yang dipasarkan oleh mereka.

Ini akan membendung kegiatan mencetak rompak dan mengambil hak tanpa kebenaran dan bayaran royalti yang patut dikenakan kepada atas usaha mereka. Namun saya ingin mendapat penjelasan, apakah melalui penubuhan anak syarikat ini akan menyebabkan setiap pemohon atau

paten atau hak cipta akan dibebani dengan pelbagai kos? seperti juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi yang akan merumitkan seseorang individu atau syarikat kecil untuk mempatenkan hak kerjaya mereka.

■1150

Bahkan, saya ada menerima maklumat bahawa ada juga permohonan-permohonan untuk mendaftar harta intelek mendapat maklumat balas ke atas permohonan mereka agak lambat dan menunggu sekian lama untuk mendapat kelulusan dan sebagainya terutama sekali daripada individu-individu ataupun daripada usahawan-usahawan kecil.

Oleh demikian, saya ingin mendapat jaminan kerajaan. Apakah dengan penubuhan anak syarikat Perbadanan ini, batas dan tata kelola yang diperuntukkan ke atas Perbadanan dalam seksyen 18(2)(b) di mana Perbadanan mempunyai kuasa dalam menentukan caj ataupun fi, dan kuasa untuk melantik ejen dalam seksyen 18(2)(c) boleh dipelihara dan tidak membebankan rakyat untuk mempatenkan hak cipta dan hak milik mereka ke atas karya dan juga inovasi mereka?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan dan Perbadanan ini, apakah wujudnya anak syarikat ini akan meningkatkan kos pendaftaran paten oleh ejen pendaftar paten? Ini sudah tentu biasanya akan meningkatkan kos kerana ejen-ejen ini juga akan mengenakan bayaran-bayaran ke atas perkhidmatan mereka iaitu ke atas urusan pendaftaran dan ada kalanya juga ialah pendaftaran paten-paten ini dibuat menerusi rundingan bebas ataupun kita buat menerusi peguam.

Apakah kewujudan syarikat ini akan ada satu peraturan atau perintah wajib bahawa seorang ejen yang berurusan dengan Perbadanan akan dikenakan syarat untuk menghadiri kursus melalui akta ini atau tata kelola yang mana semua ketetapan baru ini akan menimbulkan bantahan dari orang ramai dan kesukaran dalam tadbir urus daftar paten ataupun hak milik harta intelek?

Tuan Yang di-Pertua, inilah hujah-hujah yang saya kemukakan di dalam perbahasan saya pada pagi ini. Saya mohon menyokong pindaan ini dengan syarat kerajaan memberi satu jaminan dan tegas dalam menguatkuasakan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi agar kerangka kerja perundangan dan urusan daftar paten dan dihakmilik harta hak kita harta milik di Malaysia ini adalah terjamin dan juga terpelihara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Ada sesiapa lagi hendak bahas boleh sampaikan senarai nama. Sekarang pun boleh.

Ketiga, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin. Silakan.

**11.53 pagi.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017.

Sebagaimana pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada KPDNKK dan MyIPO kerana meminda akta ini bagi membolehkan MyIPO menubuhkan syarikat di bawah peruntukan seksyen baru 35A dengan fungsi selaras dengan ketetapan yang dibuat dalam seksyen 17(e), (f) dan (i).

Tuan Yang di-Pertua, fungsi dan peranan dimainkan MyIPO amatlah penting seiring dengan pertumbuhan ekonomi global dan dasar dagangan bebas digital yang semakin menjadi pilihan orang awam.

Namun, apa yang masih kita kesali, pengurusan dan tadbir urus hak cipta bagi menangani cetak rompak muzik, penyalahgunaan cap dagangan, reka bentuk industri, reka bentuk dan ilustrasi seni kreatif, imej fotografi dan pelbagai harta intelek lain masih lagi belum mencapai tahap penguatkuasaan penuh oleh MyIPO dan kerajaan.

Jenayah siber yang memuat turun kandungan muzik, pemalsuan produk dengan menggunakan cap dagangan asli, penggunaan reka bentuk industri tanpa kebenaran pihak pemegang paten, menggunakan reka bentuk kreatif dan imej fotografi tanpa membayar royalti atau caj kepada tuan yang hak adalah kekangan utama pertumbuhan sektor ekonomi harta intelek di Malaysia terutama dalam bidang seni kreatif. Satu kekangan juga adalah kerana di Malaysia kita tidak mempunyai agensi atau syarikat milik kerajaan yang dibangunkan khusus untuk memungut royalti harta intelek dan menyalurkan kepada pemilik sah harta intelek yang berdaftar dengan MyIPO.

Justeru, soalan saya kepada kementerian, bagaimanakah melalui pindaan akta ini, kerajaan dapat menubuhkan sebuah syarikat yang boleh membantu pemilik harta intelek untuk mendapatkan royalti atau caj kebenaran penggunaan dalam persekitaran digital kini?

Soalan yang kedua, apakah dengan penubuhan syarikat ini dan mematuhi seksyen 17(f) di mana MyIPO boleh mengadakan, menggalakkan dan menyediakan program kerjasama di peringkat kebangsaan atau antarabangsa mengenai isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek dapat memuktamadkan isu-isu royalti, caj bayaran penggunaan atau apa-apa fi yang difikirkan patut oleh pemilik harta intelek agar satu dimensi baru dapat distrukturkan dalam tadbir urus harta intelek di peringkat kebangsaan dan antarabangsa?

Saya juga telah menerima beberapa aduan, bagaimana tadi Yang Berhormat tadi kata tentang tempoh masa pendaftaran, kerana terdapat beberapa aduan mengambil masa yang lama tentang hendak mendaftarkan harta intelek itu. Sehubungan dengan itu, saya mohon penjelasan mengenai apakah prosedur tempoh masa sebenar bagi seorang individu atau organisasi untuk mendaftarkan pemilikan harta intelek tersebut?

Saya juga mohon penjelasan mengenai permohonan pemeriksaan dipercepatkan. Apakah keperluan terhadap prosedur tersebut untuk mempercepatkan pemeriksaan untuk didaftarkan? Dan kosnya berapa? Sebab saya difahamkan terdapat fi yang dikenakan bagi setiap permohonan yang hendak dipercepatkan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Ada lagi sesiapa? Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**11.58 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada tiga orang Yang Berhormat Senator yang membahaskan mengenai pindaan rang undang-undang yang dibawa oleh pihak kementerian.

Pertama, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed yang bertanya mengenai garis panduan berkenaan dokumentasi pendaftaran harta intelek.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, garis panduan berserta dokumentasi mengenai cara-cara untuk mendaftarkan harta intelek memang disediakan di dalam laman sesawang MyIPO, [www.myipo.gov](http://www.myipo.gov). Garis panduan berbentuk brosur juga disediakan kepada orang awam bagi memudahkan orang awam untuk membuat permohonan harta intelek di MyIPO. Ejen harta intelek yang berdaftar di MyIPO adalah sebanyak 500 orang.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bertanya dana harta intelek yang masih diteruskan dan juga berapa bilangan penerima.

#### ■1200

Buat masa ini, Dana Harta Intelek masih lagi diteruskan di mana peruntukan sebanyak setengah juta atau RM500,000 adalah diberi bagi setahun. Pada tahun 2017 ini, sebanyak RM499,519 telah diperuntukkan kepada 274 penerima yang terdiri daripada permohonan paten cap dagangan reka bentuk perindustrian dan juga hak cipta.

Seterusnya, Yang Berhormat juga membangkitkan isu mengenai usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan pendaftaran harta intelek. Bagi meningkatkan kesedaran harta intelek seterusnya meningkatkan pendaftaran, MyIPO melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) kempen kesedaran harta intelek;
- (ii) *IP Easy* iaitu taklimat dan bantuan pendaftaran kepada usahawan PKS;
- (iii) *IP Mobile* sebagai medium pameran harta intelek;
- (iv) program *IP Funtastic* yang memberi fokus kepada guru dan pelajar;
- (v) program *IP Summer Camp* menyasarkan pelajar sekolah menengah; dan
- (vi) penggunaan media sosial dalam menyebarkan maklumat harta intelek.

Sementara Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bertanya mengenai penubuhan syarikat ataupun juga ingin tahu mengenai kos pendaftaran paten yang meningkat selepas penubuhan syarikat. Kos pemfailan ditetapkan oleh peraturan-peraturan sedia ada. Syarikat yang akan ditubuhkan tidak terlibat dengan penetapan fi pemfailan.

Kedua, Yang Berhormat ingin tahu apakah tiada keberkesanan sekiranya syarikat ini tidak ditubuhkan. Penubuhan syarikat ini akan dapat meningkatkan keberkesanan dalam beberapa fungsi yang tidak dapat dilaksanakan oleh MyIPO selama ini iaitu khidmat nasihat profesional bagi pengurusan harta intelek oleh pemilik harta intelek seperti *transfer of technology*, pengkormersilan harta intelek dan *licensing* atau pelesenan harta intelek.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bertanya, adakah kerjasama diadakan dengan IPTA mengenai kajian dan penyelidikan mengenai harta intelek. Aktiviti yang akan diadakan adalah membuat kajian dan penyelidikan terhadap perkembangan harta intelek. Sehingga kini, masih baru diadakan kerjasama dengan IPTA mengenai aktiviti penyelidikan dan kajian. Anak syarikat ini akan mengadakan kerjasama dengan IPTA mengenai aktiviti pemilikan dan kajian harta intelek.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Sedikit lagi Yang Berhormat. Berkait dengan Dana Harta Intelek itu tadi, adakah Dana Harta Intelek ini diteruskan pada tahun-tahun akan datang? Ini sebab kalau tengok kepada permohonan untuk tahun 2017, tarikh tutupnya adalah sehingga 30 April 2017. Adakah tahun 2018 ia masih lagi diteruskan?

**Dato' Henry Sum Agong:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dana Harta Intelek ini akan diteruskan bagi tahun-tahun akan datang.

Selanjutnya ini mengenai Dana Harta Intelek, berkaitan dengan pemfailan. Tahun 2016 yang lalu, sebanyak 274 pemfailan. Tahun 2017, 265 pemfailan bagi Dana Harta Intelek. Lima tahun sehingga tahun diteruskan bagi tahun-tahun akan datang iaitu lima tahun sehingga tahun 2050, masa kinilah iaitu maklumat yang ada. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri belum menjawab persoalan-persoalan saya. Pertama berkenaan dengan royalti, adakah dengan pindaan akta ini dapat membantu atau pihak kerajaan dapat menubuhkan syarikat ataupun entiti yang dapat membantu pemegang-pemegang harta intelek ini mengutip ataupun mendapatkan royalti dan caj kebenaran penggunaan harta intelek mereka. Soalan saya pertama. Kedua, apakah program-program yang boleh dibuat oleh penubuhan syarikat ini mengadakan kerjasama dan galakan program dalam peringkat negara dan juga antarabangsa dalam melindungi royalti harta intelek tersebut.

Ketiga, berkenaan dengan tempoh masa pendaftaran kerana rungutan daripada orang awam, mengambil tempoh yang lama. Mungkin dapat diperjelaskan berapa tempoh lama dan berkenaan dengan permohonan pemeriksaan dipercepatkan. Ini kerana tak silap saya, dia melibatkan caj ribuan ringgit juga fi kalau hendak dipercepatkan. Apakah proses dan mengapakah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai tempoh pemprosesan harta intelek yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator tadi, tempoh pemprosesan yang biasa bagi permohonan paten adalah 26 bulan. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan paten yang dipercepatkan yang membolehkan permohonan paten diproses dalam masa 20 bulan. Bagi cap dagangan, permohonan yang dipercepatkan adalah daripada 12 bulan kepada 6 bulan dan 3 minggu.

Untuk makluman seterusnya, pada tahun ini tadi 2017, MyIPO dengan kerjasama pihak KPDNKK telah mengambil inisiatif menubuhkan sebuah badan tunggal kutipan royalti iaitu Music Rights Malaysia Berhad (MRM). Inisiatif ini adalah bagi memastikan hak dan juga royalti pemunya hak cipta ditadbir urus dan disalurkan secara lebih telus. Selain itu, isu kekeliruan yang dihadapi oleh pihak pengguna dalam membuat bayaran kutipan royalti dapat ditangani dengan baik dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, ada lagi? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri KPDNKK yang telah menjawab dengan terang dan nyata. Terima kasih banyak.

## ■1210

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.13 tgh.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017 yang akan dicadangkan ini bertujuan untuk meminda Akta 771 bagi mempertingkatkan keberkesanan suruhanjaya Penerbangan Malaysia ataupun, dengan izin, MAVCOM dalam menjalankan fungsi dan kuasanya di bawah Akta 771. Rang undang-undang ini juga bertujuan untuk memastikan bahawa MAVCOM akan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi secara berterusan bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna dan pembangunan industri penerbangan di Malaysia. Peruntukan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini juga bertujuan untuk memberi MAVCOM kuasa untuk mengenakan penalti kewangan, untuk mengenakan dan memungut caj ke atas penumpang di lapangan terbang di Malaysia bagi perkhidmatan pengawalseliaan yang diberikan oleh suruhanjaya tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, MAVCOM telah ditubuhkan pada 1 Mac 2016 di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] yang bertujuan mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan awam negara. Matlamat utama MAVCOM adalah untuk menjadikan industri penerbangan awam di Malaysia berdaya maju dari segi komersial berorientasikan pengguna dan berdaya tahan agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Dalam erti kata

lain, matlamat dan fungsi MAVCOM adalah berlainan dengan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), di mana DCA bertanggungjawab untuk mengawal selia aspek teknikal dan keselamatan bagi industri penerbangan awam negara ini.

Sejak penubuhannya pada 1 Mac 2016, MAVCOM telah memberi beberapa sumbangan yang penting dalam mengukuhkan lagi industri penerbangan awam di Malaysia dan juga senantiasa memastikan bahawa hak dan kepentingan pengguna perkhidmatan penerbangan sentiasa dipelihara. Dari aspek perlindungan hak dan kepentingan pengguna, MAVCOM antara lain telah:

- (i) menggubal kod perlindungan pengguna penerbangan Malaysia 2016 yang memperuntukkan peruntukan yang lebih telus dan jelas mengenai hak pengguna sebagai penumpang penerbangan;
- (ii) melaksanakan suatu sistem di laman web MAVCOM iaitu, dengan izin, *Complaints Management System* yang bertujuan untuk mewujudkan satu platform bagi pengguna untuk membuat aduan. MAVCOM telah menerima 1,639 aduan sepanjang tempoh bulan Mac 2016 hingga Februari 2017. Secara keseluruhan MAVCOM dapat menyelesaikan 90 peratus aduan yang diterima daripada pengguna. Bagi kes *Rayani Air* sebanyak 737 aduan telah diterima, yang mana 98 peratus aduan adalah berkaitan dengan pemulangan tiket penerbangan;
- (iii) mengadakan perbincangan dengan Bank Negara Malaysia serta bank-bank komersial berhubung pemulangan bayaran kepada pengguna yang menggunakan kad kredit atau kad debit bagi maksud pembelian tiket penerbangan *Rayani Air*. Setakat 28 Februari 2017, lebih kurang 50 peratus penumpang *Rayani Air* yang aduan mereka telah didaftarkan di MAVCOM telah menerima pemulangan balik pembelian tiket penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, antara sumbangan utama MAVCOM dalam mengukuhkan industri penerbangan awam di Malaysia adalah seperti:

- (i) mengetatkan lagi kriteria dan syarat dalam peraturan-peraturan yang digubal di bawah Akta 771 bagi permohonan lesen atau permit untuk perkhidmatan udara, pengendalian darat dan pengendali aerodrom, dan juga permohonan hak trafik udara; dan
- (ii) membuat kajian semula caj perkhidmatan penumpang berdasarkan kesesuaian industri penerbangan awam di Malaysia dan juga amalan yang diterima baik oleh pemerhati industri penerbangan seperti, dengan izin, *International Air Transport Association* dan penganalisis kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan penubuhan MAVCOM, kerajaan telah meluluskan pemberian dana sebanyak RM90 juta untuk dua tahun pertama penubuhan MAVCOM. Bagi memastikan MAVCOM dapat melaksanakan fungsi dan kuasanya sebagai badan bebas di bawah Akta 771 secara berterusan, MAVCOM memerlukan sumber kewangan sendiri untuk membiayai operasinya melalui pungutan hasil seperti fi dan caj.



Dalam hubungan ini, MAVCOM bercadang untuk mengenakan caj pengawalseliaan atau, dengan izin, *regulatory charge* terhadap penumpang di lapangan terbang Malaysia. Caj pengawalseliaan yang akan dikenakan adalah pada harga maksimum RM1 yang termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Pengenaan caj pengawalseliaan tersebut membolehkan MAVCOM memberi keutamaan kepada hak pengguna dengan memastikan segala aspek ekonomi dan keselamatan telah dipenuhi oleh penyedia perkhidmatan penerbangan.

#### ■1220

Seperti yang telah dinyatakan, caj pengawalseliaan tersebut wajar dikenakan terhadap penumpang sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang diberikan oleh MAVCOM kepada para penumpang yang meliputi pengurusan dan pengendalian aduan dan juga aktiviti-aktiviti pendidikan kepenggunaan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa kepada penumpang secara khususnya dan masyarakat secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, kajian juga telah dibuat mengenai pengenaan caj terhadap pengguna di dalam dan di luar negara dan didapati bahawa Singapura melalui *Civil Aviation Authority of Singapore* (CAAS) mengenakan, dengan izin, *aviation levy* sebanyak SGD6.10 ataupun *equivalent* RM18.91, dan SGD3.10 ataupun *equivalent* RM9.61 masing-masing di Lapangan Terbang Changi dan Lapangan Terbang Seletar. Manakala Hong Kong melalui *Civil Aviation Department* pula mengenakan, dengan izin, *Air Passenger Departure Tax* sebanyak HKD120 ataupun bersamaan RM65.83.

Dari segi pelaksanaan pungutan caj pengawalseliaan, MAVCOM telah mengadakan konsultasi dengan *International Air Transport Association* (IATA), Malaysia Airport Holding Berhad dan *Senai Airport Terminal Services*. Dalam hubungan ini, caj pengawalseliaan tersebut akan dikutip melalui syarikat penerbangan di mana caj tersebut akan terangkum di dalam harga tiket penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak penubuhan MAVCOM, fungsi peruntukan hak trafik udara domestik dan antarabangsa kepada syarikat-syarikat penerbangan Malaysia telah dipindahkan daripada Kementerian Pengangkutan kepada MAVCOM. Walau bagaimanapun, peruntukan di bawah Akta 771 yang sedia ada tidak dinyatakan secara khusus mengenai peruntukan hak trafik udara bagi laluan domestik. Sehubungan dengan itu, cadangan pindaan adalah bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan undang-undang dengan fungsi sedia ada MAVCOM untuk mentadbir, memperuntukkan dan menguruskan hak trafik udara bagi laluan domestik dan antarabangsa.

Walaupun bagaimanapun, kelulusan teknikal penerbangan atau, dengan izin, *flight approval* masih terletak di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Penerbangan Awam seperti diperuntukkan di dalam Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3], dengan izin, *Aeronautical Information Publication* dan *Aeronautical Information Circular* semasa yang terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan mengenai kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, pekeliling, arahan, nota amalan atau notis merupakan suatu peruntukan yang lazimnya terdapat dalam perundangan penerbangan awam negara lain. Dalam hubungan ini, mengambil kira pembangunan yang pesat dalam industri penerbangan di Malaysia, suatu peruntukan baru akan dimasukkan ke dalam Akta 771 bagi membolehkan MAVCOM mengeluarkan garis panduan, pekeliling, arahan, nota amalan

atau notis di bawah Akta 771. Peruntukan baru ini bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan amalan terbaik dalam jangka masa yang lebih singkat.

Di samping itu, pindaan yang dicadangkan bagi membolehkan MAVCOM mengenakan penalti kewangan bagi apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan, pekeliling, arahan, nota amalan atau notis yang dikeluarkan oleh MAVCOM di bawah peruntukan baru yang dicadangkan. Dalam hubungan ini, peruntukan baru tersebut menetapkan pengenaan penalti kewangan tidak melebihi RM1 juta bagi individu dan tidak melebihi lima peratus daripada pusing ganti tahunan atau, dengan izin, *annual turnover* bagi suatu pertubuhan perbadanan atau, dengan izin, *body corporate* daripada tahun kewangan yang sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fungsi MAVCOM seperti yang dinyatakan dalam Akta 771, MAVCOM bertanggungjawab untuk menyediakan dan menguatkuasakan mekanisme perlindungan bagi hak-hak pengguna. Hak-hak tersebut antara lain meliputi urusan niaga dengan penyedia perkhidmatan penerbangan.

Sehubungan itu, bagi melindungi kepentingan pengguna daripada pengenaan fi dan caj yang tidak adil dan sewenang-wenangnya oleh penyedia perkhidmatan penerbangan seperti caj kerusi roda, caj kad kredit dan fi pentadbiran, pindaan juga dibuat bagi membolehkan MAVCOM mengawal selia fi dan caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan penerbangan demi melindungi kepentingan pengguna. Pada masa ini, MAVCOM diberi kuasa untuk menetapkan kadar bayaran fi dan caj yang kena dibayar kepada suruhanjaya di bawah Akta 771 oleh mana-mana pesawat udara penerbangan atau orang, atau kelas pesawat udara penerbangan atau orang. Walau bagaimanapun, MAVCOM tidak diberikan kuasa untuk mengecualikan fi dan caj dalam situasi tertentu yang dilihat wajar seperti bagi tujuan kepentingan negara dan aktiviti-aktiviti bukan komersial.

Pindaan ini juga bertujuan untuk membolehkan MAVCOM mengecualikan secara sepenuhnya atau sebahagiannya bayaran apa-apa fi dan caj yang kena dibayar kepada suruhanjaya di bawah akta ini oleh mana-mana pesawat udara penerbangan atau orang, atau kelas pesawat udara penerbangan atau orang atas terma dan syarat yang difikirkan patut oleh suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tujuan yang telah saya jelaskan sebentar tadi, sebelum Dewan yang mulia ini membahaskan rang undang-undang ini secara terperinci, izinkan saya mengatakan secara ringkas butir-butir pindaan yang dicadangkan kepada Akta 771 yang mengandungi sembilan fasal secara keseluruhannya seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan berkuat kuasa akta ini. Pindaan kepada Akta 771 ini akan bermula berkuat kuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrifan "*hak trafik udara*" berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 66(1).

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan suatu perenggan baharu (*fa*) ke dalam subseksyen 18(2) bagi membolehkan MAVCOM mengenakan dan memungut caj pengawalseliaan ke atas penumpang di lapangan terbang di Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 36(1) dalam teks bahasa Inggeris berbangkit daripada kesilapan penggubalan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan suatu subseksyen baharu 65(4) untuk membenarkan MAVCOM mengenakan penalti kewangan bagi apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan yang dikeluarkan berhubung perkara-perkara persaingan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 66(1) untuk menjelaskan bahawa penguntukan hak trafik udara bagi laluan domestik ialah fungsi MAVCOM.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan suatu perenggan baru dalam (da) ke dalam subseksyen 69(1) untuk memberi kuasa kepada MAVCOM untuk mengawal selia caj dan fi yang dikenakan secara tidak adil dan sewenang-wenangnya oleh penyedia perkhidmatan penerbangan demi melindungi kepentingan pengguna.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda perenggan 98(2)(k) bagi membolehkan MAVCOM untuk mengecualikan secara sepenuhnya, atau sebahagiannya bayaran apa-apa fi dan caj yang kena dibayar kepada MAVCOM di bawah akta ini oleh mana-mana pesawat udara, penerbangan atau orang atau kelas pesawat udara, penerbangan atau orang atas terma dan syarat yang difikirkan patut oleh MAVCOM.

#### ■1230

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baharu 98A yang membolehkan MAVCOM mengeluarkan garis panduan, pekeliling, arahan, nota amalan atau notis. Peruntukan baru ini juga membenarkan MAVCOM untuk mengenakan penalti kewangan bagi apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan, pekeliling, arahan, nota amalan atau notis yang dikeluarkan oleh MAVCOM.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin perjelaskan di sini bahawa MAVCOM telah ditubuhkan pada 1 Mac 2016 di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta 771*] yang bertujuan mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan negara. Pindaan akta ini akan membantu MAVCOM mengukuhkan fungsinya untuk mendidik, melindungi serta menjaga hak dan kepentingan pengguna dan juga melaksanakan pengawalseliaan bagi tujuan pembangunan industri penerbangan di Malaysia.

Dalam hubungan ini, RUU ini akan dapat mempertingkatkan keberkesanan MAVCOM dalam menjalankan fungsi dan kuasanya di bawah Akta 771 di samping memastikan MAVCOM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi serta secara berterusan bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna dan pembangunan industri penerbangan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz Kaprawi, Timbalan Menteri Pengangkutan. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato'Henry Sum Agong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya mulakan perbahasannya dengan meminta Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Dipersilakan.

12.32 tgh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan-soalan jawapan lisan tidak ada nombor satu, saya minta yang ini nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua, saya apabila MAVCOM ditubuhkan pada 1 Mac 2016 dan meminda Akta 771 ini, saya sokong sebab sebelum ini kebanyakan penumpang hendak *complaint* apa-apa kekurangan dan tambahan ataupun penambahbaikan tidak ada, cuma di 'C' sahaja. Saya dahulu, Tuan Yang di-Pertua, naik kapal terbang ini tidak minat sangat tetapi sejak akhir-akhir ini, saya takut naik kereta, sedap naik kapal terbang lagi sebab takut jatuh, sebab tinggi sangat.

Cuma, dalam perkara RUU 771 ini, saya ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Pertama soal caj ini. Saya tengok dari segi caj *fare*- tambang kapal terbang ini, saya hendak minta dengan kementerian MoT atau MAVCOM ini supaya biar ada siling. Contoh, kalau harganya RM300 sahaja paling tinggi, maksimum RM300 sebab ini rungutan penumpang. Benda ini terkena pada saya sendiri semasa saya terlepas kapal terbang iaitu *Firefly* untuk menghadiri taklimat di Seri Perdana. Saya terlepas pukul 5 petang, dia kata ada pukul 6 petang. Berapa harga tiket? RM600. *Allahuakbar*, saya kata. Jadi, RM600 ini membebankan penumpang.

Dalam keadaan sekarang ini, orang cari kes sahaja hendak hentam kerajaan. Apatah lagi pembangkang, cari peluang sahaja hendak hentam kerajaan. Hendak hentam Kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya minta MAVCOM yang ditubuhkan pada 1 Mac ini, biar ada *ceiling price*. Hendak cari untung, hendak cari kewangan pun kena tengok juga dari segi risiko kepada kerajaan. Jadi, biar ada *ceiling price*. Saya hendak cadangkan supaya RM300 sahaja harga.

Contohnya daripada Kota Bharu, daripada tempatnya, *ceiling price* RM300 sahaja, tidak membebankan sangat *passenger* atau penumpang. Sebab kalau tidak ada kawalan, jadi benda itu menjadi beban kepada kerajaan sedangkan kapal terbang ini monopoli. Bukan semua orang boleh memohon untuk dapat lesen kapal terbang...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Abdullah. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Senator, adakah ia melibatkan sistem komputer atau *apps* yang dipakai oleh syarikat penerbangan ini yang telah menentukan kadar kos yang dikenakan? Atau pun *apps* ini lah yang telah mengelirukan kita semua? Saya harap penjelasan daripada Yang Berhormat Senator.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Yang Berhormat tanya saya, saya akan tanya Menteri. Saya setuju. Kadang-kadang kita tengok macam harga ini ditentukan oleh syarikat penerbangan. Main-main sahaja. Terlepas pukul 5 petang, ada lagi *flight* pukul 6. Ada, berapa? RM600. Jadi, *we have to pay*, dengan izin. Kita terpaksa bayar fasal kita hendak pergi, tetapi ini membebankan. Walaupun kita bayar, dalam hati kita, celakanya kapal terbang ini, kena RM600.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Senator, mohon mencelah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey, okey.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Datuk Abdullah ini. Dia bercerita fasal perbezaan tambang daripada pukul 5 dengan pukul 6. Akan tetapi yang pukul 5 itu berapa tambang dia, kita tidak tahu. Pukul 6, RM600, yang pukul 5 yang *book* awal itu berapa ratus dan *airline* yang mana? Dia kena cerita itu, nama-nama *airline*. Kita jangan takut dalam Dewan yang mulia ini. Kita cerita *airline* mana. Jadi supaya MAVCOM tahu ini. Jadi hendak ambil tindakan kepada syarikat-syarikat tertentu pun senang. Boleh Yang Berhormat cerita apa dia yang sebenarnya?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Hari itu, *Firefly*. Harga pertama itu RM212. Pukul 6 petang itu, RM600. Jadi *fare*-nya jauh sangat beza, RM400. Kalah hendak kata RM300 tidak apa. Jadi saya hendak minta MoT atau MAVCOM ini letak *ceiling price*... [Disampuk] Kota Bharu ke Kuala Lumpur.

**Seorang Ahli:** Nama *airline*.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Firefly*.

**Seorang Ahli:** Yang RM600?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Hendak *Firefly* lah. Tertinggal *Firefly*, ambil *Firefly*. Ada, RM600. Jadi kita terpaksa datang ke Kuala Lumpur, bayar sahaja lah. Itu kena pada saya. Kena pada orang lain, memang *burn*, tidak mari sudah. RM600, fasal beza RM400, satu jam RM400. Jadi ini saya minta MOT atau MAVCOM kena- sebab tadi tujuan asal dia untuk menjaga kebajikan, *welfare* penumpang. Jadi kalau lepas ini, hendak jaga *welfare* macam mana kalau daripada RM200 sampai RM600? Itu bukan *welfare*, itu *unfair*. Itu dari segi soal tambang.

Kemudian, saya hendak minta MAVCOM juga tolong kawal jadual penerbangan ini. Saya tengok jadual penerbangan ini antara *Firefly* dengan *Malindo* ini, bukan hendak menjaga kebajikan penumpang, hendak me'mampuskan. Sama ada *Firefly* hendak 'memampuskan' *Malindo* atau *Malindo* hendak 'memampuskan' *Firefly*. Sebab, sama. Masa penerbangan sama. Daripada Kota Bharu 11.05 *Firefly*, 11.05 *Malindo*. Bererti, masa bertolak daripada Subang ini adalah sama. Penumpang yang hendak pergi Kota Bharu adalah sama. Kalau dia masa bertolak sama daripada Subang ini ke Kota Bharu, penumpangnya adalah sama. Kalau penumpang ini diambil oleh *Firefly*, *Malindo* tidak ada penumpang. Bila *Malindo* tidak ada penumpang, maka *Malindo* akan batalkan penerbangan. Bila *Malindo* akan batalkan penerbangan, kita daripada Kota Bharu 11.05 *Malindo*, *burn*. Kalau kita ada *meeting* pukul 10 di Kuala Lumpur, memang *out* lah, memang tidak boleh datang lah.

#### ■1240

Oleh sebab *Malindo Air* dia kata atas sebab-sebabnya teknikal tidak datang. Sebab teknikal apa dia bertolak masa yang sama? Masa yang sama. Saya minta MoT dan MAVCOM kontrol. Jaga ini, kawal ini. Sesuai dengan tujuannya untuk menjaga kebajikan penumpang. Ini kena fokus sebab aniaya, dia berebut penumpang. Kalau penumpang dua orang, dia tidak pergi, merugikan. Jadi...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Mohon menceleh Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada lagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, masa dia kata dibatalkan tadi Dato', dibatalkan penerbangan tidak kiralah *Firefly* atau *Malindo* atau *AirAsia*, apabila ia batal penerbangan itu, tiket kita itu *burn* atau tidak? Kalau sebaik-baiknya biarlah MoT atau MAVCOM ini

timbang. Kalau kesalahan itu terletak pada penerbangan, maka kita minta tambang itu ataupun apa-apa bayaran yang sepatutnya, diberi balik kepada penumpang. Pandangan Yang Berhormat Dato'.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih adinda saya, dia pun Abdul Rahman bin Mat Yasin. Dari segi tambang, dia kata pukul 11.05 ini dia kata *Malindo* dibatalkan, kita anjak ke pukul 1. Dia tidak ada, dia anjak penerbangan. Walaupun anjak ke pukul 1, kalau kita *meeting* di KL pukul 1-katalah kita ini *businessman*, peniaga, hendak *deal* projek RM1 juta. Sepatutnya kita naik *flight* pukul 11.05, kita sampai sini pukul 12, pukul 1 boleh *meeting*. Ini pukul 1 baru bertolak daripada Kota Bharu, maka deal *RM100 million* projek itu *burn out*, rugi. Jadi, ini kena ambil kira. Jadi saya hendak MAVCOM tolong tengok jadual penerbangan ini, barulah sesuai dengan *welfare passenger*, menjaga kebajikan penumpang.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada lagi?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat ini, di dalam *website* syarikat penerbangan ini akan diletakkan nilai tiket promo dan tiket biasa di dalam *website* mereka. Akan tetapi ada keadaannya minta penjelasan Yang Berhormat, disebut sebagai, dengan izin, *two tickets left*. Jadi kita pun dengan kalutnya tekan, sedangkan apa- secara gopoh-gapah kita tekan ambil tiket yang dikatakan sebagai *two tickets left*, dengan izin. Akan tetapi apabila kita menaiki pesawat, didapati *seat*-nya masih kosong. Adakah itu suatu penipuan ataupun suatu yang *misleading* kepada awam? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini pun Yang Berhormat Menteri kena jawab ini. Saya- tiket *flight* ini memang saya tidak pernah ambil Tuan Yang di-Pertua, *company* tolong ambil tiket ini. Jadi, ini Yang Berhormat Menteri kena jawab ini. Oleh sebab kadang-kadang itu dia kata *flight seat* penuh, tiba-tiba naik itu daripada 90 *seat* itu, 20 ada. Banyak kosong lagi. Ini Yang Berhormat Menteri kena jawab ini.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada lagi?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Sikit sahaja, berkait dengan tiket yang di-*cancel*-kan dan dialihkan kepada *retime*.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tadi sama sekali dengan dia. Tidak apa, UMNO dengan PAS boleh.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Jadi pengalaman saya berkait dengan *Malindo*, tiket yang kita ambil di-*retime* dan masa yang diberi adalah tidak sesuai dengan masa yang kita hendak. Akan tetapi tidak adalah perniagaan juta-juta yang saya hendak hadir itu, tetapi tiket itu terpaksa di-*burn*-kan. Apabila ditelefon minta, dia kata boleh ganti tetapi perlu dimaklumkan segera, hari ini juga hendak ganti bila tarikh yang kita akan pergi. Jadi pada waktu masa yang sangat singkat untuk kita ganti dengan tarikh yang lain tiket tersebut, jadi kita tidak ada peluang. Kita- takkanlah kita hendak beli tiket sahaja-sahaja tidak tahu hendak ke mana. Hendak ke Kuala Lumpur, tidak tahu bila. Jadi saya menyarankan agar untuk tiket-tiket yang di-*retime* ini, *reschedule*, jangan diberi keluasan yang begitu luas kepada syarikat penerbangan hendak tentukan apa jua *term*.

Memang apabila kita beli tiket, kita tidak baca dia punya syarat *promotion* itu, macam ini, macam ini, kita tidak baca. Akan tetapi sepatutnya kerajaan mengawal benda-benda ini, sebolehnya apabila di-*retime* kita ada peluang sebagai *customer* untuk *refund* balik duit. Kalau boleh *refund* balik duit, *that is fair* bagi saya. Akan tetapi kalau diberi syarat yang entah apa-apa, kita terpaksa *burn*. Kita akui kita beli tiket *promotion* dengan ada syarat, ada *waiver*. Akan tetapi sebagai *customer*, biasa kita memang tidak baca syarat yang begitu panjang. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Yang Berhormat Khairiah. Saya setuju itu...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Datuk, mohon hendak tambah sikit. Hendak tambah sikit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya lama pergi ke Kota Bharu ini, sudah lama tidak pergi *by air*, saya *go by road*, dengan izin. *By road*, jadi saya tidak tahu apa yang jadi di lapangan terbang. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat kata dua kapal terbang *time* sama. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah *runaway* sekarang ini sudah dua atau tiga *runaway*? Kalau dia bagi satu jadual waktu untuk dua jenis pesawat naik, dia mesti kena ada lebih *runaway*. Kalau dia satu *runaway*, dia tidak boleh buat satu. Kalau dia ada dua pun, kalau kedua-dua naik sekali 11.05, dia akan bertembung di atas awan, hancur lebur semua, tidak ada yang sampai ke destinasi. So, tolong jelaskan sikit. Saya tidak tahulah sudah ada dua, tiga *runaway*kah. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Banyak minat penerbangan ini. Tadi Yang Berhormat Khairiah bangkit itu, saya setuju. Kadang-kadang apabila dia *retime* itu, kita sudah lepas sudah. *Time* yang *retime* itu tidak sesuai dengan kita. Jadi, saya setuju bayar baliklah. Ini bila *you* hendak pergi, bila *you* hendak pergi pula tanya kita. Kita mana tahu bila hendak pergi. Jadi saya setuju, minta MAVCOM yang ini kena ambil tindakan biar syarikat penerbangan itu bayar balik, senang. Tidak perlu tanya kita bila hendak pergi, bila hendak pergi. Macam dia hendak atur jadual kita pula.

Isu yang di Kota Bharu itu, saya beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, 14 November baru inilah, kena pada saya 11.05 *Malindo*, 11.05 *Firefly*. Landasan itu satu sahaja, dia berderet itu. Dia kalau orang kata berjujuk, berderet. Dia berjujuk *Firefly* dengan *Malindo* itu. Itu naik, yang ini pun naik belakang. Itu kalau ada orang tetapi biasa kalau *time* yang sama itu biasa- kalau penumpang, *passenger* itu dapat pada *Malindo*, *Firefly* batal. Oleh sebab itu saya hendak MAVCOM tentukan jadual, tengok jadual. Tengok jadual penerbangan ini. Biar betul-betul *welfare passenger*. Biar betul-betul memberi kebajikan kepada penumpang. Jangan pakai serah pada *Firefly* atau *Malindo*.

Dahulu *Malindo* ini empat buat pesawat sahaja. *Firefly* ada 13, 15 saya bilang dekat *airport* sebab saya berulang setiap hari. Saya bilang saya tanya berapa sekarang ini *Firefly* ada pesawat, 15-*Malindo*? Ada empat. Sekarang ini *Malindo* ada 15, *Firefly* ada 12 sahaja. Jadi saya tengok persaingan ini macam hendak- yang negatif ini, persaingan yang negatif ini. Persaingan yang tidak sihat. Ini sama ada *Malindo* hendak 'memampuskan' *Firefly* atau *Firefly* hendak 'memampuskan' *Malindo*, sudah tutup syarikat penerbangan. Jadi kena tengok ini. Memanglah penerbangan di Kota Bharu satu hari tidak tahu sekarang ini, campur *Firefly*, *Malindo*, Malaysia, *AirAsia*, ada 53 penerbangan satu hari. Kalau hari raya, 80 penerbangan. Jadi yang ini saya tengok kita hendak MAVCOM kena betul-betul teliti supaya niat dan hasrat penumpang MAVCOM itu betul-betul menjadi satu realiti.

Kedua...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada lagi? Okey, boleh.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat ini, ada berlaku tidak pertindihan di antara MAVCOM dan juga Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), di mana adakah berlaku pertindihan ataupun memang antara dua ini bekerjasama dalam soal penerbangan domestik? Terima kasih.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon untuk mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat bagi memaklumkan tentang penerbangan ke Kota Bharu, saya juga hendak maklumkan penerbangan Subang ke Alor Setar, jarak dia bukan satu tempoh yang sama tetapi ia jarak kalau *Firefly* pukul 11, *Malindo* akan dalam 11.20 atau 11.30. Jarak dia setengah jam.

#### ■1250

Saya pernah bertanya kepada pegawai di *airport*, "Kenapa jarak ini beza dalam setengah jam sahaja?." Dia kata kepada saya, "Untuk jimat kos." Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat, kalau kita minta kementerian beri penjelasan pada kita, kenapa mereka dekatkan jarak penerbangan atau samakan penerbangan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih. Saya memang setuju, bukan setengah jam. Kalau boleh pukul 11, satu jam jarak penerbangan itu, baru memberi kelonggaran kepada penumpang untuk membeli tiket, memberi pilihan kepada penumpang untuk beli tiket itu. Kalau masa yang sama, tidak ada pilihan. Kadang-kadang kita ada kerja. Oh, ini kita terpaksa pergi *airport* ini sebab *Firefly* pukul 11, *Malindo* pun pukul 11.

Saya mintalah MAVCOM, tengok jadual itu, satu jamlah. Jangan setengah jam. Kalau setengah jam itu tidak ada beza, 11 dengan 11.30, tidak ada beza. Memang kena mari pukul 10 ke *airport* ini. Kalau boleh minta satu jamlah beza masa untuk berlepas ke satu destinasi itu untuk memberi ruang dan peluang kepada penumpang membuat pilihan. Kalau masa yang sama atau setengah jam, tidak ada pilihan, tidak ada beza. Pukul 11, 11.30 itu, kalau kena pergi *airport* masa yang sama. Satu jam ataupun sejam setengah sebelum itu memang kena bertolak sudah. Jadi, kita minta kalau boleh, biar satu jam jarak masa untuk memberi pilihan kepada penumpang...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** [Bangun]

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada lagi?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Boleh, boleh.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Beri atau tidak beri ini?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Beri, beri.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.



**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih yang dikasihi Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah. Pertamanya, sebelum saya hendak menambah, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar cemerlang Kolej Universiti Poly-Tech MARA yang berada dalam Dewan pada tengah hari ini... *[Tepuk]* Bakal-bakal pemimpin negara, *insya-Allah*, satu masa akan datang.

Cuma Yang Berhormat, saya setuju soal yang disebutkan berkenaan dengan jadual penerbangan ini. Cuma adakah Yang Berhormat juga setuju, dalam isu selain daripada jadual ini, perkara yang juga mesti diambil perhatian- saya tidak tahu sama ada ini di bawah bidang kuasa.

Akan tetapi sudah alang-alang kita bercakap soal penerbangan ini, perkara yang juga menjadi permasalahan yang cukup menggerunkan pengguna-pengguna kapal terbang ini ialah bila berlaku sebarang kelewatan. Kelewatan ini berlaku hampir setiap hari. Bila berlaku kelewatan ini, kebertanggungjawaban syarikat-syarikat penerbangan ini seperti tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Mereka boleh tangguhkan penerbangan ikut suka hati mereka sahaja tanpa ada rasa perasaan, kadang-kadang orang itu berada dalam keadaan yang amat perlu untuk hadir, macam saya ingat semasa Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah sebut masa kita taklimat. Mungkin hendak hadir menandatangani projek berjumlah RM100 juta. Itu tidak apalah kalau terlepas RM100 juta ini. Kalau bab hendak menziarahi orang sakit, meninggal dan sebagainya? Maka, itu mesti ada kebertanggungjawaban.

Janganlah beritahu sudah sampai di *airport*, tiba-tiba baru kita tahu, penerbangan *delay* satu jam. Sudah tunggu satu jam, *delay* lagi satu jam. Walhal dua jam itu sudah boleh kita cabut dengan kereta sudah. Kalau ditakdirkan sudah beritahu penerbangan seterusnya adalah pada dua jam selepas ini, kita boleh fikirkan alternatif yang lain. Mungkin dengan kenderaan, jalan raya tetapi ikut suka hati mereka sahaja. Satu jam tidak boleh, satu jam. Tidak boleh satu jam, dua jam. Sampai lapan jam kadang-kadang. Walhal kalau lapan jam itu, Kota Bharu sampai ke Kuala Lumpur, sudah tidur pun kalau naik kereta. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Senator Datuk?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ini...

**Seorang Ahli:** Macam Menteri.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Oh, macam Menteri lah dia *[Ketawa]* Ini- bukan, tidak apa. Ini biasa berlaku pada *AirAsia*. *AirAsia* ini cerdik. Dia tidak beritahu *delay* dua jam. Tengah-tengah berbaris itu, boleh *delay* lagi. Tengah berbaris, *delay* lagi. Oh, dia cakap, kalau pukul 10, okey 10.40. 10.40 dia cakap *delay* lagi, berapa- 11.40. 11.40 *delay* lagi. Oleh sebab kalau dia cakap *delay* terus dua jam, dia kena bayar atau beri makankah, sebarang *compensation*, ganti rugi. Dia *delay* sikit-sikit. Untuk jimat kos.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Yang Berhormat Senator Datuk, hendak mencelah sedikit ya. Oleh sebab Yang Berhormat Senator Datuk telah...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Aku ini macam Menteri sahaja.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** ...Sebab dia sebut spesifik, dia sebut spesifik syarikat penerbangan *AirAsia*. Saya ini bukan apa, hendak cakap sikit tentang etika syarikat. Dua kes berlaku serentak hari yang sama, penerbangan yang sama pada diri saya dan keluarga dan juga rakan saya dua orang. Satu ialah rakan saya itu dia bawa isteri dan anak. Tiba-tiba anak dia tidak dapat terbang

kerana ada peperiksaan yang terdesak. Jadi, *hot seats* itu kosong. Saya bawa anak. Anak saya duduk di belakang dia, *hot seats* juga tetapi oleh kerana anak saya ini mintak hendak duduk depan untuk memudahkan dia pergi ke *toilet*, beritahu kepada pramugari, tidak benar. Walhal *seat* itu telah dibeli. Itu satu kes pertama.

Kes yang kedua, kawan saya juga. Hari itu terpaksa terbang seorang sebab isteri dia sakit. Dia sudah beli makanan, *paid for*, makanan itu sudah dibeli. Apabila sampai masa untuk memberi makanan, kawan saya kata, "Mana bahagian makanan yang isteri saya, nasi lemak Pak Ali. Mana nasi lemak itu? Saya sudah bayar untuk isteri saya tetapi dia tidak terbang." "Oh, tidak boleh sebab tidak ada orang yang terbang ini, jadi tidak dapat berilah." Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, kes-kes etika begini, boleh atau tidak pihak berkuasa kita- Menterilah masuk campur sikit. Oleh kerana ini bagi saya dosa itu, makanan orang sudah bayar [*Ketawa*] Itu dalam bab-bab agama ini, kita kira satunya, zalim.

Keduanya, orang tidak halal sudah sebab orang sudah bayar dah makanan itu. Itu saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ini pun Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz kena jawab ini. Daripada segi ganti rugi atau *compensation* ini, Yang Berhormat Menteri, kalau kita lewat, dia tinggal. Kalau dia lewat, macam Yang Berhormat Senator Datuk Megat tanya tadi? Ini MAVCOM kena ambil kira ini. Kita lewat lima minit, *no, gate* sudah tutup. Dia lewat dua jam tidak apa. Ini pun kena ambil kira.

Oleh sebab kawan saya hendak pergi Jakarta ini *AirAsia*. Lewat lima minit, lima orang *burn*, hangus. Kadang-kadang kita lewat lima minit. Dia kata, kalau hendak pergi kena beli lain. Celaka punya saya kata [*Ketawa*] Kena beli lain pula. Tiket ini sudah tidak laku dah. Orang lain nak pergi terpaksa kena *delay*, oh, kena beli tiket lain. Ini MAVCOM kena ambil tahu. Ini sebab tujuan penubuhan MAVCOM untuk menjaga kebajikan penumpang. Ini kena serius. Kalau tidak, kapal terbang ini dia *monopoly company*, bukan semua orang dapat lesen penerbangan ini kerana dia keras kepala dia. Ini mesti kena menang MoT, kena menang MAVCOM. Jangan main-main. Ini hendak hampir pilihan raya ini, sekarang ini banyak orang naik kapal terbang ini.

Ketiga, Oh, hendak pukul satu sudah. Soal pakaian pramugari ini kena ambil kira... [*Disampuk*] Pakaian ini, kita kalau kira perlembagaan kita ini agama Islam adalah agama rasmi Persekutuan. Jadi, biar cocoklah. Indonesia kata, biar cocok, biar sesuai. Jangan pakai itu- bagi Yang Berhormat Senator Datuk Megat, muda-muda ini sukalah tengoknya itu [*Ketawa*]

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik. Ini satu penghinaan kepada saya... [*Dewan riuh*]

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** [*Ketawa*]

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Apa kena-mengena saya pula. Saya pun tentang.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey, okey.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Jangan dipakai pakaian macam itu. Tidak boleh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey, okey.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Isteri saya cukup takut kalau saya naik *Malindo* dan *AirAsia* ini, tanpa kehadiran isteri. Ini saya payah betul. Jadi, saya setuju lah itu.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey. Okey, Yang Berhormat Senator Datuk Megat, saya sokong. *Malindo* ini tidak menjolok mata. Yang *Firefly* ini, *AirAsia*... [Disampuk] *Firefly*, *Malindo* pakai *fair*.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Lain macam bela *Malindo*.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** [Ketawa] *Malindo* dia pakai ketat juga tetapi maknanya tutup aurat. Akan tetapi kalau *Firefly* ini memang bukan menjolok mata ini, menikam mata [Ketawa] Kalau yang *AirAsia* pun lebih kurang juga. Ini MAVCOM kena tengok. Biar sesuai dengan kita punya agama... [Disampuk] *Malindo* ini dia belah pun sampai- kalau boleh jangan ada belah-belah lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Biar *fair*, biar *fair*, sesuai dengan negara kita, negara Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sangat *interesting*. Itu yang ramai mendengar dengan teliti, bersoal-jawab ya sebab ada kaitan dengan diri mereka. Selalu balik pulang dengan kapal terbang ya. Bagus topiknya dan saya harap ditangguhkan, kita sambung selepas nanti. Jadi, sambung selepas kita punya tengah hari nanti.

Ahli Yang Berhormat, jam tepat pukul 1. Saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung perbahasan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyambung perbahasan saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat yang mencelah dan bertanya itu, jangan tanya saya. Kalau hendak tanya, tanya Yang Berhormat Menteri masa dia bagi penjelasan nanti. Jadi jangan tanya saya. Minta pandangan boleh tetapi hendak tanya, nanti tanya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dalam perkara Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Awam ini Tuan Yang di-Pertua, tadi bercakap hal pakaian sudah selesai. Saya minta MAVCOM dan MoT selesaikan soal pakaian yang menikam mata supaya lepas ini tidak menjadi rungutan lagi daripada penumpang-penumpang.

Yang seterusnya, tadi MAVCOM ini hendak cari duit. Bila hendak cari duit, saya hendak mintalah sebelum pilihan raya ini, caj-caj ini kena KIV dululah. Sebarang caj-caj kepada pengguna ini minta KIV dulu. Jangan dia main caj sebab isu GST, 1MDB sudah selesai. Jangan hendak *create* isu baru yang boleh memberi peluang kepada pembangkang untuk *create* isu dan rakyat kita di Malaysia ini perkara negatif itu dia orang mudah terima. Positif itu susah sikit. Jadi, saya hendak minta tolonglah jangan bagi beban masalah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mana-mana caj kepada penumpang ini KIV dulu, lepas pilihan raya kalau hendak naik pun.

Kalau hendak turunkan boleh, hendak kurangkan boleh. Kalau hendak naik minta tolong KIV dulu supaya ianya tidak menjadi isu sebelum pilihan raya. Tuan Yang di-Pertua, saya tengok di Kota Bharu ini Tuan Yang di-Pertua, *airport* semakin dibesarkan. Pejabat MAS tidak ada, kaunter MAS tidak ada di Kota Bharu, ini pelik. Lapangan terbang RM400 *million*, dengan izin, untuk dibesarkan. Dulu pejabat MAS ada. Sekarang ini pejabat MAS tidak ada. Kita beli tiket *online*, kalau hendak tukar tiket tidak boleh sudah sebab tidak ada kaunter. Hendak tukar *online* ini memang susah. Bagi yang pandai tidak apa, yang pandai pun kadang-kadang bermasalah.

Jadi saya hendak mintalah supaya sesuai dengan nama syarikat penerbangan negara Malaysia, biar kaunter MAS ini dibuka sesuai dengan pembesaran landasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu ini, biar ada kaunter MAS di Kota Bharu untuk memberi kemudahan kepada penumpang-penumpanglah yang berulang alik KB-KL, KL-KB. Kemudian yang berikutnya, bila kita naik yang biasa pergi umrah tahulah, pergi Mekah, bagi pengguna Muslim, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah kalau boleh bila sebelum naik kapal terbang itu, kalau orang tidak boleh baca... [*Membaca doa naik kenderaan*] Baca pakai mesin pun tidak apa, pakai *tape* pun tidak apa. Sekurang-kurangnya kita orang Islam ini bila dengar ayat itu sejuk sikit, naik kapal terbang selamat sikit.

Kemudian bila sampai itu, satu perkataan saya hendak minta MAVCOM dan MoT, minta syarikat penerbangan mana-mana pun, "*Kita telah mendarat di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Kota Bharu*". Biar dia bubuh, "*Kita telah selamat mendarat*". Perkataan selamat itu mustahak. Selamat itu makna bersyukur, kita syukur mendarat, selamat mendarat. Ini "*Kita telah mendarat di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu*". Saya hendak minta bubuh "*Kita telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu*". Perkataan "selamat" itu kena bubuh. Itu bersyukur dan sejak akhir-akhir ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita tengok, saya tengok terutamanya *AirAsia* hendak buat *airport* suku, *airport* yang berasingan.

Saya hendak tanyalah adakah ini polisi ataupun MoT dan MAVCOM memberi kebenaran? Kalau *AirAsia* hendak buat lapangan terbang asing, *MAS* asing, *Firefly* asing, *Malindo* asing, saya rasa dia sudah menjadi di luar kawalan kerajaan. Jadi hari ini saya hendak minta penjelasan pihak kementerian, adakah ianya memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat penerbangan ini untuk membuat *airport* yang berasingan, *airport* sendiri maknanya. Jadi, saya rasa itu saja Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hendak bagi peluang kepada orang lain. Hendak tanya, tanya Yang Berhormat Menteri karang masa jawab, jangan tanya saya *deh*.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017 ini, saya sokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim M. Yahya.

**2.39 ptg.**

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan bagi membahaskan RUU MAVCOM, pindaan MAVCOM ini dan ini adalah merupakan penyertaan perbincangan saya yang terakhir dalam Dewan Negara sebab tempoh saya akan berakhir tiga hari dari sekarang. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan tamat Yang Berhormat. Itu hanya permulaan bab yang baru.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Permulaan bab yang baru.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** [*Ketawa*] Tidak ada, kita sambung bab yang ada saja, yang sudah ada sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

■1440

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) MAVCOM ini salah satunya ialah untuk dapat membenarkan ia mengutip caj kawal selia. Tujuan mengutip caj kawal selia daripada penumpang ini ialah untuk menampung kos operasi MAVCOM yang mana menurut Akta MAVCOM, ia dapat peruntukan RM90 juta untuk dua tahun pertama dan akan berakhir pada tahun depan.

Secara peribadi, saya tidak ada masalah dengan kutipan RM1 daripada *passenger*, penumpang. Akan tetapi, bagaimanapun saya menyarankan agar MAVCOM dalam mengutip RM1 daripada setiap penumpang tidak terabai tugas dan tanggungjawab utama mereka sebagai MAVCOM. Ini kerana apabila dia bergantung kepada kutipan caj kawal selia daripada penumpang, secara tidak langsung ia akan bertanggungjawab pada penumpang lebih. Tanggungjawab dia untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh penumpang akan bertambah dan mungkin akan menjejaskan fokus tugas utama mereka yang digariskan dalam Akta MAVCOM.

Di samping itu juga, selain daripada mengutip RM1, saya juga mencadangkan seboleh-bolehnya RM1 ini dikekalkanlah. Jangan selepas nanti beberapa tahun, ada kenaikan, selepas beberapa tahun ada kenaikan seperti *airport tax* yang sekarang ini akan dinaikkan kadarnya.

Untuk menampung, menambah dana pembiayaan operasi MAVCOM, saya rasa MAVCOM harus juga mencari ruang yang lain, *diversify* sumber-sumber lain dan mungkin juga daripada caj-caj penalti, daripada ketidakpatuhan syarat-syarat dan peraturan oleh pihak-pihak yang lain boleh menjadi sebahagian daripada sumber kewangan MAVCOM sehingga membolehkan ia mengekalkan kadar caj kawal selia itu untuk RM1.

Salah satu lagi tujuan pindaan ini ialah untuk membolehkan MAVCOM menjaga kepentingan pengguna daripada caj-caj dan fi-fi yang tidak adil. Di sini saya ingin bertanya, caj seperti yang dikenakan oleh *AirAsia* untuk membayar *hot seat*. Adakah caj ini dibenarkan dan adakah ia

munasabah? Oleh sebab *hot seat* ini ada atau tidak ada *passenger*, kapal terbang itu tetap terbang juga, pesawat itu tetap terbang juga. Ia tidak akan menjejaskan *flight*. Jadi, adakah perlu dibenarkan dia mengenakan caj untuk orang yang menempah *hot seat*?

Seperkara lagi mengenai *hot seat* ini. Saya pernah mengalami satu pengalaman mengenai *hot seat* ini. Saya menempah tiket KK, KL-KK melalui *AirAsia* dengan *hot seat*. Akan tetapi penerbangan balik KL-KK kemudian saya ubah. Jadi semasa saya *check in* untuk kembali ke KK, saya diberi tempat duduk yang biasalah. Jadi saya tanya, saya sudah beli *hot seat*. Dia kata tidak ada. Saya kata saya ada beli. Dia kata rujuk kepada agen. Jadi saya kata agen saya di Kota Kinabalu, macam mana saya hendak rujuk, munasabah. Jadi pertengkaran berlaku sekian lama. Kemudian ada satu pegawai rujuk saya pergi satu kaunter. Satu kaunter tempat dekat *check in* minta saya cuba-cuba rujuk sana kalau dia boleh bantu.

Saya pun pergi dan pegawai itu tanya sama saya, "Encik ada tukar *flight* tak?" Saya kata, "Ya ada." Betullah dia kata sebab semasa tukar *flight*, dia orang tidak ikutkan sekali pembelian *hot seat* itu pada *flight* baru saya. Ingin saya tanyakan di sini, kenapakah sistem komputer mereka tidak boleh sekali harung bawa saya punya detail, segala-gala yang saya beli? Jadi cuba bayangkan kalau saya tidak bertengkar hari itu, pembayaran saya hilang, hangus dan mungkin juga dia boleh jual kepada orang lain. Jadi saya ingin bertanya, adakah ini satu caj yang munasabah untuk dicaj oleh *AirAsia*?

Begitu juga dengan caj untuk bagasi. Kita perlu beli awal dan kalau kita tidak pakai, hangus. Kalau kita hendak tambah, *at the last moment* lagi mahal. Apakah tidak boleh di-*regulate*, kalau kita hendak pakai, dia bagi balik MCO, kita pakai lain kalilah *next flight*. Saya minta ini satu perkara yang harus diambil kira untuk kepentingan pengguna.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana saya tidak berbahas kerana sakit tekak. Cuma saya teringat apabila Yang Berhormat sebut soal *hot seat* ini. Kalau di Amerika kadang-kadang di *airport*, *last minute* sebelum kita hendak terbang itu, dia masih lagi menjaja *seat* yang ada. Maksudnya kalau kita hendak *jump seat*, *flight* yang depan sekali, kita boleh. Sesetengahnya pula ada *offer*. Katalah ada satu pegawai yang terpaksa bermesyuarat di destinasiya pukul tiga. Dia hendak pergi dahulu dan ada *airline* pula yang datang, minta sesiapa yang *volunteer* untuk naik *the next flight*. Dia bagi duit pula. Maksudnya *very flexible*.

Saya tidak faham kenapa sistem itu tidak boleh buat di Malaysia? Betul Yang Berhormat kata itu. Pernah terjadi kepada saya daripada *Economy Class* hendak kepada *Business Class*. Kita hendak *top up the difference* itu supaya tidak ada kosong *Business Class* itu. Tidak bagi dia. Kalau hendak, dia kata bayar *full fares*, seperti mana awal.

Jadi dia biarkan kerusi itu kosong. Dia sanggup tengok kalau 10 kerusi kosong, 10 lah. Jadi saya hairan kenapa perkara ini tidak dapat di- Oleh sebab itu saya tengok banyak sistem penerbangan kita ini rugi. Saya pun tidak nampak MAVCOM ini selepas dua tahun geran yang diberi oleh kerajaan habis, saya tidak nampak mereka boleh *survive*.

Itu pun kalau *airline* kata okey, *we can give you one Dollar but* melalui tiket yang dibayar kepada agensi-agensinya kapal terbang ini. Tunggalah MAVCOM. Sedangkan *airline-airline* ini pun berhutang

tinggi. Kita tahu *how much AirAsia* berhutang. Kita tahu setakat mana keuntungan *Firefly*, kita tahu macam mana *Malindo*, masih lagi *struggle*. RM1 ini saya rasa tidak akan diserahkan kepada MAVCOM, tidak akan diserahkan.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, angkat sahaja MAVCOM ini masukkan dalam MOT. Biar ia diletakkan di bawah *Ministry of Transport*, di bawah kementerian Yang Berhormat. Ini supaya mereka boleh bergerak dengan bebas. Sekiranya kita hendak caj RM1 ini pun akan menjadi isu, tetap menjadi isu.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Abang Lah tadi kata selepas pilihan raya kalau kita nak. Ini apabila sebut sahaja selepas pilihan raya baru kita caj, orang-orang akan spin di kampung. Mereka ada satu lagi ini kapal terbang tambang RM1. Jangan pangkah Barisan Nasional. Oleh sebab mereka sudah tahu dah. Mereka sudah tahu kita akan caj RM1. Sudah tidak payah Yang Berhormat Abang Lah cakap jangan *implement* sebelum pilihan raya. Sudah masuk kampung-kampung dah.

#### ■1450

Bila kita bercakap di sini sahaja, dia akan cakap Yang Berhormat Tumpat dah bagi tahu dalam Dewan, "*Selepas pilihan raya, MAVCOM akan caj RM1 kepada tuan-tuan dan puan-puan. Jangan pangkah Barisan Nasional*". Jadi saya nak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, masukkan dan kalaulah rang undang-undang yang kita bincang pada hari ini berlainan daripada yang dipersetujui, yang diluluskan di dalam Dewan Rakyat, maka saya cadangkan supaya kita terima dengan pindaan dalam Perlembagaan ini. Kita boleh terima tapi dengan ada pindaan-pindaan yang mana kita bincang sebentar tadi, supaya perkara ini bukan- saya dengar cerita MAVCOM kata ada 50 kakitangan Tuan Yang di-Pertua, 50 kakitangan. Mungkin akan bertambah.

Apa yang akan berlaku kepada mereka-mereka ini? Daripada taklimat hari itu kita dengar kalau sekiranya mereka buat kutipan RM1 ini pun masih lagi *breakeven*-nya tidak sampai. Mungkin mereka terpaksa *struggle* lagi untuk nak mendapatkan. Maka mereka akan mulakan perniagaan. Mereka buat perniagaan akan *compete* dengan kita, *local business* ini. Mungkin mereka satu hari akan buka *travel agent* sendiri, maka *compete* dengan rakyat yang sedang berniaga ini. Apa *business* yang mereka hendak buat? Nak jual *spare part* kepada kerajaan? Mati *Airod*. Apa nak buat? Jual tayar kepada kapal terbang? Mati kedai tayar yang ada sekarang yang dimiliki mungkin oleh orang-orang bumiputera.

Jadi saya cadangkan supaya dimasukkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Lim Pay Hen:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia nak celah sikit.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Sekejap, sekejap. Sebelum saya benarkan dia mencelah, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Bangunan Usaha Maju India Daerah Kinta, Perak ke Dewan Negara. Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini...

[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat juga

bersetuju dengan saya agar caj RM1 ini yang bakal dikutip oleh suruhanjaya perlu membentangkan juga satu kertas cadangan bagaimana suruhanjaya akan atau kementerian akan membelanjakan caj yang dikutip secara berhemah di Parlimen. Ini termasuk juga memberi tahu Ahli Senator, apakah jenis pandangan ataupun garis panduan yang kementerian guna pakai bagi menentukan kenaikan caj RM1 ini pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya nak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru, itu kalau nak tanya soalan, kena beri nama untuk perbahasan. Kalau nak celah itu, adalah setujukah Yang Berhormat yang berbahas itu, pandangan kepada Ahli Yang Berhormat yang berbahas. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Akan tetapi pandangan tadi itu kepada Menteri kan bukan kepada saya kan?

**Tuan Yang di-Pertua:** [Mengangguk]

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Okey, terima kasih. Saya tak payah jawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak payah jawab, belum jadi menteri lagi.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Tak akan jadi Menteri, tinggal tiga hari sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu pindaan ini ialah untuk menjaga kepentingan pengguna dan saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah tadi bahawa harga tambang, harga tambang saya tengok sekarang jadi macam harga lelong. Siapa yang sanggup bayar mahal, dia dapat.

Jadi saya cadangkan berilah kuasa kepada MAVCOM dalam hal ini untuk mengehadkan berapakah harga tambang yang harus. Kalaupun ia tidak boleh dibuat kerana ia seperti *free market*, *free* apa semua, *dynamic pricing*, sekurang-kurangnya buatlah untuk penerbangan domestik di antara negeri-negeri di Malaysia ini sebagai satu CSR daripada syarikat-syarikat penerbangan. Berilah kuasa ini kepada MAVCOM untuk membuat peraturan bagi menjaga kepentingan pengguna.

Ini kerana, bila tiba hari perayaan, tambang KK-KL, KL-KK *one way* jadi RM1,700 untuk *economy seat*. Tak masuk akal. Satu lagi perkara yang harus diambil kira oleh kementerian tentang menjaga hal ehwal pengguna ini ialah mengenai kelewatan penerbangan seperti banyak yang telah dibangkitkan tadi. Saya nak tanya kementerian, apakah dasar kelewatan penerbangan yang membolehkan syarikat penerbangan memberi *refreshment*, dengan izin, kepada penumpang. Kalau satu jam, katalah *delay* satu jam, bagi *refreshment*. Ini kadang-kadang dia kata 40 minit, sebelum 40 minit habis, dia tambah lagi 30 minit, dia tak bagi apa-apa.

Pengalaman saya juga pernah, bila saya tanya kenapa tak ada *refreshment*. Dia tengok *boarding pass* saya, dia kata encik dipersilakan pergi *golden lounge*. Ya lah, kita bolehlah duduk *golden lounge* pakai *Business Class free* kan, Parlimen bayar. Akan tetapi yang kasihan, yang orang dengan anak-anak nak pergi bercuti, yang *check-in* sudah berapa jam lebih awal, anak lapar nak makan, harga makan dekat *airport* bukannya murah. Nak makan nasi lemak, nak makan mi goreng lebih RM20 sepinggan. Jadi, tolong *regularize* masa yang diwajibkan untuk memberi *refreshment* kepada penumpang jika berlaku kelewatan. Kalau *AirAsia*, langsung dia tak bagi apa-apa.



Saya juga minta kepada kementerian, dalam pindaan ini tolong beri kuasa kepada MAVCOM juga untuk memastikan syarikat penerbangan terutamanya *MAS* kalau menggunakan pesawat dari KL ke KK atau ke Kuching, tolong pastikan pesawat itu mempunyai kemudahan hiburan sebab sering kali saya mendapati pesawat terbang yang dinaiki tidak ada hiburan dan amatlah mem-*boring*-kan lah kalau boleh kata. Jadi yang tidak ada hiburan ini, bolehlah dipakai antara KK-Tawau, KK-Sandakan yang penerbangan dia sejam atau kurang. Sejam atau lebih, pastikan pesawat itu punyai hiburan untuk memastikan keselesaan para penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon kepada MAVCOM supaya memastikan *Rural Air Services* di Sabah tidak akan di-*commercialize*-kan pada bila-bila masa dan apa sekali keadaan pun. Ini kerana apabila dia di-*commercialize*-kan, subsidi kerajaan akan ditarik dan ia akan menjadi satu perkhidmatan yang tidak akan dapat dibiayai oleh orang-orang pedalaman dan sayugia juga diingatkan, *Rural Air Services* ini juga adalah sebahagian daripada Perjanjian MA63 supaya Kerajaan Persekutuan memberi perkhidmatan *Rural Air Services* ini pada bila-bila masa kepada Sabah dan Sarawak.

Sebelum saya akhiri, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi seperti saya kata tadi, tempoh saya akan tamat tiga hari daripada sekarang dan saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua selama tempoh saya di sini, kakitangan, Ahli-ahli Dewan Negara, sahabat-sahabat semua.

#### ■1500

Kalau ada salah silap, sama-samalah kita bermaaf-maafan dan, *insya-Allah*, kita akan berjumpa lagi di lain lapangan. Kalau tidak di pilihan raya, di pemilihan jawatan UMNO nanti. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada seramai 12 orang untuk berbahas rang undang-undang ini. So, saya terpaksa mengehendkan masa lah. Saya bagi 20 minit cukup?

Silakan Yang Berhormat Chandra Mohan.

#### 3.01 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta ibu, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Seperti yang telah kita dengar semasa pembentangan, sebanyak tujuh seksyen akan dipinda. Saya rasa ini kali yang pertama Akta ibu dipinda sebanyak tujuh seksyen dan juga satu seksyen baru dan antara yang menarik perhatian dan yang saya akan fokus ialah seksyen 18 terutama sekali perenggan baru (2)(fa).

Akan tetapi sebelum saya bahas pindaan itu, saya cuma hendak ucapkan tahniah kepada MAVCOM atas dua isu. Satu, pelaksanaan *Malaysian Aviation Consumer Protection Code* (MACPC). Dengan ada kod itu, dia memenuhi keperluan *Montreal Convention*. Itu satu.

Kedua, dari isu- saya baca dalam laporan tahunan yang dibentangkan pada persidangan kali ini, isu pengenalan sistem *Complaints Management System* (CMS) yang telah berjaya menyelesaikan hampir 90 peratus dari aduan-aduan walaupun kebanyakannya, seperti yang kita telah dengar pagi tadi, berkaitan dengan *Rayani Air* tetapi isu dia telah selesai. So, tahniah kepada MAVCOM.

Saya hendak mulakan perbincangan saya dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 18(2) terutama sekali (fa) itu. Kalau kita tengok perenggan baru (fa) ini, antara lain tujuan dia ialah untuk membolehkan MAVCOM mendapatkan satu sumber kewangan baru, di mana buat masa ini sebanyak RM1 atas *departing passengers* yang ada cadangan sekarang. Pindaan ini memberi kuasa untuk MAVCOM untuk mengenakan caj itu walaupun caj itu akan terangkum dalam tiket dan sebagainya. Secara prinsip, saya tidak menafikan bahawa MAVCOM memerlukan dana untuk menyempurnakan tanggungjawab-tanggungjawab terutama sekali untuk melindungi hak pengguna *air travellers* dan sebagainya.

Cuma isu saya ialah kenapa perlu satu sumber dana kewangan yang baru sedangkan MAVCOM sudah ada banyak sumber pendapatan yang lain, sebagai contoh geran dari kerajaan, fi lesen, penalti kewangan dan sebagainya? Ini kalau kita tengok dari segi pendapatan, kalau kita tengok laporan tahunan MAVCOM yang baru dibentangkan pada bulan ini di Dewan Negara, pendapatan MAVCOM pada tahun 2016 adalah sebanyak RM60,850,000. Ini termasuk *launching grant* sebanyak RM60 juta.

Now, pada saya, kalau kita banding pendapatan pada tahun 2016 dengan perbelanjaan sebanyak RM35 juta lebih- *I am giving some around figures* ya. Kalau kita tengok dari segi surplus, kita nampak surplus dari segi *operating* untuk tahun 2016, surplus sebanyak RM25 juta, satu surplus yang begitu tinggi. Ini pada tahun 2016 tanpa mengambil kira bayaran fi dan juga penalti kewangan. Saya tidak ada maklumat mengenai penalti kewangan dengan bayaran fi fasal kalau kita tengok laporan tahunan itu, tidak ada sebut fasal kedua-dua pendapatan ini.

Akan tetapi kalau kita tengok, pada saya, dari aspek pengeluaran lesen, kalau kita tengok Akta ibu yang sedia ada sekarang, seksyen 39(2) dan 39(5) dari segi *issuance* lesen dan juga kalau kita dengar semasa taklimat pada hari ini dan juga muka surat 25 Laporan Tahunan MAVCOM ini, pada tahun 2016, MAVCOM telah mengeluarkan lima lesen perkhidmatan udara, 14 permit perkhidmatan udara, satu lesen pengendali *aerodrome* dan satu lesen *ground handling*- pengendali darat.

Isu saya ialah kalau ini semua telah diisu pada tahun 2016 mengikut seksyen 39(2) dan 39(6), kenapa pendapatan dari pengeluaran lesen tidak ditunjuk dalam *annual report*? Kalau kita tengok *Annual Report 2016*, tidak ada sebarang *income* dari lesen. Ini saya cuma cerita fasal lesen *because* lesen telah dikeluarkan. Dan kalau kita tengok Akta ibu seksyen 39(6), kalau tidak salah, lesen hanya boleh dikeluarkan lepas bayaran fi. So, saya harap saya boleh dapat penjelasan dari aspek ini. Kenapa tidak ada *income* dari lesen sedangkan lesen telah dikeluarkan? Itu satu.

Mengenai penalti, saya tidak tahu sama ada MAVCOM telah dikenakan penalti atau tidak. Akan tetapi kalau berdasarkan kepada laporan ini, dari segi aduan yang kita terima dari pengguna pun begitu tinggi. So saya rasa mungkin ada penalti kewangan. Kalau ada, saya cuma hendak tahu, sama ada, ada penalti kewangan atau tidak? Kalau ada penalti kewangan, kenapa dia juga tidak dilaporkan dalam laporan tahunan? Kalau ada ya. Contohnya kalau kita tengok seksyen 69, kalau tidak salah, untuk-banyak aduan ini dia berkaitan dengan kod pengguna MACPC. So, kalau ada banyak dari segi berapa ribu *complaint*, kenapa tidak ada fi penalti kewangan? Kalau kita tengok seksyen 69, dia boleh sampai RM200,000. So, *that is the second questions* ya.

Sebenarnya kalau kita tengok cadangan sekarang atau cadangan baru, pindaan-pindaan baru, dia juga ada satu pindaan kepada seksyen 65(4) yang akan membenarkan penalti sehingga RM1 juta. *So point* saya ialah sama ada MAVCOM telah terima pendapatan dari segi penalti kewangan untuk tahun 2016? Kalau sudah terima, kenapa tidak dilaporkan? Itu dua isu ya.

Saya hendak balik kepada isu seksyen 18(2) ini yang tadi dibangkit- mungkin pada ramai orang, dia cakap *one Dollar* itu *is not a very big...*

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah?.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Saya harap tidak panjang sangat fasal had masa.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tidak panjang, pendek saja. Tadi Yang Berhormat menyebut- maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua izinkan, terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa kerajaan memberi *launching grant* kepada MAVCOM. Kemudian, lesen kenapa tidak dimasukkan. Sekiranya kita mengeluarkan lesen-lesen *motorbike* pun kita caj RM3, RM4 punya. Kenapa tidak dimasukkan dalam laporan itu. Dan *question penalty fee*, saya tidak mahu sentuh sebab kita pun tidak tahu.

Apa pandangan Yang Berhormat sekiranya kerajaan memaklumkan bahawa *launching grant* ini kita bagi *One-Off*, selepas ini tidak ada lagi sudah, dan lesen yang dikeluarkan oleh MAVCOM, sebab tidak ada dalam buku itu, saya nak *assume*-kan bahawa tidak ada caj yang dikenakan? Bagi lesen *free* saja. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dengan MAVCOM ini? *How they want to survive*, dengan izin? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1510

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat sila. Ini pegawai ada bukan, dari pengangkutan? Ada, ada pegawai yang catat? Ada ya. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, pada saya tafsiran Akta Ibu khususnya 39 sub (6). Kalau tidak salah 39 sub (6) dia mewajibkan *the exact words* ya, dia cakap segala- *not the exact words*, tetapi dia cakap segala permohonan untuk lesen mesti dibuat bersama-sama dengan fi. *So* bila *you* mohon lesen, *you* kena bayar fi sekali. *So* pada saya, isu saya ialah muka surat 25 dalam laporan tahunan, di mana dia cakap banyak lesen dikeluarkan tetapi hasil atau pendapatan dari lesen itu tidak rekod dalam- *I don't know where the accrual* atau apalah. Itu yang soalan sayalah, kenapa tidak ada?

Soal geran, kemungkinan besar pada saya- ini saya ramal sahajalah. Kemungkinan besar geran yang kerajaan bagi hanya *launching grant*. Kemungkinan selepas ini tidak ada geran lagi dari kerajaan. *So*, dia perlu pendapatan yang lain. Itu saya terima kenapa dia kenakan ini. Cuma isu saya, kenapa perlu satu sumber pendapatan yang baru itu, RM1 itu atas *departing passenger*. *Argument* saya, pendapatan daripada fi, lesen, penalti kewangan dan sebagainya mungkin cukup berdasarkan kepada *statement of account* pada tahun 2016, di mana *surplus* untuk tahun 2016 adalah sebanyak RM25 juta. Ini dari segi ketulusanlah. Kita harap kita boleh dapat penjelasan.

*I* balik kepada isu RM1 ini. Mungkin kita nampak isu RM1 ini dia macam tidak banyak. Kalau terangkum dalam tiket pun kita tidak nampak duit RM1 itu. Akan tetapi pada saya dan juga *website*

MAVCOM semasa dia umum RM1 ini, jumlah yang akan dikutip oleh RM1 ini kalau tidak salah anggaran MAVCOM adalah sebanyak RM30 juta pada satu *statement* daripada *Corporate Communication Director*.

Akan tetapi pada anggaran saya, duit RM1 ini yang MAVCOM akan kutip adalah dalam lingkungan mungkin RM45 lebih juta. Ini berdasarkan kepada MAB punya *passenger traffic volume report* yang pada tahun 2016, *passenger traffic volume* ialah sebanyak 91 juta. So kalau saya ambil separuh sebagai *departing passengers*, mungkin dia akan- Ini MAVCOM punya *own report* ya, walaupun MAHB dia punya *figure* dekat 88 juta. *The point is* pada saya ialah MAVCOM akan dapat dari RM1 ini dalam lingkung RM40 juta - RM45 juta dan saya pakai satu *conservative* punya *estimated*.

So saya harap untuk mengelakkan keraguan seperti yang saya cakap tadilah, untuk mengelakkan ini, saya harap MAVCOM atau Yang Berhormat Menteri boleh memberi tahu dengan Dewan anggaran yang MAVCOM akan terima dari RM1 ini untuk tahun 2018. Lepas itu terpolung *because* ini *cyclical*. Ada *event* boleh *effect passenger travel* dan sebagainya. Ini Cuma anggaran untuk tahun 2018.

Saya juga hendak bangkitkan dua atau tiga isu secara *specific* yang banyak kita heboh sekarang ialah kenaikan *passenger services charges* mulai 1 Januari di KLIA2. Kalau kita tengok sejak penubuhan MAVCOM ini, ini adalah kali yang kedua. Untuk KLIA2 ini adalah kali yang kedua *passenger service charges* akan dinaikkan. Januari akan datang akan dinaikkan daripada- pada mulanya saya ingat RM32 ke RM50. Sekarang RM50 ke RM73 untuk KLIA2 sahaja. Lain / tidak sebut. Fasal yang lain ada turun sikit dan sebagainya. KLIA, fokus saya KLIA. *Sorry*, KLIA2. Kalau kita tengok KLIA2, kenaikan dalam dua tahun ini dari *passenger services charges* adalah sebanyak RM41, 128 *percent*. Isu saya, saya telah baca *report* yang cakap kita hendak sama ratakan PSC dengan lain *airport* dan sebagainya, KLIA2 ini bukan LLCT dan sebagainya. Itu semua okey.

Akan tetapi pada saya kalau kita tengok kemudahan yang ada di KLIA2 itu tidak serupa kemudahan yang ada di KLIA. Mungkin lebih baik berbanding dengan lain-lain *airport*, tetapi fokus saya antara KLIA dengan KLIA2. Ini kerana kita hendak sama ratakan tetapi kemudahan berbeza dari segi hendak jalan ke *gate*, hendak tunggu, hendak jalan ke tempat tunggu teksi, masa *collects* bagasi dan sebagainya. So pada saya, biasanya kalau kita hendak kenakan, dengan izin, kalau kita hendak kenakan satu *homogenous free structure*, kemudahan pun kena *homogenous*. Akan tetapi sini kemudahan berbeza. Itu satu.

Soalan yang kedua berkaitan dengan PSC, saya tiga soalan. Soalan kedua berkaitan dengan PSC. PSC ini kalau kita tengok *airline* kutip, fasal dia terangkum dalam tiket. So saya hendak tahu *airline* yang kutip itu sama ada *airline* itu semua sudah bayar kepada MAHB atau belum? *Airline* kutip bagi pihak MAHB. Fasal kalau tidak salah satu masa dulu, ada berapa *million*, berapa juta, RM50 lebih juta yang dihutang oleh syarikat penerbangan itu, dia tidak bayar kepada MAHB. So saya hendak tahu tunggakan. sama ada *airlines* membayar pada MAHB. Kalau tidak ada, dia akan *affect operating cost of MAVCOM* dengan MAHB. Ini sama ada sudah bayar dan kalau tertunggak, namakan syarikat penerbangan.

Berkenaan dengan PSC, saya juga ada satu lagi isu berkenaan dengan PSC iaitu *Passenger Service Charges* berkaitan dengan tanggungjawab MAVCOM untuk melindungi *consumer*. Kalau kita

tengok PSC ini, *the understanding* dalam PSC ini, *passenger* dia bayar dalam tiket dan kalau *he does not fly*, duit ini kena dipulangkan kepada *consumer*. The PSC kena dipulangkan kepada *consumer*. Ini fokus kepada MAVCOM punya tanggungjawab untuk melindungi hak pengguna. Macam mana dia hendak *payback the money*? Apa cara kita hendak menuntut? Mungkin orang ingat *5 Dollars, 6 Dollars* ini bukan besar atau *50 Dollars* ini bukan besar. Mungkin satu hari *70 Dollars*, macam mana kita hendak *claim* balik duit ini? Hal ini sama ada, ada satu mekanisme MAVCOM akan mengadakan khusus untuk *passenger* yang tidak *fly* supaya kita dapat balik PSC yang kita bayar itu.

Saya juga hendak tanya sedikit supaya kita dapat penjelasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, lepas ini gulungkan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *Just* dua isu sahaja. Satu isu APSS. Banyak berita kita dengar kemungkinan MAVCOM akan dikenakan APSS punya *charges* fasal kerajaan telah belanja banyak duit untuk memperkenalkan APSS iaitu *Advance Passenger Screening System* ini. Kalau tidak salah itu / baca dalam laporan sebanyak RM8 bilion. So sama ada kerajaan bertujuan atau MAVCOM bertujuan untuk mengenakan *special charges* APSS. Sekarang pun kalau kita tengok dalam kalau tidak salah dalam *passenger service charges* RM6 itu sudah pergi kepada *security screening* untuk ini.

Mungkin satu lagi ialah isu berkenaan dengan *last topic*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah isu berkenaan dengan seksyen 5, 6 dan 9. Ini berkenaan dengan Akta Ibu, seksyen 5, 6 dan 9, mengenai kuasa pelantikan Pengerusi Eksekutif. Kuasa untuk menentukan saranan dia dan juga kuasa untuk menamatkan pelantikan Ketua Eksekutif.

#### ■1520

Soalan saya ialah kenapa kuasa ini diberi kepada Perdana Menteri dan bukan kepada Menteri Pengangkutan? Isu ini saya pernah bangkitkan dahulu, dua tahun dahulu pada bulan April semasa Akta Ibu ini dibentangkan. So, kalau kita tengok satu trend banyak agensi, SPAD, *High Speed Railway* dan sebagainya yang agensi yang jaga adalah Kementerian Pengangkutan tetapi kuasa pelantikan diberi kepada Perdana Menteri.

Akhir sekali, soalan saya berkaitan ini adakah- ini memberi satu gambaran bahawa tidak ada keyakinan atas Kementerian Pengangkutan. Itu soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chong. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan supaya perbahasan yang telah dibahaskan itu tidak payah ulang balikkah. Terima kasih.

#### 3.21 ptg.

**Datuk Ir. Yong Wui Chong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan usul pindaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017 pada petang ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana prihatin dan memikirkan bagaimana industri penerbangan negara akan sentiasa diperkasa dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Selepas hampir dua tahun MAVCOM ditubuhkan, fungsi-fungsi MAVCOM itu perlu diperjelaskan dan diperkasakan melalui peruntukan-peruntukan tertentu. Rang undang-undang ini akan memberikan satu *empowerment*, dengan izin, untuk menjadikannya lebih berkesan untuk menyumbang

ke arah perkembangan industri penerbangan negara. Saya terus kepada fasal-fasal di dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan fasal 3 bertujuan untuk memasukkan suatu perenggan baru (FA) ke dalam subseksyen 18(2) bagi membolehkan MAVCOM mengenakan dan memungut caj pengawalseliaan ke atas penumpang di lapangan terbang di Malaysia. Caj pengawalseliaan yang akan dikenakan adalah pada harga maksimum RM1 yang termasuk cukai barangan dan perkhidmatan GST. Pertanyaan saya yang pertama ialah apakah kriteria yang diguna pakai untuk menentukan amaun caj penumpang ini? Jika ketika ini adalah RM1 tetapi bagaimana pula hendak kita tentukan kadar tersebut? Apakah faktor yang diambil kira bagi penempatan caj ini dan sampai bila ianya akan kekal RM1?

Kedua, berapakah anggaran kutipan tahunan daripada caj penumpang tersebut berdasarkan dengan kepada cadangan caj sekarang iaitu RM1? Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) pada 12 bulan terakhir iaitu sehingga Ogos tahun ini, rangkaian lapangan terbang yang dikendalikan oleh mereka telah mencatatkan jumlah penumpang sebanyak 125.7 juta orang. Maka, jika diambil kira caj cadangan yang ingin dikenakan sebanyak RM1, jumlah fi yang akan dipungut adalah besar.

Oleh yang demikian, apakah kegunaan pendapatan yang besar daripada caj tersebut? Adakah ia semata-mata untuk kos perbelanjaan pengurusan MAVCOM dan program kesedaran pengguna sahaja? Seterusnya adalah berkenaan skop tugas MAVCOM dengan mewujudkan mekanisme perlindungan pengguna dan menerima aduan pengguna. Saya hendak tanya Kementerian Pengangkutan, apakah mekanisme yang akan dicadangkan untuk perlindungan pengguna dan juga penerimaan aduan pengguna?

Tuan Yang di-Pertua, isu *aerobridge* khasnya di lapangan terbang di Sabah masih lagi tidak selesai dan telah pun berpanjangan. Oleh itu, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh MAVCOM dalam menyelesaikan isu penyediaan perkhidmatan *aerobridge* oleh *AirAsia*? Bolehkah saya dapatkan perincian kos sebenar perkhidmatan *aerobridge* ini sekiranya ianya dilaksanakan bagi semua penerbangan? Berapakah jumlah fi yang akan dikenakan oleh setiap penumpang?

Saya difahamkan bahawa syarikat penerbangan yang menggunakan *aerobridge* di KLIA dan KLIA 2 adalah RM85.00 bagi setiap penggunaan yang berdasarkan kepada pesawat *Airbus A320* yang membawa 180 orang penumpang yang merangkumi kedua-dua jenis penerbangan ketibaan dan berlepas yang mana ianya menjadikan kos bagi setiap penumpang pula hanya RM0.25 untuk menggunakan *aerobridge* ini.

Oleh itu, jika benar caj bagi perkhidmatan ini adalah murah seperti yang saya sebutkan tadi, adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan penggunaan *aerobridge* di kesemua lapangan terbang di Malaysia yang mempunyai perkhidmatan *aerobridge*? Apakah peranan MAVCOM untuk memastikan MAHB menyediakan *aerobridge services*, dengan izin, khususnya bagi memastikan keselesaan dan keselamatan penumpang dan memastikan keselamatan lapangan terbang sentiasa berada di tahap yang terbaik? Masih isu yang sama. Saya mohon penjelasan daripada kementerian sama ada *AirAsia* telah pun memasukkan *aerobridge* caj di dalam setiap pembelian tiket oleh penumpang? Ini kerana saya hairan kenapa bila penumpang *AirAsia* daripada Kota Kinabalu ke KL,

perkhidmatan *aerobridge* disediakan. Akan tetapi sebaliknya berlaku apabila penerbangan daripada KL to KK tidak disediakan perkhidmatan ini. Ini adalah pengalaman saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian, kenapakah MAVCOM hanya akan menerima aduan daripada penumpang sekiranya syarikat penerbangan tidak dapat menyelesaikan aduan yang dibuat selepas 30 hari? Kenapa mereka perlu tunggu selama 30 hari? Kepada saya ini agak lama. Selepas 30 hari ini kalau penumpang buat aduan, berapa lama lagi tempoh masa yang diperlukan oleh MAVCOM untuk menyelesaikan aduan-aduan yang berkenaan? Cadangan saya ialah tempoh 30 hari ini boleh disingkatkan ataupun kita benarkan penumpang membuat aduan secara serentak kepada syarikat penerbangan dan juga MAVCOM. Ini akan menjimatkan masa dan pada masa yang sama MAVCOM juga boleh pantau kemajuan aduan tersebut.

Perkara terakhir adalah mengenai memasukkan sesuatu perenggan baru ke dalam subseksyen 69(1), Akta 771 untuk memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk mengawal selia fi dan caj yang dikenakan secara tidak adil dan sewenang-wenangnya. Perkara ini penting kerana caj mahupun fi yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan penerbangan haruslah berpatutan, mengambil kira faktor kebajikan dan sebagainya. Ada pun begitu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian iaitu berapakah jumlah caj yang boleh dikenakan oleh syarikat penerbangan kepada penumpang terhadap perkhidmatan yang mereka tawarkan? Adakah kementerian akan meletakkan had siling bagi caj tersebut untuk diikuti oleh syarikat penerbangan dan tidak membebankan penumpang dengan caj yang terlampau tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan ini adalah baik dan bagus, namun kerajaan harus menjamin bahawa hak penumpang dan pelanggan bukan sahaja dilindungi tetapi di perkasakan melalui pindaan yang dilakukan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar.

### **3.29 ptg.**

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih beri peluang untuk saya turut membahaskan Rang Undang-undang 32/2017 iaitu meminda Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 ataupun dipanggil Akta 771. Pemindaan ini saya rasa tepat pada masanya oleh kerana dengan wujudnya Suruhanjaya Penerbangan sejak 1 Mac 2016, kawal selia untuk melindungi hak pengguna dan juga kepentingan pengguna dan juga pembangunan industri penerbangan negara akan lebih mantap.

#### **■1530**

Saya alu-alukan cadangan supaya suruhanjaya diberi kuasa untuk kenakan penalti dan pungut caj ke atas penumpang supaya sumber kewangan adalah mencukupi untuk suruhanjaya ini beroperasi. Saya hendak sentuh hanya dua isu sahaja. Pertama ialah kalau kita lihat kepada fasal 6 iaitu pindaan yang dicadangkan adalah untuk menggambarkan bahawa adalah menjadi fungsi suruhanjaya untuk mentadbir, menguntukkan dan menguruskan kedua-dua hak trafik udara domestik dan antarabangsa.

Soalan saya, bilakah Malaysia akan ambil alih pengurusan ruang udara Malaysia di Laut China Selatan yang sekarang ini di bawah pengurusan oleh DCA Singapura. Itu satu soalan.

Kedua ialah menyentuh fasal 9, peruntukan baru ini membenarkan suruhanjaya mengenakan penalti kewangan bagi apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan, pekeliling arahan, nota, amalan dan notis yang dikeluarkan oleh suruhanjaya. Soalan saya, bilakah dan berapa lama kah *timeline*, dengan izin, untuk suruhanjaya menyiapkan dan mengimplementasikan garis panduan atau SOP untuk mempertingkatkan lagi pengurusan dan perkhidmatan lapangan kapal terbang ke tahap yang cemerlang.

Jadi itu sahaja dua isu, pertama ialah isu strategik dan kedua isu itu. Sekian sahaja isu yang ingin saya bangkitkan, saya turut menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, ada? Silakan.

### 3.32 ptg.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017.

Sebagai permulaan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Walaupun suruhanjaya ini ditubuhkan pada 1 Mac 2016, dalam tempoh hanya satu tahun suruhanjaya ini berjaya mengeluarkan dan menyediakan satu Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016. Ini, saya mengucapkan tahniah. Apa yang terkandung dalam kod perlindungan ini amat berguna kepada semua penumpang yang menaiki penerbangan. Saya ingin menumpukan perhatian kepada penumpang-penumpang OKU dan warga emas.

Buat masa ini, penumpang OKU menghadapi pelbagai halangan juga ataupun masalah apabila menggunakan perkhidmatan di lapangan terbang. Selepas *check-in*, sebelum sampai ke pesawat di KLIA2, jalannya amat jauh dan *buggy* disediakan bagi penumpang lain tetapi mereka yang berkerusi roda, *buggy* itu tidak mesra kerusi roda. Bagi mereka yang menaiki penerbangan *AirAsia*, hanya sekiranya semasa menempah tiket, membeli tiket secara *online*, kalau mereka menyatakan mereka seorang OKU yang menggunakan kerusi roda dan ada kad OKU, baru kerusi roda akan disediakan apabila mereka ke lapangan terbang nanti.

Kalau mereka tidak menyatakan secara *online*, mereka terpaksa bayar harga RM60 untuk menggunakan kerusi roda untuk pergi menaiki pesawat. Bagi warga emas juga, warga emas yang mahu menggunakan kerusi roda juga terpaksa bayar RM60. Kalau slogan *AirAsia* adalah "*Everyone Can Fly*", nampaknya bagi orang kurang upaya ini terhad ya. Mereka kena mengeluarkan lebih banyak duit kalau hendak guna perkhidmatan *AirAsia*.

Selain itu, barangan yang dibawa oleh OKU seperti kerusi roda ataupun skuter bermotor dan alat-alat bantuan lain. Apabila berlakunya kerosakan apabila tiba di tempat destinasi, selalunya ada masalah dengan cara *claim* untuk kerosakan. Jadi ada satu kes baru-baru ini di mana seorang penumpang menggunakan *AirAsia* untuk balik dari Taiwan ke Malaysia dan kerosakan berlaku kepada



kerusi rodanya dan *AirAsia* enggan membayar. Ini adalah satu situasi di mana penumpang tidak ada saluran untuk menyuarakan dan menuntut haknya.

Saya rasa dengan adanya Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia ini, ia adalah satu penyelesaian, satu saluran yang baik untuk kita menyalurkan aduan-aduan dan juga membuat tuntutan bagi apa-apa kehilangan ataupun kerosakan yang berlaku kepada barangan yang dibawa oleh kita. Saya difahamkan bahawa di bawah kod perlindungan ini, tuntutan akan diberi kepada barang yang mengalami kerosakan mengikut kadar yang *current*, kadar market dan bukan *depreciated value*. Ini adalah satu *point*, satu cara menjaga hak pengguna penerbangan.

Satu lagi isu adalah *aerobridge* seperti mana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator sebelum saya mengenai harga yang di caj untuk *aerobridge*. *AirAsia*, ia hanya melibatkan 25 sen ataupun antara beberapa sen sahaja, kurang daripada RM1 bagi setiap penumpang tetapi *AirAsia* memilih untuk tidak menggunakan *aerobridge* di tempat-tempat di mana ia disediakan. Ini adalah sebab mereka ataupun pihak *AirAsia* lebih mementingkan masa bagi penumpang, penumpang turun dan penumpang baru naik pesawat itu. Ini menyusahkan ramai penumpang, *I mean* kesemua penumpang termasuklah orang kurang upaya.

Saya rasa itu sahaja isu-isu yang saya ingin utarakan dan saya menyokong dengan penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

### 3.38 ptg.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bahas, saya mengumumkan kehadiran pegawai tertinggi pentadbiran Bangladesh dan UPM Serdang... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017. Seperti dimaklumkan, MAVCOM telah ditubuhkan pada 1 Mac 2016 di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 yang bertujuan mengawal selia setiap aspek ekonomi industri penerbangan negara. Pindaan Akta 771 yang dicadangkan ialah untuk membolehkan MAVCOM memungut caj pengawal selia ke atas penumpang di lapangan terbang Malaysia.

#### ■ 1540

Pengutipan itu adalah hanya RM1. Langkah ini bertujuan memastikan MAVCOM dapat sumber kewangan yang mencukupi untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna. Semua lapangan terbang di seluruh dunia ada pengutipan caj atau levi seperti yang kita cadang dalam pindaan ini. Pengutipan ini bukan kenaikan caj tetapi yang sepatutnya diambil sejak dahulu. Kutipan ini adalah sangat rendah dibandingkan dengan semua lapangan terbang di dunia. Akan tetapi seperti kata saudara saya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, memang ada kebimbangan sedikit dalam sudut politik tetapi jangan bimbanglah kerana ini wajib untuk perkembangan *business* Penerbangan Malaysia, dengan izin.

Satu kuasa yang penting di bawah MAVCOM adalah untuk mengkaji kadar tambang yang sepatutnya. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua saya minta MAVCOM mengkaji kadar tiket masa hari cuti

umum umpamanya, masa cuti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Gawai di Sarawak. Saya dimaklumkan masa hari biasa, bayaran tiket dari Johor ke Sarawak adalah dalam lingkungan RM100 ke bawah, *one way*, dengan izin. Akan tetapi masa Gawai yang lepas, saya kena bayar tiket dari Johor ke Kuching dalam lingkungan RM800, *one way*, dengan izin. Itulah memang membebankan rakyat.

Tadi saya mengkaji sedikit dalam *internet* kadar tiket yang akan dipamerkan atau akan diberi *offer* daripada dua syarikat penerbangan. Satu syarikat penerbangan, 10 Januari yang akan datang ini, 2018, Kuching ke Kuala Lumpur adalah RM79, balik 16 Januari, Kuala Lumpur ke Kuching, juga RM79. Satu lagi syarikat penerbangan, sama tarikh, 10 Januari, Kuching ke Kuala Lumpur adalah RM215, balik dari Kuala Lumpur ke Kuching dalam lingkungan RM215 kepada RM300 lebih.

Saya harap Kuala Lumpur ke Kuching ini dapat ditentukan bila masa kita hendak terbang. Jangan ia sebelum kita hendak terbang malam ini, kita tempah tiket tetapi esok ia naik lagi. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang penting kerana saya tadi tengok dalam *internet* tempahan tiket Mei atau sebelum Kaamatan, sebelum Gawai 30 Mei 2018 Johor ke Kuching adalah rendah RM195. Balik 6 Jun Kuching ke Johor Bahru adalah RM179. Saya harap ini dapat dikekalkan masa Jun nanti. Saya fikir, saya khuatir juga, ini akan berlaku lagi. Masa itu tambang akan naik pada RM800. *I'm quite sure* dengan izin ini akan naik.

So apakah mekanisme yang MAVCOM dapat guna pakai untuk menentukan harga tiket ini cukup rendah, sepatutnya kekalkan harga tiket ini yang saya tadi cari, dapat juga diguna pakai masa kita pergi pada Mei 30 dan balik 6 Jun nanti. Sekian Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Sebelum itu Yang Berhormat, usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.46 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan (DR. 32/2017) Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia pindaan 2017 dan (DR. 39/2017) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 seperti yang tertera sebagai nombor 2 hingga nombor 3 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 19 Disember 2017.”

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul yang seperti dikemukakan dan hendaklah disetujui

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**15.47 ptg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran bagi saya membahaskan Rang Undang-undang pindaan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2017. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan ini agar kawal selia ke atas syarikat-syarikat yang terlibat dalam sektor penerbangan negara lebih cekap dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 5 pindaan ini, kerajaan memberi kuasa kepada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengenakan penalti ke atas ketidakpatuhan atau kegagalan syarikat penerbangan ke atas sebarang ketidakpatuhan garis panduan atau peraturan ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya. Isu yang ingin saya kemukakan kepada kementerian pada perbahasan rang undang-undang ini mengenai hak dan perlindungan kepada penumpang penerbangan yang menghadapi masalah kelewatan jadual perkhidmatan penerbangan yang mereka beli sehingga melebihi tiga jam dan menyebabkan mereka terlepas *connecting flight* dan terpaksa mengeluarkan kos tambahan untuk meneruskan perjalanan. Ini terjadi pada saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Persoalan yang ingin saya kemukakan, terdapat banyak rungutan daripada pengguna yang memaklumkan kepada saya bahawa isu kelewatan dan kegagalan syarikat penerbangan menangani dengan baik pengurusan penumpang yang terjejas kerana kelewatan sesuatu penerbangan akibat masalah teknikal atau kebolehpercayaan operasi penerbangan.

Jadi saya ingin kemukakan soalan, bagaimanakah pihak Suruhanjaya menetapkan tanggungjawab dan *accountability* syarikat penerbangan agar pengurusan ganti rugi hak penumpang yang mengalami kelewatan jadual penerbangan ditangani jika sekiranya kelewatan penerbangan ini melebihi tiga jam atau lima jam jadual penerbangan dinyatakan dalam tiket yang dibeli penumpang. Apakah benar ketetapan hak dan perlindungan kelewatan ini tidak terpakai dalam perkhidmatan penerbangan tambang murah dan suruhanjaya tidak mempunyai kuasa apabila kelewatan jadual penerbangan berlaku di lapangan terbang di luar negara tetapi destinasiya adalah Malaysia.

■1550

Berapa lamakah tempoh masa piawaian penyelesaian pertikaian yang dibuat oleh suruhanjaya mengenai pemulangan harga tiket ganti rugi pembelian semula tiket penerbangan yang lain bagi kes-kes yang melibatkan kelewatan melebihi lapan jam dan kes pembatalan terus penerbangan.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan semua penumpang mengetahui hak-hak yang patut diperoleh mereka apabila berlakunya kelewatan jadual penerbangan? Apakah suruhanjaya mempunyai kakitangan dan kios aduan di lapangan-lapangan terbang utama bagi memudahkan pengguna perkhidmatan penerbangan mengemukakan aduan mengenai isu kelewatan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan dalam pindaan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ini. Harapan saya semoga dengan pindaan yang dibuat ini akan meningkatkan kecekapan urus tadbir dan kawal selia industri penerbangan dalam negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

### **3.51 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk ikut serta di dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017. Terutama sekali saya ingin ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kementerian di atas pembentangan pindaan ini dan semoga pindaan ini akan menjadikan industri penerbangan di Malaysia lebih berdaya maju terutama sekali bagi kita di Sarawak dan Sabah yang mana perkhidmatan penerbangan merupakan nadi utama pengangkutan yang menghubungkan kita dengan bandar-bandar utama di Sarawak dan Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa persoalan yang ingin saya kemukakan dalam perbahasan ini kerana ia amat penting untuk menjaga hak dan perlindungan ke atas pengguna perkhidmatan penerbangan. Seperti mana yang kita tahu, bahawa pembelian tiket secara *online* dan perkhidmatan portal yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan yang berdaftar di Malaysia adalah amat penting dalam memastikan pengguna mendapat tiket yang sah dan dapat menggunakan perkhidmatan penerbangan yang mereka tempah dan beli. Namun, kini, pertumbuhan pesat dan rancak industri penerbangan menyebabkan terdapat banyak aplikasi digital di dalam laman *internet* yang menawarkan perkhidmatan jualan tiket penerbangan merentasi kepelbagaian syarikat penerbangan.

Apa yang saya perhatikan selain laman portal milik syarikat penerbangan yang dikendalikan oleh mereka, terdapat juga laman portal pihak ketiga yang menawarkan jualan tiket atas talian seperti *Traveloka - Cheap Flight and Hotel Booking* dan *Skyscanner* atau *Cheap Flights Online*. Soalan saya ialah, bagaimanakah kerajaan mengambil maklum dan menetapkan tata kelola industri agar penawaran tiket penerbangan dalam portal *online* ini benar-benar boleh dipercayai integritinya dan tidak terdedah kepada aktiviti *scam* yang akan merugikan pengguna atau pembeli tiket penerbangan.

Kedua, bagaimanakah satu ketetapan atau tata kelola dan kawal selia laman-laman portal yang di selenggara oleh syarikat penerbangan tidak mengelirukan pengguna dengan caj-caj terselindung atau penambahan-penambahan pakej sampingan yang menyebabkan pengguna tersalah langgan dan merugikan pengguna?

Ketiga ialah apakah komitmen yang boleh dimainkan dalam penggunaan portal pembelian tiket *online* ini boleh dipelihara?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini juga kebanyakan syarikat penerbangan menawarkan perkhidmatan *check-in* menggunakan telefon pintar di mana slip daftar masuk dihantar secara *online* dan paparan maklumat peribadi pengguna penerbangan, tempat duduk dan butiran penerbangan

dicetak dalam aplikasi digital. Saya dapati aplikasi ini boleh diguna pakai di KLIA dan juga Lapangan Terbang Utama seperti Kuching, Kota Kinabalu dan sebagainya.

Persoalan saya di sini yang hendak saya kemukakan ialah, terdapat juga lapangan terbang- Saya difahamkan seperti di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan juga beberapa lapangan terbang di bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk menyediakan aplikasi *check-in* secara digital ini.

Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimanakah kerajaan dapat mewajibkan syarikat penerbangan atau Malaysia Airport Holdings Berhad untuk menyediakan kemudahan peranti daftar melalui aplikasi digital ini dan apakah perancangan kerajaan dalam memastikan ketetapan penggunaan aplikasi ini dipatuhi oleh pihak-pihak yang terbabit?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak mahu ketinggalan untuk membangkitkan isu *connectivity* udara di Sarawak, Semenanjung Malaysia *vice-versa* dan sebagainya. Perkara yang sering diperkatakan adalah berkenaan harga tiket penerbangan pada musim-musim tertentu adalah terlalu mahal dan jumlah penerbangan yang begitu terhad yang disediakan oleh syarikat-syarikat pengendalian penerbangan iaitu MAS, AirAsia dan juga Malindo. Oleh yang demikian, saya meminta kementerian dan juga MAVCOM supaya membuat kajian. Apabila kajian itu siap bentangkanlah kajian itu kepada umum tentang harga tiket penerbangan yang berpatutan dan lain-lain caj yang dikenakan oleh syarikat pengendali penerbangan.

Saya juga mengesyorkan supaya kerajaan meletakkan *capping* pada harga tiket penerbangan dan juga mengkaji jadual penerbangan yang disediakan oleh syarikat-syarikat pengendali penerbangan supaya menambahkan kekerapan penerbangan dalam sehari, iaitu yang boleh digunakan oleh pengguna-pengguna sama ada dari Sarawak ke Semenanjung, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Bharu dan sebagai dan juga sebaliknya.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang ini. Semoga dengan pindaan yang dibuat, perlindungan pengguna lebih berkesan dan bermanfaat rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

**3.58 ptg.**

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri saya ingin membuat sedikit sumbangan di dalam perbahasan mengenai rang undang-undang yang berkaitan dengan MAVCOM ini.

Akan tetapi saya tidak akan panjang lebar kerana saya mahu menjadi lebih praktikal iaitu ada tiga persoalan yang saya hendak timbulkan di sini. Pertama, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri oleh sebab ada cadangan hendak kutip RM1 seorang daripada penumpang, adakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan setelah MAVCOM ditubuhkan 2016 yang lalu bahawa keadaan kewangan benar-benar darurat yang menyebabkan RM1 mahu dikenakan?

Sedangkan kita tahu dan kita tidak nafikan bahawa kemudahan-kemudahan yang ada di lapangan terbang KLIA dan KLIA2 adalah baik. Walaupun saya ada hujah yang ketiga yang akan saya sebutkan sebentar lagi.

■1600

Jadi, adakah benar-benar perlu terutama sekali apabila musim pilihan raya seperti mana yang diberikan komentar, cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Barisan Nasional supaya ditangguhkan? Akan tetapi, saya melihat sama ada pilihan raya ataupun tidak, tak payahlah dikenakan. Biarlah baru ditubuhkan tahun 2016, kita hendak tengok dahulu sejauh mana, apa itu fungsi MAVCOM ini dengan lebih berkesan.

Kedua ialah saya hendak cadangkan supaya- oleh kerana MAVCOM tadi menyebut bahawa mereka hendak jamin hak kepenggunaan penumpang, maka saya hendak cadangkan, kalau peringkat antarabangsa, memang di luar bidang MAVCOM, tetapi harga tambang kapal terbang sama ada MAS ataupun *Malindo* ataupun *AirAsia*, eloklah diberikan ruang kepada MAVCOM untuk mencari jalan supaya berunding, dapat campur tangan supaya kedudukan tiket-tiket di dalam negeri ini betul-betul dapat memberi keselesaan kepada rakyat Malaysia pada semua peringkat.

Kerana itulah keperluan asalnya tambang murah diwujudkan, tanpa menafikan bahawa *AirAsia* dan juga *Malindo Air* sudah pun memberikan sumbangan dan hari ini MAS dalam keadaan yang agak merudum dari segi kedudukan kewangannya sudah mulai menunjukkan persaingan kepada *Malindo* dan *AirAsia*.

Ketiga, saya hendak cadangkan, walaupun pembaikan sudah dibuat kepada KLIA2 yang disebut-sebut sebagai KLIA yang tidak mesra kepada warga emas, cadangan saya ialah supaya *buggy-buggy* itu dapat ditambah sebab saya melihat perkhidmatan *buggy* kurang memuaskan. Tidak ada penyeliaan daripada pihak berkuasa dan ini menyulitkan kepada warga emas yang berjalan begitu jauh, juga wanita-wanita hamil dan juga kepada orang-orang kurang upaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Ya.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Hari ini pun saya ada membuat *cutting* daripada surat khabar *The Star* yang *complaint* kepada KLIA2 di atas perlunya ditambah perkhidmatan. Walaupun telah dibuat *conveyor* dan sebagainya, tetapi hakikatnya lapangan terbang ini begitu besar dan kalau hendak naik itu- apa dipanggil? Untuk naik itu begitu tinggi, hendak turun pun begitu tinggi, memang menyulitkan, menyeramkan kepada warga emas. Maka kerana itu, perkhidmatan *buggy* adalah perlu untuk ditambah, kerana kita tahu *buggy* itu terhad dan dia terpaksa diberhentikan perkhidmatannya kerana hendak *charge* bateri. Eloklah ditambahkan *volume*-nya supaya ini akan memberikan keselesaan kepada warga emas.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad. Dipersilakan.

#### 4.03 ptg.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua yang baik hati, baik budi, terima kasih banyak. Saya mohon kalau boleh saya dibenarkan bercakap panjang sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Kalau dibenarkan. Kalau saya melanggar waktu, tolong izinkan. Selepas saya cakap, ada lagi jurucakap lain itu.

Pertama, saya hendak maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, saya hari ini hendak cakap campur dengan loghat Pulau Pinang. Fasal tadi Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim kata dia popular sebab dia *kecek Kelate*. Jadi saya kena cakap ada bunyi *sound* Pulau Pinang sedikit. Baru ada saingan. Kalau tidak, Datuk Haji Abdullah *teng* saya. Jadi saya hendak ada campur Pulau Pinang sedikit boleh? 07. Kod Pulau Pinang 07.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Prof. tadi. *Buggy* ini satu hal, kerana sewaktu pembangunan KLIA2, dia tidak ada *walkalator*. Dia tidak *walkalator*, jadi dia kena sediakan *buggy* lah. Itu saya bersetuju, sebab warga emas ini, dalam Dewan yang mulia ini sahaja, ramai warga emas ini. Ramai. Yang Berhormat Datuk Kadzim mungkin tidak. Saya ada enam siri. Ramai enam siri ini yang terpaksa menggunakan *buggy*. Akan tetapi oleh sebab saya jalan 18 lubang tidak ada masalah, jadi saya tidak pakai *buggy*. Akan tetapi, hendak jalan itu bukan dekat, kadang-kadang itu tercungap-cungap, mengah hendak sampai ke *gate* kita. Ini saya setuju dengan Yang Berhormat. Saya hendak celah tadi, tahu-tahu sudah *wabillahi taufik*. Saya hendak buat macam mana? *Sadaqallahul azim* awal sangat. Tiga minit Yang Berhormat cakap tadi.

Saya, pertama sekali, dari segi teknikalnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknikal, saya tengok caj-caj bagasi yang lebih berat kadang-kadang tidak masuk akal. Orang yang tahu mengenai kapal terbang ini, macam saya tahu fasal kapal terbang, walaupun saya bukan pernah berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja Malaysia seperti Yang Berbahagia Tan Sri yang mengetuai MAVCOM ini, saya tidak pernah berkhidmat dengan Tentera Udara ini, tetapi saya tahu masalah teknikal dari segi beratnya kapal terbang. Beratnya kapal terbang ini, dia termasuk minyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bulan pilot ya?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya bukan pilot. Saya pilot, tetapi bawa kereta. Tuan Yang di-Pertua, berat kapal terbang ini, ia termasuk minyak, termasuk beg, termasuk orang. Orang ini kita purata 100 paun mengikut berat Mat Salih tetapi kita ada yang kurang, kadang-kadang kita bawa anak, bawa cucu, mestilah beratnya kurang. Akan tetapi yang anehnya ialah katalah bagasi dibenarkan 20 kilogram untuk kita bawa barang 20 kilogram, *hand carry* 7 kilogram, dengan izin. *Hand carry*, bawa '*teng-teng*' di tangan 7 kilogram, tetapi dia sediakan timbang ikan itu di tepi pintu kita hendak masuk, dia suruh letak *hand carry* di situ.

Kalau *hand carry* kita ini melebihi 7 kilogram, bermakna 9 kilogram, kita sudah lebih dua kilogram. Padahal waktu kita *check in* tadi, bagasi kita yang dibenarkan 20 kilogram, mungkin kita bawa 15 kilogram tetapi kita beli 20 kilogram. Apabila kita bawa 15 kilogram, kalau kita hendak kontra balik, yang ini baru 7 kilogram, kita lebih dua kilogram, jadi baru 17 kilogram yang masuk. Akan tetapi, dia

tidak kira. Yang kita bawa kurang ini, kita bayar lebih, kita bayar 20 kilogram, kita bawa 15 kilogram, kita bawa kurang, tetapi yang kita bawa lebih 2 kilogram ini dia suruh kita bayar. Bayar pula dia punya *excess baggage*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, gila-gila punya caj. Ini yang kadang-kadang menjadi masalah. Macam mana dia boleh sesuka hati?

Saya teringat sewaktu saya berada di Juanda. Juanda ini bukan Janda Baik tetapi Juanda, Bandara, di Surabaya. Saya tengah duduk di bilik merokok. Bukan saya merokok, tetapi saya sahaja duduk di dalam bilik itu dengar orang bercerita. Ada orang Indonesia ini dia bercerita, dia bercerita fasal *AirAsia*. Dia kata *AirAsia* ini sudah kena saman di Australi- Australia lah itu. Dia kata kena saman.

Jadi saya ketawalah sebab dia kata harga tiket lain, bila hendak terbang lain, dia naik meningkat-meningkat. Saya ketawa dekat dia, “*Ya, benar pak, satu hari nanti bapak masuk pesawat, bapak mahu guna toilet pun bayar*”. Itu punya marah. Bererti, dia caj orang ini ikut suka dia. Macam kita pergi tidur di Tune Hotel kan, tetapi tidak kena mengenai dengan penerbangan, jadi saya cerita fasal kapal terbang sahaja. Hendak ambil kain selimut bayar, hendak ambil berus gigi bayar, semua bayar. Sehingga menjadi satu bahan ketawa orang ramai.

#### ■1610

Kenapa yang ini boleh berlaku? Kita bersyukur kerana ada MAVCOM sekarang dan MAVCOM kena lihat perkara-perkara ini. Janganlah bagi beban kepada rakyat kerana hendak naik kapal terbang, ‘*Everyone Can Fly*’, dengan izin. ‘*Everyone Can Fly*’ but everyone got to pay more. Dia naik sedikit demi sedikit Yang Berhormat. Dia tambah sini, dia tambah sana. Itu yang katanya sampai *toilet* pun, tandas pun nanti kita kena bayar. Ini tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya hendak bertanya juga kepada MAVCOM ini nanti, kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau kita masuk- kita ada *delay* penerbangan, bila *delay* dia pandai. Ini *trick* dia *trick*. *Trick* untuk tidak membayar memberi baucar makan kepada kita. Seperti Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim M. Yahya kena tadi sebab naik *business class* selamat. Apa yang dia tidak mahu umum berapa jam lagi, sebab dia dalam beberapa jam itu dia kena bagi makan kepada penumpang. Akan tetapi untuk mengelakkan dia daripada bayar kepada penumpang, jadi dia tidak bercerita. Dia tidak cerita. Dia tidak akan beritahu berapa jam lagi, dia tidak beritahu.

Dia *trick* kita. Ini lebih kuranglah hendak main silap matalah supaya- katakanlah saya tidak tahu berapa jam, saya hendak Yang Berhormat Menteri jawab yang ini. Berapa jam sebenarnya yang dia kena bayar *compensate* untuk kita dapat makan *free*, sehingga berapa jam dapat apa pula. Jangan-kadang-kadang masalah dia kita ini *delay*, bila kita *delay*, kawan kita tengah tunggu ataupun saudara kita atau pegawai yang tengah tunggu kita hendak menjemput kita di *airport* yang lagi satu tempat kita hendak pergi menuju. Tunggu, dia *parking* kereta, dia *park* kereta di situ. Selepas dia letak kereta, dia tunggu kita yang kita sepatutnya sampai pukul satu kata. Akan tetapi pukul tiga tidak sampai lagi, *parking* kena bayar, meningkat pula *parking*-nya. Ini dia tidak maklumkan dekat kita. Syarikat-syarikat penerbangan ini dia hendak mengelak daripada bayar *compensation* ini, dia tidak akan beritahu berapa jam lagi, berapa jam.

Saya pernah bertanya, oleh sebab dia tidak tahu hendak jawab, saya telefon ke HQ, ke Ibu Pejabat *Malaysia Airlines* dan dia beritahu saya, “*Oh, ini ada kapal terbang daripada Alor Setar yang hendak datang ke Kuala Lumpur bawa pesakit kerana ambulans lambat datang dan sebagainya, maka*



*kapal terbang itu ada delay sedikit dan sekian jam baru hendak bertolak*". Akan tetapi di Kuala Lumpur, petugas-petugas di situ tidak tahu. Tidak tahu masalah yang dihadapi dan kita duduk di situ menunggu. Semua orang saya tengok resah dan gelisah. Bila ini kapal terbang ini hendak bertolak? Pengalaman yang kedua. Pengalaman yang kedua, saya daripada *lounge business* ini, saya disuruh pergi ke *gate*. Saya masuk ke *gate*. Bila sampai di *gate*, saya tengok *radome*-nya dibuka. *Radome*-nya ini teknikalnya Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia, *radome* ini ialah hidung dia itu, hidung muncung itu. Dia dalam itu ada radar. So, dia panggil *radome*.

*Radome* ini dibuka, dibuka dia tengah servis *radome* itu. Kalau suruh saya naik, saya mampus tidak mahu naik. Dia hendak suruh kita naik kapal terbang yang dia buka *radome* itu. Kita tahu mengenai radar ini, dia cari kapal terbang tidak jumpa, dia langgar kapal terbang, kita yang jadi masalah. So *radome* ini dibuka, dia tengah *repair radome* itu dalam masa lebih sejam. Beg, bagasi-bagasi tengah diturunkan daripada pesawat.

Akan tetapi petugas-petugas tidak maklumkan kepada penumpang bahawa ada *delay* dalam kapal terbang itu. Tidak beritahu. Saya terus pergi kepada petugas. Saya tanya, apa yang jadi sekarang ini? Masalah apa sudah sejam lebih saya disuruh datang daripada *lounge*, saya tunggu kapal terbang sampai sekarang tidak maklum apa yang hendak berlaku. "*Oh, kita belum tahu lagi sebab belum dapat informasi*".

Saya kata, kebetulanlah masa itu Yang Berhormat Lim Kit Siang bersama dengan saya, di sebelah saya. Saya jadi panas daripada dia. Dia rupanya dia cuba hendak menyejukkan hati saya. Saya berkata, "*You jangan bohong saya. Radome* buka, bagasi diturunkan, *takkan you* tidak tahu bahawa kita hendak tukar *gate*". Bermakna bagasi ini akan masuk ke pesawat yang lain. Bererti kita kena pindah ke tempat lain. Tolong maklumkan sebab saya ada orang tengah tunggu saya di Pulau Pinang hendak menjemput saya. *You duk* bohong dekat orang kenapa? Penumpang-penumpang selalunya dibohongi.

Ini kita serah kepada kementerian dan juga MAVCOM untuk melihat perkara-perkara ini. Ini semua berlaku Tuan Yang di-Pertua. Sehingga sekarang, semua orang tahu *AirAsia* atau *Malaysia Airlines*, hingga sampai orang kata semua sudah tukar ke MAHB. Dahulu kalau kita kata saya hendak beli tiket, "*Sekejap Encik kita punya sistem down*". Saya kata sistem apa? Dia kata, "*Sistem kita inilah*". Sistem apa? *Malaysia Airlines is known to be*, "MAS- Mana Ada Sistem." Itu semua orang tahu. *Malaysia Airlines*- dia mana ada sistem.

Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab kerugian yang berlaku. Kenapa? Salah satu daripadanya saya hendak maklumkan di sini, saya hendak Yang Berhormat Menteri, saya hendak kementerian, saya hendak MAVCOM tahu perkara-perkara yang berlaku ini. Ini semua pengalaman-pengalaman. *Malaysia Airlines* dia mempunyai- saya pernah sebut dalam Dewan yang mulia, dia mempunyai vendor-vendornya, *travel agent* yang besar-besar ini. *Travel agent* yang besar-besar ini dia ada bayar deposit untuk stok tiketnya, stok tiket kapal terbang.

Jadi, yang besar-besar ini dia simpan tiket stok ini. Dia simpan tiket, penumpang belum ada lagi. *Passenger* dia belum ada, dia punya *customer* belum ada tetapi dia ada *ticket stock*. Apa dia buat, nyamuk-nyamuk yang tidak ada, *travel agent* yang nyamuk-nyamuk ini yang tidak ada tiket, yang tidak boleh simpan *ticket stock* sebab tidak ada deposit dengan MAS, nyamuk-nyamuk, syarikat nyamuk ini

akan beli tiket daripada dia. Misalan dia dapat 5 *percent*. Syarikat ini ambil 5 *percent*, dia ambil 3 *percent*, dia bagi dekat nyamuk dua *percent*. Contohnya, 2 *percent* ataupun 8 *percent* macam itu- 3 *percent*, 5 *percent*, dia kongsi tetapi dia ambil lebih, dia pergi kepada nyamuk-nyamuk ini sebab nyamuk ini tidak boleh simpan *ticket stock*. Jadi beli daripada dia.

Malaysia Airlines bagi kepada syarikat gergasi ini untuk *ticket stock* ini untuk satu tarikh, *cut-off time*. Seminggu sebelum penerbangan umpamanya. Jadi bila kita telefon kita hendak beli daripada MAS ataupun *online*, tiket penuh, pesawat penuh. Bila dia sudah sampai *cut-off time* dia tidak boleh jual tiket itu, nyamuk tidak beli, *passenger* tidak datang, maka dia akan beri balik kepada MAS. Bila dia beri balik kepada MAS, inilah punca tiket tidak laku. Bila tiket tidak laku, kapal terbang hendak terbang, orang tidak ada dalam. Bila kita masuk, "Hai, telefon baru ini penuh". Akan tetapi, sebenarnya tidak ada penumpang sebab dia simpan *ticket stock*. Itu masalahnya. Itu di antara sebab.

Saya pernah ada di Kunming. Sampai di *airport* hendak terbang pukul satu, pukul 11 sudah sampai di *airport*. *Manager* Kunming panggil saya, "Dato' mintak maaf, flight kita cancel hari ini". Saya kata, "Fasal apa you cancel? Habis saya hendak balik macam mana sebab saya ada hal". "Dato' kena tunggu pukul 4 nanti ada kapal terbang daripada Thailand- TG Thailand, bawa Dato' balik ke Bangkok, daripada Bangkok kita akan hantar dengan MAS balik ke Kuala Lumpur". Saya kata, "saya pukul satu, kenapa you tidak telefon beritahu saya?" Tadi saya dengar dari rakan-rakan cerita fasal telefon hendak beritahu *delay*, semua tidak beritahu. *Cancel* kapal terbang pun tidak beritahu. Saya kata, "Apa sebab you cancel?" Sebab *incoming* ada 16 *passengers* sahaja. Kapal terbang 777, bawa penumpang 16 orang. Jadi dia *cancel* kapal terbang, *flight*, kita yang hendak balik ini jadi mangsa. Pukul 4 naik kapal terbang sampailah ke Bangkok, daripada Bangkok kena tunggu MAS pula untuk bawa balik ke Kuala Lumpur pukul 11 malam. Sampai Kuala Lumpur dalam pukul 1 pagi.

#### ■1620

Daripada 11 pagi, sampai satu pagi baru sampai ke Kuala Lumpur. Ini macam kita pergi New York, patah balik. Jadi, ini berlaku, yang ini semua kita kena ambil perhatian. Ini perkara-perkara yang seperti ini, lepas itu rugi, rugi, rugi. Akan tetapi hari ini saya tengok dalam surat khabar, ada MAS sudah mula dapat keuntungan dengan- mungkin dengan pengurusan yang baru ini. Jadi, *alhamdulillah* lah, nampak macam ada sedikit...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Lagi empat. Okey lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pasal yang bercakap ini Dato' Sri Presiden Senator. Jadi, saya bukan saya hendak menambah api tapi macam itulah lebih kurang. Sebenarnya, sebab benda ini benda yang melibatkan semua orang. Saya dengar dengan teliti Yang Berhormat Senator Dato' Sri punya pengalaman. Saya setuju bila ada MAVCOM ini sebab kita hendak ada satu *authority*.

Adakah Yang Berhormat Senator Dato' Sri bersetuju, kita hendak ada satu *authority* supaya tidak sewenang-wenangnya perkara yang begitu mudah ini dibuat? Saya bagi satu contoh, pegawai saya, ada di luar Dewan. Balik daripada *Ho Chi Minh City* dengan *Malindo*. Anak tiga orang, kecil-kecil

perempuan. Sampai di *airport*, beritahu *re-time* pukul lagi empat jam. Habis empat jam, sudah masuk *at gate*, *re-time* sampai satu pagi- 12 jam *re-time*.

Apa yang menjadi persoalan saya, satu Dato' Sri. Adakah Dato' Sri bersetuju. Kalau daripada 'X' Kuala Lumpur, *fine*. 'X' Kuala Lumpur ini kita faham. Ini berlaku pada saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Waktu mendiang isteri kepada Tan Sri Koh Tsu Koon meninggal di Pulau Pinang, mendiang Puan Sri. Waktu itu di SUKMA Sarawak. Saya hendak pergi ke Pulau Pinang. Saya tanya berapa lama *flight delay*, dia kata satu jam. Menjadi persoalan kalau 'X' luar daripada Kuala Lumpur, tidak akan pesawat ini syarikat penerbangan tidak tahu sama ada- *we will buy*, dengan izin. Kita akan terima apa sahaja pegawai cakap.

Oleh sebab kita tidak boleh tengok pesawat itu sudah sampai mana. Akan tetapi menjadi persoalan adakah Dato' Sri bersetuju, kadang-kadang ada perkara yang tidak mustahil- yang mustahil, tidak akan *you doesn't know that the aircraft*, dengan izin, belum lagi *depart* dari Kuala Lumpur pun. Sedangkan Kuala Lumpur ke Kuching, sejam 40 minit atau sejam 30 minit. Kalau *you* kata lagi sejam dan sejam tidak sampai, tidak akan *aircraft* itu *went missing half way*.

Bermaksud, mesti *aircraft* bila dia kata sejam. Dua jam *aircraft* tidak sampai, bermaksud masa saya tanya, *aircraft* itu belum *depart* pun lagi daripada Kuala Lumpur. Oleh sebab *it takes one and a half hours* untuk sampai ke Kuching. Saya hendak minta- adakah Dato' Sri bersetuju atau tidak, janganlah bodoh-bodohkan kita. *You tell the truth*. Oleh sebab masa yang sama, ada satu penerbangan *AirAsia* boleh balik ke Kuala Lumpur. *That means, instead of traveling* daripada Kuching-Penang, saya boleh balik ke Kuala Lumpur dulu, *then* ambil *connecting* ke Pulau Pinang. Akan tetapi kerana termakan cakap, "Sejam lagi Datuk, pesawat akan sampai." *I missed the flight*. Jadi, adakah Dato' Sri bersetuju *that sometimes* pegawai-pegawai ini, dengan izin, bodohkan kita macam kita budak yang tidak pergi sekolah. Jadi, apa pandangan Dato' Sri?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya bersetuju sangat-sangat Yang Berhormat Senator Datuk Megat. Saya bersetuju sangat-sangat. Kita ini diperbodohkan, padahal kita cerdik. Bila kita mengamuk, orang hairan. Itu Yang Berhormat Lim Kit Siang cuba hendak sejukkan saya. Oleh sebab saya tidak peduli, saya mengamuk, saya akan mengamuk. Asalkan perkara itu saya betul. Saya akan jerit, saya akan marah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang Yang Berhormat Senator Datuk Megat kata, benar. Sekarang kita ada MAVCOM dan kita mintalah MAVCOM kalau boleh melihat perkara-perkara ini. Oleh kerana dari segi *delay* ini, diperbodohkan ini, banyak sangat dan banyak yang berbahas hari ini semua bercerita soal-soal diperbodohkan ini. Pada hal dia lupa, daripada 150 orang yang hendak naik pesawat pada hari itu. Katakanlah ada yang bodoh, tidak akanlah bodoh semua. Mestilah ada cerdik pandai, mestilah ada *pilot* yang bawa kapal terbang, bukan sahaja bawa kereta, dalam kapal terbang yang jadi penumpang ataupun *engineer* yang tahu teknikal. Ini tidak boleh kita terima benda-benda ini. Yang Berhormat Senator Datuk Megat, saya bersetuju sangat dan syukur kita kerana ada MAVCOM.

Lagi satu, ada pesawat terlampau hendak tunjuk, hendak lari daripada *delay* ini, apa dia buat? Dia isi minyak dan dia naikkan penumpang. *Nauzubillahiminzalik*. Misalnyalah, katakanlah kita 'dok' *viral* yang isi minyak kereta, lepas itu pakai *handphone*, 'boom' meletup, terbakar satu kereta. Katakanlah perkara ini berlaku kepada kapal terbang. Minyaknya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua,

minyaknya *highly inflammable*, bererti mudah terbakar. Penumpang tengah naik, minyak 'dok' isi sebab hendak *save time* sebab dia punya *turnaround* itu, dengan izin. Dengan *turnaround* ini- teknikal ini kena banyak cakap bahasa Inggeris. Jadi, bukan Pulau Pinang Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah- bukan bahasa Pulau Pinang. Ini kerana teknikal kena banyak bahasa Inggeris.

Jadi, *turnaround time* nya itu kita perlu hendak dipercepatkan, jadi di suruhnya *passenger* naik. Penumpang masuk, minyak tengah *dok* isi, lepas itu dia cakap jangan pakai tali keledar sebab takut terbakar, hendak lari keluar, hendak buka tali pinggang, hendak lari tidak sempat. Dia tidak tahu pintu itu satu sahaja. Lebih kurang macam mahaad tahfiz itulah. Kalau pintu satu, hendak lari macam mana? Mulalah berpelukan mati, hangus. Oleh sebab hendak keluar dari pintu kapal terbang satu ketika itu, macam mana orang hendak lari apabila terbakar dan boleh meletup.

Kapal terbang ini, minyak nya bukan setakat terbakar, boleh meletup. Kereta ini kalau terbakar, ia meletup tayar dahulu, empat tayar dahulu, 'daboom-daboom' empat kali bunyi sebab tayar dia empat. Akan tetapi kalau kapal terbang, meletup satu kapal terbang. Mana boleh kita izinkan benda ini berlaku. Yang ini saya pun hairan. Sepatutnya DCA kita ini ia mengikut peraturan CAA, *British law*. Kenapa ia melanggar, ia boleh dibenarkan untuk isi minyak sewaktu penumpang hendak masuk kapal terbang? Ini kita kena beri perhatian. Tidak boleh, ini tidak boleh berlaku dan tidak dibenarkan. Boleh *check* dengan ICAO punlah sebab ada tempat yang kita kata ia boleh- ia setengah- Panama punya *register*- kah, dia benarkan. Panama punya *register* pesawat ini boleh tetapi kalau CAA saya yakin tidak boleh. CAA ini satu undang-undang yang cukup *strict*. Kalau kita hendak tahu, cukup *strict*.

Jadi, bolehlah kita bagi perhatian sedikit untuk kita jangan menggadai. *Safety is no compromise*, dengan izin, pasal itu saya kadang-kadang saya di *airport* kita ini, kadang-kadang dia suruh buka tali pinggang sampai terlondeh seluar. Saya buka jugalah. Saya buka juga tali pinggang tapi kita peganglah seluar berjalan. Kita pakai tali pinggang ini sebab seluar kita longgar sebab kita diet hendak kuruskan badan, hendak kempiskan perut. Sudah berumur ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu nampak boroi. So, kita cuba kurangkan makan. Macam Tuan Yang di-Pertua, *handsome* tidak nampak perut. Makan masuk ikut mana, saya pun tidak tahu [*Ketawa*]

Saya memang makan masuk perut tapi boroi. Hendak kurangkan boroi itu tapi bila kita masuk, dia suruh buka tali pinggang. Saya tanya kenapa, kenapa *you* suruh saya buka tali pinggang? Saya kata dekat dia, kalau *you* suruh buka tali pinggang, saya tidak faham pasal apa *you* suruh buka. Dia kata sebab ada orang seludup pisau dalam tali pinggang, masuk dalam pesawat. Saya kata, berapa besar pisau yang dia seludup? Dia kata kecil, kecil besar hendak jahit guni bawang itu. Pisau yang besar jahit guna bawang itu di seludup masuk. Saya kata, *you* pernah naik kapal terbang, mari ikut saya. Duduk *Business Class*, pisau dia bagi, garpu dia bagi, sudu dia bagi. Tidak payah pakai pisau, saya pakai garpu, saya jolok mata, jadi Kasim Selamat [*Ketawa*]

#### ■1630

Pakai garpu sahaja saya jolok, Kasim Selamat. Apa *dok* cerita fasal pisau? Dia tak pernah naik kapal terbang *kot* atau dia duduk Kelas Ekonomi. Kalau saya hendak rampas kapal terbang saya duduk *Business Class*, *First Class*. Saya dapat pisau, saya rompak kapal terbang dengan *stewardess* sekali, kita hendak bercerita.

**Seorang Ahli:** Ini dalam *Hansard*, isteri tengok ini.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tak apa isteri tengok, anak cucu tengok pun okey sebab saya cerita benda yang logik. Jangan sampai terlondeh.

Kedua, saya tegur sebab bila isteri saya pun pakai tali pinggang, isteri saya pun diet juga. Diet juga... *[Disampuk]* Hendak bagi pinggang ramping... *[Dewan riuh]* Jadi isteri saya pun diet juga. Dia suruh buka tali pinggang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, isteri yang pertama?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Pertama. *One and only* Tuan Yang di-Pertua, tapi *one-zero-three*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, dia suruh buka. Bila dia suruh buka, orang perempuan yang buka, orang Islam, kalau hendak buka tali pinggang terpaksa selak baju. Kalau selak baju nampak aurat, aurat suami tanggung bukan isteri, suami. Butanya suami terjun dalam api neraka, yang buat salah siapa MAB, sepatutnya MAB masuk neraka...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Itu baru betul, ini kita pula yang kena. Jadi kenalah, saya kata butalah satu tempat untuk isteri-isteri kita ini masuk buka tali pinggang. Apa salahnya ataupun saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar, Ahli Parlimen Kinabatangan. Dia kata beli mesin yang canggih pakai tali pinggang apa pun boleh kita *detect*.

Apa ini, buat beli kapal terbang mahal-mahal, buat *airport* mahal-mahal tetapi mesin semua kena londeh. Apa benda ini sampai dompet pun kena letak, tak masuk akal langsung. Siapa yang menipu kita fasal 9/11 Amerika menipu dan kita semua takut. Yang kita sampai jadi takut sampai kita menyeksa penumpang-penumpang ini kenapa? So, ini juga perlu diberi perhatian, perlu diberi perubahan supaya kita tidak lagi dibohongi satu penipuan yang cukup dahsyat.

Saya sampai hairan kenapa sampai macam itu sekali. Akan tetapi bila kadang-kadang lawatan luar negara kita adalah keistimewaan sedikit lalu, tak kenalah mesin Kastam itu tetapi dalam kena juga, itu yang saya persoalkan, di dalam itu. Tuan Yang di-Pertua, kemudian MAVCOM juga kena melihat kita punya CIQ ini atau *Custom Immigration and Quarantine*. Dulu kita hanya dengar di KLIA2, KLIA2 ini keluar sahaja daripada kapal terbang sangkut dekat imigresen. Keluar daripada imigresen sangkut pula dekat Kastam sampai kadang-kadang orang yang masuk imigresen ini tak boleh hendak cop passport dia ataupun tak boleh hendak masukkan passport dia sebab *queue* panjang hendak lepas Kastam itu.

Kadang-kadang Kastam buka satu kaunter, semua beg dia hendak cek. Bila kita balik ke dalam negara kita, kita janganlah dianggap sebagai pendatang. Jangan dianggap sebagai PATI, jangan dianggap sebagai *alien*. Sewaktu saya datang ke LA contohnya, saya datang ke LA masa hendak cop passport ini dia suruh saya duduk sebelah. *American, American, American!* Dia panggil orang Amerika sahaja. Dia tak kira warna apa janji Amerika masuk, masuk dulu. Sudah *clear* rakyat Amerika baru dia kata okey *now you alien*. *Alien*, dia panggil saya. "*Okay, now you alien*". Benar, tanya siapa yang ada pengalaman pergi nah *alien*, baru dia suruh masuk.

Baru-baru ini saya pergi saya hendak elak daripada jadi *alien* saya pergi melalui Abu Dhabi, saya naik *Etihad*, saya melalui Abu Dhabi. Abu Dhabi ada imigresen Amerika di situ, dia cop passport kita, kita naik kapal terbang *Etihad* sampai di Washington kita jadi domestik. Angkat beg jalan keluar, *alien* tak, apa pun tak. Lagi satu yang dia benarkan daripada Kanada. Pengalamanlah, pengalaman.

Daripada Montreal kalau kita naik, dia cop pasport di situ, kita masuk ke Amerika kita jadi penumpang domestik. Kita di Malaysia ini sekarang mesin pasport kita ini apa dia panggil *auto gate*. *Auto gate* sekarang ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tak percaya pergilah lihat. *Auto gate* ini *queue* lebih panjang daripada *alien* hendak cop pasport. *Alien* yang datang ke Malaysia hendak cop pasport ini lagi ramai.

Dulu pasport letak di atas mesin, sekarang pasport kena jolok masuk dalam mesin, itu yang menjadi masalah. Jadi dia punya *queue* itu punyalah panjang saya tanya dengan hamlau yang jaga itu, minta maaf saya guna bahasa ini, yang jaga itu. Saya kata “*Dik, kenapa ini dik?*” Kebetulan imigrasinya perempuan, cewek. “*Dik, kenapa panjang macam ini dik?*” “*Well, everyone can fly.*” Punya kurang ajar dia jawab dekat saya, *everyone can fly...*

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato’ Sri Khairudin Samad:** Saya bukan ada dekat KLIA2. Saya ada dekat KLIA, bukan KLIA2. Kalau KLIA2 betul, yang itu ada *everyone can fly*. Sini mana ada *everyone can fly*. Sini kapal terbang hebat-hebat. Malaysia Airline, KLM, Qatar betul, Qantas. Mana ada *everyone can fly* sini? *Everyone can fly* sana, yang kena tipu. Tuan Yang di-Pertua, ini semua kena buat pembetulan sebab banyak sangat kita melihat perkara-perkara yang seperti ini. Kastam hendak kena beratur, susahkan orang yang hendak datang ke negara kita dan susahkan rakyat kita hendak balik ke negara sendiri.

Kita sudahlah *parking* ini satu hal, bila sampai di *airport* saya tengok yang *park* sampai ke Petronas itu, sampai ke Petronas, punyalah orang nak masuk tak boleh lepas itu bila keluar telefon sebab kalau dia masuk dia kena halau, dia kena saman. Jadi, dia tunggu di luar, penuh di luar ini *parking*. Ini pun kena atasi masalah-masalah ini. Kita tak boleh bagi orang marah bukan-bukan. Bila ada kemarahan rakyat dia bukan peduli pegawai kah, “*Ini Najib lah ini*”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekali, apa sahaja kesalahan “*Ini Najib lah ini*”, “*Ini Barisan Nasional ini*”.

Yang baik tidak, yang jahat sahaja, tak boleh kita jangan. Kita kena atasi ini, saya minta tolong dan minta kerjasama pegawai-pegawai bantu kita sebab kita pun jaga pegawai-pegawai, bantu kita dalam soal-soal ini supaya orang tak persalahkan kita semua. Jadi saya Ahli Barisan Nasional pun saya pun rasa terkilan juga fasal apa ini tak ada kena mengena. Bila kita duduk *queue* hendak beli tiket ini Tuan Yang di-Pertua, *queue* hendak beli tiket ini sistem *down*, sistem *down*. Mana ada sistem? Sistem *down*, mana ada sistem? Bila kita dok *queue* itu, ini apa fasal? Pegawai yang jual tiket pegawai MAS, “*Ini apa fasal ini?*” “*Pergi tanya Dato’ Sri Mohd. Najib lah*”. Apa kena mengena ini? Kalau dia kata *pi* tanya Dato’ Sri Liow Tiong Lai saya percayalah fasal Dato’ Sri Mohd. Najib sudah lantik Dato’ Sri Liow Tiong Lai jadi Menteri Pengangkutan atau pergi tanya pada Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi.

Kita telefon suruh dia jawab, beliau kena jawab, contohnya lah, baru ada kaitan. Kalau semua Dato’ Sri Mohd. Najib, kesian hamba Allah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya bersetujulah dengan rakan-rakan. Tetapi macam Dato’ Profesor sebut tadi kita jangan kata benda ini ditangguhkan. Kalau kita minta supaya ianya dimansuhkan, dikeluarkan atau diletakkan di tempat lain untuk bayar kita jangan kata kita tangguh dulu. Bila tangguh dulu pemikiran rakyat ini selepas pilihan raya baru hendak caj, ini satu.

Jadi kita boleh minta supaya kementerian lihat kembali, bincang dengan MAVCOM di mana hendak cari seringgit ini, di mana hendak cari? Seringgit ini kalau 50 pegawai sekarang bertugas, 50

pegawai dalam taklimat yang kami dengar hari itu. *Collection*, kutipan minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kutipan RM80 juta.

■1640

Sepuluh RM40 juta. Hendak pakai RM36 juta. Kalau tidak salah saya, saya masih ingat hendak pakai RM36 juta untuk hendak kendalikan MAVCOM ini. RM36 juta, 50 orang bekerja dengan pejabat, dengan terbang 'pi' balik apa semua, saya rasa terlalu besar. RM36 juta ini melainkan gaji seorang sejuta lah ataupun RM800,000, fasal 50 orang.

Jadi yang ini kalau kita hendak kata kepada rakyat, kita hendak kutip daripada rakyat seringgit untuk dapat RM40 juta itu, pun jadi masalah. Kita tak boleh- kita cari jalan dengan- kita setuju dengan rang undang-undang ini tetapi kita letak seringgit itu dekat mana-mana. Tak payah sama ada kita hendak suruh *airlines* bayar kah, syarikat-syarikat penerbangan ini bayar dan tidak payah kita cerita kepada rakyat yang kita hendak ambil daripada rakyat seringgit ini. Ini yang akan menjadi masalah kepada kita. Hendak jawab esok ini jadi masalah sebab mungkin daripada *license* yang kita kenakan dan sebagainya. Kita boleh ambil daripada situ dan kita boleh cari dari mana, apa *source* sekalipun.

Akan tetapi yang menghairankan saya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pilihan Raya- suruhanjaya-suruhanjaya ini tidak ada kutip duit pun? Tangkap orang, kutip duit. SPRM tangkap orang rasuah, kutip duit untuk hendak biaya dia punya kos. Tidak ada pun kan? Fasal apa Suruhanjaya Penerbangan ini dia tidak ada duit? Dia hendak kena kutip pula daripada orang? Kalau hendak wujudkan satu suruhanjaya, kita sepatutnya kita kena bersedialah untuk bagi kepada dia satu peruntukan setiap tahun untuk dia ini, sebab bagus, benda ini bagus.

Kalau hendak lihat dari segi penubuhan, saya rasa cukup baik. Cukup baik kerana sudah ada satu *monitoring system*-benda yang boleh monitor apa yang sedang berlaku oleh bukan sahaja syarikat penerbangan- saya rasa mereka juga terlibat dengan Malaysia Airport Berhad kerana Malaysia Airport Berhad ini untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Malaysia Airport Berhad ini, dia caj penyewaan ini terlalu tinggi. Dua bulan, tiga bulan sekali *company* lain masuk, melainkan yang hebat-hebat yang Eraman yang besar-besar ini, dia okey, yang coklat-coklat, arak dan rokok ini. Dia di situ kekal lama. Akan tetapi yang lain ini sekejap buka sekejap tutup. Sekejap buka sekejap tutup sebab caj sewa terlalu mahal.

Kalau kita datang ke Kuala Lumpur pukul 12 malam di KLIA ini, sudah *curfew*. *Curfew* sebab tidak ada apa dah. Tutup habis semua kedai-kedai ini. Gelap gelita. Jadi apa faedahnya kalau kita bercakap fasal *Open Skies Policy*? Kita hendak banyak pesawat masuk, sepatutnya ia berjalan 24 jam. Ini macam sudah lengang. Sudah tidak ada. Lepas itu kita pula keluar-keluar ada pula yang celoreng-celoreng ini, tentera jaga pula dekat *airport*. Jadi orang lagi panik "Eh aku ini di Karachi kah atau di Kuala Lumpur?" Bukan? Sebab ada tentera pula jaga di luar. Ia telah pun mendatangkan satu persepsi yang tidak baik kepada pelancong-pelancong bila kita letak tentera duduk di situ. Ya, sudah tentulah sebab ada ancaman daripada Daesh dan sebagainya. Akan tetapi adakah kita perlu letak di situ sebab kita bukan negara yang *Martial Law*. Jadi yang ini pun saya rasa memberikan persepsi yang tidak baik kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita sebab kita mempunyai tentera-tentera yang jaga di *airport*.

Kemudian seterusnya *ticket sale*. Tadi ada yang sebut kata di *airport*, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak ada lagi kaunter-kaunter melainkan di KLIA lah. Itu pun di-*outsource* kepada syarikat lain untuk jual tiket kapal terbang MAS. Ini apa hendak jadi? Kalau kita ada di *airport* lain, kita boleh beli tapi beli di kaunter *Firefly*. Berapa orang yang tahu hendak naik MAS pergi beli ini?

Saya tidak faham sebab daripada dulu saya '*dok*' tegur Mueller ni, Mueller- mula-mula dulu masa Mueller datang mula-mula "Oh tutup ini, buat itu, buat ini." Akibatnya sekarang ini kita tengok, hendak beli tiket tidak ada. *Airport* tidak jual dah tiket MAS. Hendak naik MAS kena pergi beli dekat *Firefly*, itu pun kalau orang tahu. Kalau orang tidak tahu? Yang tutup kaunter tiket untuk hendak jual tiket kapal terbang- tiket bas pun ada kaunter! Tiket kapal terbang bukan murah, mahal. Itu pun tidak ada kaunter sekarang. Ini juga menjadi masalah. Saya ingat kita lihat semula dan kita bangunkan balik daripada tidak ada langsung. Malu dekat orang. Oleh sebab kita hendak kurangkan pekerja, itu kah cara yang kita buat?

Hendak atasi satu-satu masalah bukan dengan buang orang. Tidak. Tidak selesaikan masalah. Sekarang ini jadi lagi banyak masalah. Orang hendak beli tiket susah, orang hendak naik kapal terbang, susah. So orang pilih kapal terbang lain kerana kapal terbang pun dah banyak. Di Kota Bharu sahaja 50 lebih sehari. Kota Bharu siapa yang boleh fikir kata Kota Bharu ada 50 lebih? Saya pun terkejut tadi bila dengar Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim kata 50 lebih. Kalau Raya, 80. Kalau hendak menyambut Hari Raya. Saya pun terperanjat.

Lepas itu pukul 11.05 sampai tiga pesawat hendak terbang. Itu yang saya tanya landasan berapa banyak? Dia sepatutnya DCA kah, siapa kah kena kontrol daripada segi- Jabatan Penerbangan Awam ini kena kontrol daripada segi *timing*. Kalau tidak, ia menjadi satu saingan. Bila jadi satu saingan orang pilih yang murah. Pilih yang murah lepas itu kena tipu, *delay*. Ini yang menjadi masalah sekarang ini. So kita kena lihat ini semua supaya kita tidak menjadi masalah kepada rakyat pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup panjang lebar dah tu sebab saya tahu ada lagi yang hendak berucap selepas ini hendak membahaskan. Saya tadi memang diminta untuk nyanyi lagu Broery, nyanyi lagu Bob Tutipoly- semualah penyanyi-penyanyi lama P. Ramlee supaya ia panjang sedikit, supaya kita dapat selesaikan urusan kita pada hari ini. Sekian, terima kasih banyak-banyak kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun memberi peluang kepada saya. Saya turut menyokong rang undang-undang ini dengan sedikit sebanyak yang telah saya sebut tadi. Kalau boleh kita lihat semula dan buat sedikit sebanyak pilihan. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, kita punya Pengerusi Presiden. Saya beri peluang beliau berucap tadi 43 minit. Hampir-hampir 50 sebab bagus bahan yang dia bawa tadi. Baik. Oleh sebab bahan yang dia bawa itu baik untuk kita semua kan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada senang, dia dengar, kita tahu untuk kepentingan rakyat ya.

Jadi sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.



**4.47 ptg.**

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada sampai 43 minit. Saya empat minit, tiga saat sahaja [*Ketawa*]

Pertamanya terima kasih dan penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan di pembentangan suatu rang undang-undang bagi meminda Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa dua tiga soalan untuk tanya kepada kementerian. Pertamanya, apakah hak di sisi perundangan apabila *AirAsia* mengenakan caj RM3 kepada setiap penumpang *AirAsia* di KLIA2 sedangkan tidak ada caj dikenakan oleh syarikat penerbangan lain yang beroperasi di KLIA2? Apakah keistimewaan *AirAsia* ini di KLIA2?

Seterusnya saya hendak tanya kepada kementerian, apakah perancangan kerajaan dan langkah-langkah yang kementerian akan ambil bagi mengatasi masalah laluan udara yang tidak lagi dioperasikan oleh penerbangan *MASwings* pada tahun 2018 di Sabah dan Sarawak?

**■1650**

Berapakah jumlah subsidi dari kerajaan untuk laluan udara di Sabah dan Sarawak pada tahun 2018? Seterusnya, bagaimanakah kerajaan dapat memperkemas tahap keselamatan dan integriti dalam pengendalian bagasi di seluruh lapangan terbang domestik? Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mewajibkan setiap syarikat penerbangan memberi jadual kadar caj kendalian bagasi dipamerkan pada laman portal syarikat penerbangan tersebut? Seterusnya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pihak kementerian membuat kajian ke atas implikasi dan kesan kepada kos tiket penumpang atau bantahan awam ekoran kenaikan caj ini dilaksanakan?

Jadi, saya setakat itulah dua soalan, tiga soalan yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, kepada kementerian. Cuma satu lagi yang saya mohon kepada pihak kementerian melalui agensi-agensy yang berkaitan, kita latihlah kita punya *frontliners* ini untuk memberi perkhidmatan yang baik, mesra rakyat, berbudi bahasa kepada rakyat Malaysia dan juga pelancong.

Ini kerana kebanyakan saya pun pernah terkena apabila budi bahasa mereka begitu tidak baik, padahal kita sendiri telah menanggung masalah dengan kerenah-kerenah di lapangan terbang. Saya percaya kita punya prasarana yang baik tetapi kadang-kadang kita tidak memiliki budi bahasa petugas-petugas yang setaraf dengan prasarana yang ada. Jadi, itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal. Dalam senarai saya ini ada hampir 14 orang Ahli Yang Berhormat yang berucap. Banyak isu yang ditimbulkan dengan baik untuk dijawab oleh kita punya Menteri iaitu bak kata orang tua, kita cakap perkara depan ya. Senang, nanti hendak jawab, senang.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Sila.

**4.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim yang bertanyakan kepada kerajaan tentang membuat *capping* ataupun meletakkan harga syiling kepada harga-harga tiket penerbangan yang dikatakan tidak menentu turun naiknya. Persoalan ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan hanya meletakkan *capping* bagi perkhidmatan udara luar bandar bagi tujuan mengurangkan beban rakyat di kawasan luar bandar, khususnya Sabah dan Sarawak. Buat masa ini, bagi laluan udara komersial, syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan berkenaan diberikan kebebasan untuk menentukan liputan rangkaian, kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Walau bagaimanapun, setelah mendapat saranan-saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kegelisahan harga tiket kapal terbang yang naik, khususnya waktu perayaan. Atas saranan ini pihak MAVCOM sedang meneliti dan mengkaji semula mengenai harga yang tinggi ini. Kita jangkakan pihak MAVCOM akan dapat memutuskan sesuatu penyelesaian ini menjelang pertengahan tahun 2018. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah juga membangkitkan perkara jadual...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit ya? Tuan Yang di-Pertua, *sorry* ya. Tadi saya bangkitkan soal harga dan Yang Berhormat Menteri beritahu kajian ini akan diputuskan pada pertengahan 2018. Cuma saya hendak cadangkan supaya- pilihan raya mungkin dijangka akhir bulan Mac atau awal April. Kalau boleh awal sikit, bulan dua atau bulan tiga supaya memberi *mileage* kepada kita parti Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Datuk Abdullah, saya akan ambil perhatian dan akan berbincang dengan pihak MAVCOM untuk dipercepatkan rumusan penelitian dan kajian untuk memberi satu penyelesaian secara *total* atas isu ini sebelum bulan April. Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai agar pihak MAVCOM kawal jadual penerbangan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jadual penerbangan ini ditentukan oleh syarikat penerbangan masing-masing mengikut jaringan. Keseluruhan penerbangan mengambil kira faktor komersial. Oleh sebab seperti Yang Berhormat ada menyebut, *Malindo* terbang pukul 11 dan *Firefly* pukul 11.05. Ini kita kena memahami apa yang dipanggil *peak hours*. Ia macam kita kalau pagi-pagi memang *highway jammed*, ia sama jugalah. Kapal terbang pun ada *peak hours* nya. Jadi, masing-masing berebut hendak waktu yang sama kerana di situ *load factor* yang tinggi.

Jadi, kita kena sedia maklum bahawa penerbangan komersial ini adalah untuk mendapatkan keuntungan. Jadi, kalau ia diarah terbang lewat satu jam, maka silap-silap *passenger* itu lebih baik dia naik pengangkutan lain. Mungkin dia naik kereta api ataupun naik teksi ataupun kenderaan sendiri kerana dia hendak sampai mungkin waktu pagi. Jadi, itu yang saya katakan jadual ini bergantung kepada keputusan komersial syarikat penerbangan. Tidak ada faktor untuk, kata orang itu, hendak membunuh syarikat-syarikat lain. Begitu juga macam kalau kita tengok bas ekspres. Kadang-kadang memang ia bergerak lebih kurang waktu yang sama kerana *load factor*. Seterusnya, mengenai...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, tidak, bila kita sebut waktu yang sama itu dari segi logiknya tidak masuk akal. Lebih baik kita bagi 10 minit kemudian. Oleh sebab ia hendak *taxi* keluar itu pun makan masa. Jadi, kalau ia hendak *queue* keluar tetapi kalau kita letak 11.05, yang ini 11.05, yang itu tidak masuk akal. Saya faham apa Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah kata tadi. Kalau 11.15 okeylah. Kita kata *time* itu *peak*.

■1700

Akan tetapi, tidak semestinya, kerana tidak masuk akal kapal terbang bergerak bersama-11.05. Itu kalau dari segi pemikiran penumpang. Macam mana dua-dua sama dan lepas itu harga pula nanti yang ini murah, yang ini- jadi, orang berebut-rebut fasal harga juga. Jadi kalau boleh, kita awalkan sedikit atau lewatkan sedikit macam itu untuk tidak menunjukkan yang dua ini- macam mana DCA boleh luluskan kedua-duanya sekali terbang 11.05? Walaupun kita tahu dia *taxi*, dia nak *queue* tetapi kalau kita hendak jual tiket itu, hendak sebut 11.05 dua-dua, tidak masuk akal. So, kita tidak hendak nampak macam kita ini membohongi rakyat. Itu maksudnya. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit ya. Saya bangkit ini fasal saya dua kali sudah kena. Dua kali sudah kena. Kalau dia terbang masa yang sama- kalau bas bertolak pukul 10 malam, memang dia bertolak walaupun 10 orang. Akan tetapi *flight* kapal terbang ini, kalau tak cukup *passenger*, dia tidak terbang. Bila dia tidak terbang, kita yang menunggu dekat Kota Bharu itu, oh, *flight* ditunda ke pukul 1. Mati kita. Ini yang saya bangkitkan. Bas dia bertolak pukul 10- 10 orang pun dia pergi tetapi kapal terbang tidak cukup orang, dia tidak pergi. Dia kira dia rugi. Kita rugi dia tidak kira, dia kira dia rugi sahaja. Dia kira untung sahaja. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengambil kira pandangan ini dan selepas ini saya akan minta MAVCOM untuk buat intervensi lah mengenai pandangan-pandangan ini, oleh kerana sekarang kita serahkan kepada pihak penerbangan untuk dia menentukan waktu.

Akan tetapi untuk makluman, pihak DCA telah membuat anggaran yang selamat untuk setiap penerbangan. Daripada satu penerbangan kemudian akan disusuli dengan penerbangan itu, dia ada jangka waktu yang diluluskan. Dia tidak boleh main lepas tanpa ada kawalan keselamatan seperti kata Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin. Dia tidak akan sampai dekat atas langit tadi dia bertembung. Tidak akan berlaku dan tidak pernah berlaku pun dalam Malaysia. Ini kerana DCA mengawal keselamatan setiap penerbangan ini.

Jadi, DCA pun mengambil kira dalam soal teknikal dan sekuriti. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan sampaikan kepada MAVCOM untuk membuat *intervention*.

Seterusnya mengenai pengiklanan yang *misleading*. Untuk makluman, pihak MAVCOM akan menyiasat perkara ini bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Seterusnya mengenai perbezaan fungsi MAVCOM dengan MAHB. Untuk makluman, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) berfungsi untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam di Malaysia. Manakala Malaysia Airports

Holdings Berhad berfungsi mengurus dan mengoperasi lapangan terbang di Malaysia kecuali Lapangan Terbang Senai. Ini memang dua fungsi yang berbeza.

Seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah mengenai sistem hangus yang diamalkan oleh syarikat penerbangan yang merugikan pengguna. Untuk makluman, salah satu fungsi MAVCOM adalah meliputi perlindungan pengguna yang mana MAVCOM bertanggungjawab untuk menggalakkan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam melalui akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan pada harga yang berpatutan.

Dalam hubungan ini, setiap tiket penerbangan yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kategori tiket yang dibeli dan amalan ini adalah selaras dengan amalan yang dipraktikkan oleh syarikat-syarikat penerbangan. Jadi, tiket-tiket ini semua memang dikawal.

Untuk makluman, sekiranya kelewatan penerbangan selama dua jam atau lebih, sebenarnya penumpang ada hak ataupun penumpang perlu ditawarkan oleh syarikat penerbangan secara percuma makanan, minuman dan akses kepada *internet* mengikut keadaan yang munasabah. Sekiranya kelewatan, yang disebutkan tadi, penerbangan selama lima jam atau lebih, penumpang berhak untuk mendapat penginapan hotel dan pengangkutan antara lapangan terbang dengan tempat penginapan hotel. Itu adalah perkara-perkara yang dijaga oleh pihak MAVCOM.

Secara amnya, permintaan untuk mengubah nama dan tarikh perjalanan tidak akan dipertimbangkan oleh syarikat penerbangan. Dalam keadaan kecemasan yang menyebabkan pengguna tidak dapat menggunakan tiket tersebut, syarikat penerbangan mempunyai budi bicara tertakluk kepada dasar dan garis panduan syarikat penerbangan tersebut.

Seterusnya mengenai pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah mengenai pakaian pramugari dan pramugara. Pramugari sahaja lah, pramugara tidak ya. Pihak Jabatan Penerbangan Awam (DCA) menetapkan bahawa salah satu keperluan bagi syarikat penerbangan memperoleh sijil keselamatan adalah dengan memastikan bahawa pakaian yang dipakai oleh pramugara dan pramugari perlu mematuhi standard keselamatan yang antara lainya membolehkan pengungsian kecemasan ataupun, dengan izin, *emergency evacuation* dilakukan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam masing-masing asalkan...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Mematuhi kriteria seperti mana yang telah ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Sekejap. Dalam hubungan ini, Malaysia Airlines Berhad telah memaklumkan bahawa pakaian pramugari Malaysia Airlines yang merupakan baju kebaya adalah mencerminkan budaya Malaysia di mana pakaian tersebut menjadi identiti *Malaysian hospitality* yang diamalkan oleh *Malaysia Airlines*.

Bagi *AirAsia* pula, pemilihan pramugarinya adalah daripada fesyen yang direka oleh anak-anak kapal *AirAsia* sendiri berdasarkan keselesaan sewaktu bertugas dan untuk keterampilan profesional.

Bagi *Malindo* pula, pakaian pramugarinya adalah merupakan baju kebaya dan *cheongsam* yang mencerminkan kepelbagaian budaya Malaysia.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya pergi ke Tawau. Daripada Tawau ke KK, naik *MASwings*. *MASwings* ini dia *joint venture* dengan MAS juga. Pakaian okey. Pakai seluar. Saya ingat *safety*- kalau hendak keselamatan, memang selamat. Tetapi kita tengok *Firefly*, lain. *Firefly* pun *joint venture* dengan MAS juga. Kenapa dia boleh jadi berbeza itu? Saya minta kalau boleh buat macam *MASwings* saja. Nampak stail sedikit lah sebab dari segi sekuriti pun okey sebab dia pakai seluar. Jadi kalau boleh tukar lah *Firefly* kah, *AirAsia* kah, tiru stail *MASwings*. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah. Pandangan itu akan disampaikan kepada pihak *Firefly* agar dapat mencontohi pihak *MASwings*.

Seterusnya, perkara yang dibangkitkan mengenai kaunter MAB- *Malaysia Airlines* di Lapangan Terbang Kota Bharu yang tiada. Menurut maklumat daripada *Malaysia Airlines*, sebarang pertukaran atau pertanyaan berhubung tiket MAB bolehlah diajukan kepada kaunter *Firefly* yang merupakan anak syarikat *Malaysia Airlines*.

Seterusnya, isu berhubung caj kepada penumpang yang seharusnya di-*KIV* sehingga pilihan raya. Untuk makluman, tujuan pindaan ini adalah untuk membenarkan Suruhanjaya mengenakan caj pengawalseliaan ke atas penumpang bagi perkhidmatan yang Suruhanjaya berikan kepada pengguna.

#### ■1710

Tujuannya adalah untuk membiayai kos operasi suruhanjaya. Seperti awal ucapan saya pun, saya sudah maklumkan bahawa maksimum RM1 dan merupakan yang termurahlah. Kalau di negara jiran kita Singapura, ia 18 kali lebih mahal daripada Malaysia.

Seterusnya, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong mengenai kos caj perkhidmatan *aerobridge* di lapangan terbang dan juga penggunaan *aerobridge* di semua lapangan terbang. Kos tersebut sebenarnya adalah RM85 untuk sekali penggunaan. Kos ini dikenakan di semua lapangan terbang yang ada kemudahan *aerobridge*. Maknanya sekali penggunaan ini ia- kalau 180 penumpang, ia bukan- RM85 ini untuk satu kapal terbang, masuk dan keluar.

Jadi kalau dibahagikan pun, memang *cost per passenger* ini sedikit. Seterusnya pihak *Malaysia Airports* akan menyediakan kemudahan *aerobridge* untuk terminal yang mempunyai dua tingkat ataupun dua aras terminal kerana yang satu tingkat ia tidak dapat kerana tidak dapat memenuhi teknikal.

Seterusnya, perkara yang dibangkitkan mengenai subseksyen 69 dan subseksyen baharu 65, seksyen 69(4) dan seksyen baharu 65(4) yang membolehkan MAVCOM mengenakan penalti kewangan. Adakah penalti kewangan telah dikenakan sejak tahun 2016? Untuk makluman, MAVCOM telah ditubuhkan pada 1 Mac 2016. Setakat ini, tiada penalti kewangan yang telah dikenakan di bawah seksyen 69(4) dan juga seksyen 65(4). Seksyen 65(4) belum berkuat kuasa lagi.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan yang membangkitkan perkara tunggakan PSC oleh syarikat-syarikat penerbangan. Untuk makluman, isu tunggakan ataupun hutang dengan

syarikat-syarikat penerbangan ini adalah satu perkara *business arrangement* di antara syarikat-syarikat penerbangan dengan *Malaysia Airports*. Dalam *business arrangement* ini ada *credit terms* dengan tempoh masa yang dibenarkan dan dipersetujui. Hutang bukan sahaja melibatkan PSC tetapi juga melibatkan caj-caj lain seperti *parking, landing* dan sebagainya.

Untuk makluman, adalah tidak etika untuk mengumumkan hutang syarikat-syarikat penerbangan ini. Jadi kita tidak boleh- tetapi memang mereka ada hutang. Akan tetapi untuk makluman, kesemua syarikat penerbangan ini, hutang-hutang ini masih dalam keadaan terkawal. Jadi pihak MAHB *no issue*-lah.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga membangkitkan jika penumpang tidak terbang, oleh itu adakah cukai lapangan terbang akan dipulangkan kepada penumpang tersebut. Memang betul untuk makluman Yang Berhormat, sepatutnya pihak *airline* memulangkan cukai ataupun PSC tersebut kepada penumpang yang tidak jadi terbang. Akan tetapi saya sendiri pun tidak pernah dapat balik, tetapi *airline* memang dia ini – Jadi setakat ini, saya tidak nampak ada isu ini sehingga menjadi isu besar.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ada lagi dua, tiga soalan tetapi berfokus kepada soalan PSC untuk penumpang yang tidak terbang sama ada *flight cancel* atau dia *cancel flight* atau tidak *show up, no show passenger*. Soalan saya sebenarnya, apakah peranan MAVCOM? Sebenarnya tadi fasal kekangan masa, saya tidak *explain*. Kalau kita buat *complaint* di bawah *Consumer Protection Code- MAA PSC* itu, *then* MAVCOM terpaksa ambil juga isu itu. Akan tetapi ramai rakyat Malaysia dia tidak tahu *that* dia boleh buat *complaint* itu. *So*, satu dari segi *awareness*. Kedua, dari segi *mechanism*. Kalau boleh secara- tidak mahu sampai kita tuntutan baru dapat balikkah. Mungkin kalau boleh ada satu *mechanism* secara automatik. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. *Insyah-Allah*, semenjak wujudnya MAVCOM, ruang ini akan diperbaiki, mekanisme dan saya akan pastikan untuk MAVCOM memastikan semua *airlines* memulangkan balik wang PSC kepada penumpang yang tidak jadi terbang.

Seterusnya isu pengeluaran lesen dalam tahun 2016, sedangkan tiada *income* dari pengeluaran lesen. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra juga membangkitkan perkara ini.

Untuk makluman, pada tahun 2016, MAVCOM telah mengeluarkan lima *Air Service Licence*, 14 *Air Service Permit*, satu *Aerodrome Operator Licence* dan satu *Ground Handling Licence*. Buat masa ini, pihak suruhanjaya sedang dalam proses untukewartakan peraturan berkaitan urusan pelesenan yang turut termaktub fi permohonan lesen. Oleh yang demikian, semua permohonan lesen yang diterima pada tahun 2016 sehingga kini tidak dikenakan sebarang caj.

Seterusnya...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, ini isu saya macam saya bangkitkan tadi. Okey, kalau kita tengok akaun itu memang tidak dikenakan tetapi soalan saya fokus secara spesifik kepada Akta Ibu 39 sub (6). Kalau kita tengok Akta Ibu 39 sub (6), semasa dia mohon lesen itu dia mesti disertakan dengan fi. Semasa dia mohon, dia mesti sertakan. Ayat yang dipakai di seksyen 39 sub (6) itu, semasa permohonan fi mesti ada.

Kalau selepas itu lulus atau tidak lulus, sama ada dipulangkan, itu satu isu. Akan tetapi saya fokus kepada 14(5)(1)(1) ini yang telah diluluskan. Masa dia mohon memang ada fi. *So*, kenapa fi itu

tidak ditunjuk? Kecuali / tidak tahu *accounting treatment* fasal tempoh dia untuk- kalau tidak salah lesen itu untuk tempoh lima tahun. So, mungkin dia hendak *spread* atau apa / tidak tahulah. Akan tetapi kalau kita tengok laporan tahunan, dia tidak ikut 39(6), *that is my issue*. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Untuk makluman, untuk akta yang sedang kita bentangkan ini, selepas ini pelesenan akan turut termaktub fi untuk lesen. Jadi, mungkin selepas ini akan dikenakan caj untuk lesen tersebut.

Seterusnya isu APSS yang Yang Berhormat Senator Tuan Chandra sebut atau bangkitkan. Sebenarnya APSS ini bukan bawah Kementerian Pengangkutan atau MAVCOM, ia bawah KDN fasal ini melibatkan sekuriti. Jadi untuk Kementerian Pengangkutan, kita tidak terlibat dan buat masa ini, kita belum ada menguatkuasakan perkara APSS. Kita faham ada banyak komenlah fasal bayaran yang agak tinggi.

Seterusnya anggaran yang MAVCOM akan terima bagi tahun 2018. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2018 sekiranya kutipan bermula 1 Mac 2018 iaitu selama sembilan bulan, jumlah kutipan dijangka RM26 juta dan dijangka mampu menampung kos operasi MAVCOM. Jumlah kutipan ini adalah berdasarkan kepada anggaran jumlah penumpang bagi tahun 2018.

#### ■1720

Seterusnya, ini berkaitan juga Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong yang bertanyakan berapakah jumlah kutipan MAVCOM memandangkan trafik penumpang dicatatkan MAHB sebanyak 125 juta.

Untuk makluman, caj kawal selia RM1 ini dikenakan untuk penumpang yang berlepas sahaja, *departing passengers*, dengan izin. Anggaran jumlah penumpang yang berlepas adalah 50 peratus daripada jumlah trafik. Caj kawal selia dikecualikan kepada penumpang *in-transit*, kru penerbangan, pengguna perkhidmatan RAS dan sebagainya. Jumlah penumpang yang dikecualikan dijangka 30 peratus. Dengan itu, kutipan satu tahun dianggarkan RM30 juta.

Seterusnya, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) yang bertanyakan bilakah Malaysia akan mengambil alih ruang udara di Laut China Selatan daripada Singapura?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sedang diteliti oleh pihak kerajaan. Satu bengkel bagi membincangkan hala tuju pengambilalihan ruang udara di Laut China Selatan telah diadakan pada minggu lepas. Bengkel ini telah meneliti perkara-perkara berhubung perundangan, keupayaan *air traffic management* sedia ada dan tindakan susulan yang perlu diambil oleh agensi kerajaan terhadap cadangan pengambilalihan ruang udara ini. Sehingga kini, agensi-agensi dan kerajaan sedang meneliti perkara ini dengan serius oleh kerana minggu lepas pun kita ada bengkel. Jadi, *means the process is ongoing...*

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Boleh saya mencelah?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Sila.

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah Malaysia sekarang telah cukup kriteria seperti yang dikehendaki oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO), dan kita telah pun siap sedia untuk mengambil alih- *that means* memenuhi kriteria dan juga siap sedia untuk mengambil alih? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Malaysia sudah mempunyai *capability*, keupayaan untuk mengurus *our air space*. Cuma seperti saya sebutkan tadi, ia kena *streamlined* dengan perundangan dan mungkin memerlukan beberapa sedikit lagi *synchronization*. Saya rasa seperti yang saya sebutkan tadi, *the government is very committed* dalam hala tuju itu.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar juga membangkitkan perkara garis panduan di bawah fasal 9 untuk mengadakan garis panduan berhubung peningkatan pengurusan lapangan terbang.

Untuk makluman, garis panduan ini akan dilaksanakan secara berperingkat, *phase-by-phase* dan dijangka akan beroperasi mulai pertengahan 2018.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan dan juga perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, mengenai cadangan supaya MAHB menambah bilangan *buggy* di KLIA, khususnya untuk penggunaan warga emas, wanita hamil dan juga *buggy* di KLIA2 yang tidak mesra OKU yang berkerusi roda.

Untuk makluman, pihak MAHB mengambil maklum masalah ini dan akan menambah bilangan *buggy* dan menambah juga bilangan frekuensi penggunaan *buggy* tersebut untuk kemudahan dan keselesaan pengguna di KLIA. Seterusnya, cadangan untuk supaya *buggy* ini mesra dengan OKU, pihak MAHB akan meneliti rekaan *buggy* buatan tempatan yang lebih rendah dan sesuai digunakan oleh OKU berkerusi roda. Cadangan ini telah dimaklumkan semasa sesi audit *accessibility* kemudahan OKU KLIA2 pada 25 Mei 2017.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim M. Yahya yang membangkitkan perkara laluan RAS yang tidak dikomersialkan.

Untuk makluman, laluan RAS ataupun *rural air services* hanya akan dikomersialkan sekiranya laluan tersebut mempunyai daya maju komersial yang ditentukan berdasarkan faktor-faktor seperti *load factor*, faktor muatan bagi setiap laluan RAS. Kemudian keperluan bagi tahap kesalinghubungan yang minimum. Perkara ini amat kritikal kerana sekiranya kita buka kepada komersial, maka *MASwings* tidak akan memberi perkhidmatan.

Kita akan hendak pastikan supaya sekiranya dibuka kepada komersial, syarikat komersial itu perlu membuat gerenti untuk mengadakan penerbangan selama tujuh tahun. Ini kerana kalau syarikat komersial ini berhenti, untuk *MASwings* membuat *mobilization* balik, *it takes* paling cepat enam bulan. Jadi, dalam enam bulan, sekiranya tidak ada penerbangan, maka ia akan menjejaskan kesalinghubungan. Jadi, dalam perkara ini, kerajaan mengambil berat mengenai laluan RAS ini. Untuk makluman, setakat ini enam laluan telah dibuka untuk komersial.

Seterusnya, perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad mengenai bidang kuasa MAVCOM sekiranya lewat penerbangan di luar negara.

Untuk makluman, Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia hanya terpakai bagi kes-kes yang berlaku di Malaysia sahaja kerana kod tersebut tidak membenarkan pemakaian di luar negara. Dalam erti kata lain, pemakaian kod tidak bersifat *extraterritorial*.



Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chong membangkitkan perkara mekanisme perlindungan pengguna yang akan diwujudkan.

Untuk makluman, mekanisme perlindungan pengguna dibuat berdasarkan Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia yang telah diwartakan pada Julai 2016. Kod ini memperuntukkan perkara berhubung perkhidmatan minimum dan standard prestasi syarikat penerbangan, hak penumpang, aduan pengguna dan kesedaran pengguna.

Seterusnya, persoalan kenapa penumpang perlu menunggu 30 hari sebelum mengemukakan aduan kepada MAVCOM?

Untuk makluman, penumpang tidak perlu menunggu 30 hari sebelum mengemukakan aduan kepada MAVCOM. Penumpang digalakkan untuk mengemukakan aduan kepada syarikat penerbangan dahulu bagi membolehkan syarikat penerbangan menyelesaikan perkara tersebut.

Seterusnya, perkara isu yang dibangkitkan lagi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, isu berhubung seksyen 5, 6 dan 9, Akta 771 berhubung pelantikan Pengerusi Eksekutif Saraan dan Penamatan oleh Perdana Menteri. Isu berhubung pelantikan Pengerusi Eksekutif Saraan dan Penamatan oleh Perdana Menteri merupakan perkara dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan.

#### ■1730

Setakat itu sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi pihak kementerian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan atas semua cadangan dan pandangan yang dikemukakan berhubung rang undang-undang ini. Segala pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

##### 5.34 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi sistem insurans pekerjaan yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menyediakan faedah-faedah tertentu dan program penempatan pekerjaan semula kepada orang berinsurans sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan yang akan menggalakkan dasar pasaran buruh aktif dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Pada 25 Oktober 2017 yang lalu, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan atau RUU SIP 2017 ini dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa. Untuk makluman awal Dewan yang mulia, pindaan tersebut meliputi fasal 18 mengenai caruman dan peruntukan yang berkaitan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Sistem Insurans Pekerjaan atau ringkasnya SIP merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu satu, insurans pekerjaan dan perkhidmatan pekerjaan. Insurans pekerjaan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah-faedah berbentuk bantuan kewangan sementara.

Perkhidmatan pekerjaan pula, menyediakan bantuan carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya, program latihan dan lain-lain kepada orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru. Kerajaan telah mengkaji cadangan pelaksanaan SIP secara komprehensif daripada pelbagai sudut. Majlis Penasihat Ekonomi Negara dalam Model Baru Ekonomi yang diterbitkan pada tahun 2010 untuk mencadangkan pelaksanaan SIP sebagai satu daripada lima langkah dasar yang penting bagi merealisasikan transformasi tempat kerja ataupun *workplace transformation*, dengan izin.

Pada tahun 2010 kerajaan telah melantik Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO untuk menjalankan kajian terperinci berkaitan SIP dalam tiga aspek utama iaitu perundangan, kerangka operasi dan aktuari. Pelaksanaan kajian ini melibatkan *tripartite project committee*, dengan izin, yang dianggotai oleh wakil kerajaan, wakil pekerja dan majikan. Kementerian Sumber Manusia juga telah mengatakan libat urus yang menyeluruh dengan pihak pemegang taruh ataupun *stakeholders* termasuk *road show* ke seluruh negara bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pelaksanaan SIP.

Kementerian Sumber Manusia seterusnya telah membentangkan cadangan pelaksanaan SIP kepada kerajaan melalui Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara, Majlis Ekonomi dan Jemaah Menteri. Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, tiga pertimbangan utama kerajaan dalam melaksanakan SIP adalah seperti berikut.

Pertama, menambah baik perlindungan keselamatan sosial sedia ada bagi pekerja kehilangan pekerjaan, peruntukan sedia ada berkaitan faedah penamatan kerja dinyatakan di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76). Walau bagaimanapun, liputan ketiga-tiga perundangan ini adalah hanya kepada pekerja sektor swasta yang bergaji sehingga RM2,000 di Semenanjung Malaysia atau RM2,500 bagi Sabah dan Sarawak atau pekerja manual tanpa mengira had gaji.

Undang-undang ini juga menetapkan jumlah faedah penamatan pekerja mengikut tempoh perkhidmatan dengan majikan yang sama menyebabkan pekerja yang berkhidmat kurang daripada lima tahun sebelum diberhentikan akan menerima faedah penamatan secara *lump sum* yang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan selepas diberhentikan. Di samping itu, terdapat juga kes pekerja diberhentikan tidak mendapat pampasan apabila majikan melarikan diri, syarikat mengalami likuidasi ataupun mufliis.

Bagi pekerja yang tidak diliputi oleh ketiga-tiga perundangan tadi pula, mereka tertakluk kepada kontrak perkhidmatan atau boleh diliputi oleh perjanjian kolektif berkaitan dengan faedah penamatan kerja. Sekiranya kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif tidak mengandungi apa-apa terma faedah penamatan pekerja, majikan tidak berkewajipan untuk membayar faedah penamatan jika pekerja tersebut diberhentikan kerja. Dalam erti kata lain, faedah penamatan kerja sedia ada tidak meliputi semua golongan pekerja sektor swasta berbanding cadangan pelaksanaan SIP yang akan merangkumi semua pekerja tempatan dalam sektor swasta.

Kedua, membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan khususnya jika berlaku kegawatan ekonomi. Sebagai sebuah negara perdagangan yang semakin berintegrasi dengan rangkaian ekonomi global, risiko pendedahan kepada impak kejatuhan ekonomi tidak dapat dielakkan. Walaupun kadar pengangguran kekal stabil di bawah empat peratus semasa krisis kewangan Asia dan sub prima Amerika Syarikat, bilangan pemberhentian pekerja yang dilaporkan ke Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia meningkat secara mendadak.

Krisis kewangan Asia dan sub prima Amerika Syarikat masing-masing menyebabkan pemberhentian kerja lebih daripada 120,000 orang dan 150,000 orang. Pada tahun 2015, lebih 44,000 orang kehilangan pekerja yang antara lain berpunca daripada langkah automasi dalam sektor kewangan penstrukturan syarikat, kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia dan ketidakstabilan mata wang Ringgit.

#### ■1740

Pada tahun 2016 pula, lebih kurang 38,000 orang kehilangan pekerjaan dengan majoriti pemberhentian berlaku dalam sektor pembuatan, perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans takaful dan perlombongan serta pengkuarian.

Walaupun bagaimanapun, jumlah sebenar pekerja diberhentikan dianggarkan lebih tinggi memandangkan tidak semua majikan atau pekerja yang diberhentikan melaporkan pemberhentian. Statistik ini juga tidak termasuk pekerja yang dikurangkan gaji, diberi cuti sementara atau *temporary lay-off* atau pekerja yang ditawarkan pakej persaraan awal.

Ketiga, SIP sebagai penstabil dan perangsang ekonomi, semasa kegawatan ekonomi faedah SIP akan bertindak sebagai penstabil ekonomi dengan menyediakan pendapatan asas kepada pekerja

kehilangan pekerjaan dan seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna. Semasa pertumbuhan ekonomi yang normal pula, SIP dijangka mengurangkan keperluan simpanan berjaga-jaga di kalangan pekerja kerana mereka dilindungi jika berlaku pemberhentian. Ini akan membantu menstabilkan perniagaan dan merancakkan aktiviti ekonomi seterusnya membantu komuniti perniagaan.

Tambahan pula kemunculan pelbagai *disruptive technologies* yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat atau *Fourth Industrial Revolution* (IR4) dijangka turut memberi kesan kepada ekonomi dan pasaran buruh. Menurut Forum Ekonomi Dunia (IR4) dan perubahan sosioekonomi serta demografi yang lain dijangka menyebabkan kehilangan lebih daripada lima juta pekerjaan di 15 buah negara maju dan membangun dalam tempoh lima tahun akan mendatang.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk merangka Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 bagi melaksanakan SIP sebagai suatu skim keselamatan sosial untuk pekerja dan majikan serta ekonomi negara amnya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, kandungan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 mengandungi 10 bahagian, 90 fasal dan empat jadual dengan huraian seperti berikut.

Bahagian I, Permulaan - mengandungi fasal 1 hingga 3. Bahagian satu memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa, pemakaian dan tafsiran istilah-istilah yang digunakan;

Bahagian I. Pentadbiran sistem insurans pekerjaan- mengandungi fasal 4 hingga 7.

Bahagian II menyatakan tentang penubuhan SIP yang ditadbir oleh PERKESO, punca kuasa lembaga PERKESO, pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, kuasa PERKESO memegang harta serta perjalanan kuasa dan fungsi PERKESO.

Bahagian III, Jawatankuasa- mengandungi fasal 8 hingga fasal 12. Bahagian ini memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa SIP dan kuasa Lembaga menubuhkan jawatankuasa lain, kelayakan dan pemberhentian keanggotaan serta penzahiran kepentingan anggota jawatankuasa;

Bahagian IV, Pendaftaran dan caruman- mengandungi fasal 13 hingga 26. Bahagian empat memperuntukkan berkaitan pendaftaran majikan dan pekerja, kewajipan membayar caruman dan hal-hal lain berkaitan pembayaran caruman;

Bahagian V, Faedah- mengandungi fasal 27 hingga fasal 43. Bahagian ini memperuntukkan prosedur tuntutan faedah, penentuan kehilangan pekerjaan, syarat kelayakan caruman, faedah-faedah yang diberikan dan hal-hal lain berkaitan pembayaran faedah serta hak orang berinsurans atau OB.

Bahagian VI, Program Penempatan Pekerja Semula- mengandungi fasal 44 dan fasal 45 yang memperkatakan tentang Program Penempatan Pekerja Semula dan kuasa PERKESO untuk menubuhkan pusat atau institut bagi melaksanakan program ini.

Bahagian VII, peruntukan kewangan- mengandungi fasal 46 hingga fasal 58. Bahagian 7, memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan (KWIP) dan Perbelanjaan KWIP, kuasa, tanggungjawab dan kewajipan PERKESO dalam hal berkaitan kewangan.

Bahagian VII, Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial- mengandungi fasal 59 hingga fasal 66. Bahagian ini memperuntukkan perkara yang boleh diputuskan oleh Jemaah Rayuan Prosiding, kuasa

Jemaah Rayuan, perwakilan dalam prosiding, rujukan kepada Mahkamah Tinggi, Rayuan dan penggantungan pembayaran.

Bahagian IX, Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan, penguatkuasaan dan penyiasatan-mengandungi fasal 67 hingga fasal 77. Bahagian ini memperuntukkan pelantikan dan kewajipan Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan, kuasa memeriksa latihan, kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan, penyiasatan dan kuasa-kuasa yang berkaitan.

Bahagian X. Am- mengandungi fasal 78 hingga fasal 90. Bahagian ini memperuntukkan penyimpanan rekod, pelantikan ejen pemungut, kuasa menubuhkan dan mentadbir, kuasa menteri membuat pengecualian, meminda jadual dan membuat peraturan, kajian semula SIP dan kuasa-kuasa lain.

Jadual Pertama memaklumkan tentang senarai orang yang dikecualikan daripada pemakaian rang undang-undang ini.

Jadual Kedua, memperuntukkan kadar caruman bagi majikan dan pekerja berdasarkan gaji, anggapan bulanan.

Jadual Ketiga, memperuntukkan kadar bagi setiap faedah yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini.

Jadual Keempat, menggariskan syarat kelayakan caruman bagi setiap tuntutan dan tempoh pembayaran elaun mencari pekerjaan yang bergantung kepada turutan tuntutan daripada tuntutan pertama sehingga tuntutan kedua belas.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjelaskan fasal-fasal penting dalam rang undang-undang ini.

Pemakaian fasal 2, memperuntukkan bahawa rang undang-undang ini, terpakai kepada semua perusahaan yang mempunyai satu orang atau lebih pekerja. Dalam konteks pemakaian ini, pekerja merujuk kepada pekerja warganegara Malaysia dan pemastautin tetap. Semua majikan sektor swasta yang mempunyai seorang pekerja atau lebih akan bertanggungjawab untuk menginsuranskan pekerja mereka. Rang Undang-undang SIP 2017, terpakai kepada semua pekerja termasuk pekerja separa masa berasaskan Kontrak Perkhidmatan tanpa mengira jumlah gaji yang diterima, sama ada gaji harian, gaji mingguan mahupun gaji bulanan.

Golongan yang dikecualikan daripada pelaksanaan SIP termasuklah penjawat awam, perkhidmatan domestik dan yang bekerja sendiri. Senarai penuh golongan orang yang dikecualikan daripada pemakaian SIP adalah seperti dalam jadual pertama rang undang-undang.

Fasal 84, memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual Pertama ini.

Tafsiran, Bab 1 permulaan rang undang-undang ini memperuntukkan tafsiran dalam 31 perenggan. Antara tafsiran utama termasuklah:

- (i) bilangan caruman bulanan yang dikehendaki. Ertinya, bilangan caruman bulanan yang dibayar berkenaan dengan orang yang berinsurans tanpa mengira sama ada caruman dibuat dalam bulan yang berturut-turut atau tidak sebagai mana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;
- (ii) Elaun Bekerja Semula Awal. Ertinya, suatu insentif yang dibayar sekali gus kepada Orang Berinsurans (OB) kerana menerima satu tawaran pekerjaan

daripada mana-mana majikan dan memulakan pekerjaan itu dalam tempoh menunggu atau tempoh menerima elaun, mencari pekerjaan pada kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

- (iii) Elaun Latihan ertinya, suatu bayaran bulanan kepada Orang Berinsurans (OB) bagi suatu tempoh tidak lebih daripada enam bulan kerana menghadiri apa-apa latihan di Malaysia yang diberikan oleh pemberi latihan. Tempoh pembayaran faedah ini bergantung kepada tempoh elaun mencari pekerjaan yang diterima oleh Orang Berinsurans (OB);
- (iv) Elaun Mencari Pekerjaan. Ertinya, suatu bayaran bulanan bagi tempoh tiga hingga enam bulan berturut-turut untuk membantu Orang Berinsurans (OB) yang telah kehilangan pekerjaannya dalam tempoh dia mencari satu pekerjaan;
- (v) Elaun Pendapatan Berkurangan. Ertinya, suatu bayaran sekali gus untuk membantu Orang Berinsurans yang mempunyai dua atau lebih pekerjaan dan telah kehilangan satu atau lebih pekerjaannya;
- (vi) faedah, ertinya elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja semula awal, elaun pendapatan berkurangan, elaun latihan dan fi latihan. Tafsiran ini menetapkan faedah-faedah yang dinikmati oleh Orang Berinsurans (OB) sekiranya kehilangan pekerjaan;
- (vii) syarat kelayakan caruman. Ertinya, bilangan caruman bulanan yang dikehendaki sepanjang suatu tempoh kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat. Tafsiran ini menetapkan bilangan caruman yang diperlukan bagi Orang Berinsurans (OB) untuk mendapat faedah elaun mencari pekerjaan antara tiga hingga enam bulan; dan
- (viii) tempoh kelayakan- tempoh kelayakan ertinya suatu tempoh yang terdiri daripada bilangan bulan berturut-turut yang tertentu sebaik sebelum kehilangan pekerjaan berkenaan dengan OB sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Pentadbiran Sistem Insurans Pekerjaan. Fasal 4, memperuntukkan penubuhan suatu skim keselamatan sosial yang dinamakan sebagai Skim Insurans Pekerjaan dan PERKESO sebagai pentadbir sistem ini. Bagi maksud mentadbir sistem ini, PERKESO memberi kuasa kepada Lembaga PERKESO yang ditubuhkan di bawah seksyen 59(b) Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969 [Akta 4].

Ini bermakna, fungsi dan peranan Lembaga PERKESO sedia ada, akan dikembangkan bagi meliputi tadbir urus Sistem Insurans Pekerjaan.

Jawatankuasa Insurans Pekerjaan, fasal 8 memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Insurans Pekerjaan yang berfungsi menasihati Lembaga tentang semua perkara berkenaan SIP termasuk kadar caruman dan faedah serta hal berkaitan pelaburan KWIP.

## ■1750

Pengerusi Lembaga dan Ketua Pengarah PERKESO, masing-masing dilantik sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa ini. Selaras dengan prinsip *tripatisme*, keanggotaan Jawatankuasa Insurans Pekerjaan terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, kesatuan sekerja dan persatuan majikan. Jawatankuasa ini dikukuhkan lagi dengan pelantikan anggota lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang relevan dengan fungsi dan peranan jawatankuasa.

Fasal 9 rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu untuk membantu Lembaga melaksanakan fungsinya.

Fasal 14, Pendaftaran perusahaannya dan pekerja. Menghendaki majikan mendaftar perusahaannya dalam tempoh 30 hari dari tarikh perusahaannya terpakai kepada akta ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan majikan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 15 memperuntukkan sekiranya majikan telah berdaftar di bawah Akta 4, perusahaan mereka disifatkan telah didaftarkan pada tarikh rang undang-undang ini mula berkuat kuasa. Majikan ini tidak perlu mendaftar perusahaan sekali lagi dengan PERKESO bagi pelaksanaan SIP. Ini antara lain bertujuan memudahkan urusan perniagaan dan pentadbiran.

Fasal 16 rang undang-undang pula menghendaki setiap majikan yang diliputi oleh rang undang-undang ini untuk mendaftar dan menginsuranskan pekerja seperti berikut:

- (i) bagi pekerja yang diambil bekerja pada tahun sebelum tarikh perusahaan didaftarkan mengikut fasal 14, pada tarikh yang sama perusahaan didaftarkan; dan
- (ii) bagi pekerja yang diambil bekerja selepas tarikh perusahaan majikan didaftarkan, sama ada melalui fasal 14 atau 15 dalam masa 30 hari dari tarikh pekerja memasuki pekerjaan.

Fasal 17 memperuntukkan pekerja yang telah didaftarkan di bawah Akta 4 sebelum tarikh kuat kuasa rang undang-undang ini hendaklah disifatkan telah didaftarkan pada tarikh rang undang-undang ini berkuat kuasa. Rang undang-undang ini terpakai kepada semua pekerja tanpa mengira jumlah gaji yang diterima. Jika pekerja dibayar gaji melebihi RM4,000 sebulan, gaji pekerja itu hendaklah disifatkan sebagai RM4,000 bagi maksud siling caruman sebagaimana amalan sedia ada di bawah Akta 4.

Fasal 18 memperuntukkan mengenai caruman yang kena dibayar bagi seseorang pekerja yang terdiri daripada caruman majikan dan caruman pekerja.

Fasal 19, dalam hal seseorang pekerja yang bekerja dengan dua atau lebih majikan, *multiple employers*, dengan izin. Menghendaki supaya setiap majikan membayar caruman untuk pekerja tersebut secara berasingan. Menurut sub fasal 18(2), caruman yang kena dibayar adalah mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Kadar caruman ini adalah berkadar dengan 0.4 peratus daripada gaji yang diinsuranskan (GYD) iaitu 0.2 peratus daripada majikan dan 0.2 peratus daripada pekerja. Sebagaimana diperuntukkan dalam sub fasal 18(3), Menteri boleh mengkaji semula kadar caruman yang dinyatakan dalam Jadual Kedua setelah mengambil kira kemapanan dana.

Dalam hal ini, sebarang cadangan untuk mengkaji semula kadar caruman perlu melalui proses-proses tertentu sebelum dibahas dalam Dewan yang mulia ini, antaranya termasuklah kajian aktuari.

Kedua, libat urus dengan pihak berkepentingan dan yang ketiga, syor oleh Jawatankuasa Insurans Pekerja dan persetujuan Lembaga PERKESO. Jawatankuasa dan Lembaga PERKESO merupakan badan *triparte* dengan keanggotaan daripada kerajaan, pekerja dan majikan.

Fasal 27, prosedur tuntutan faedah dan penentuan kehilangan pekerjaan. Apabila seorang orang berinsurans menganggap dia telah kehilangan pekerjaan atau kontrak perkhidmatannya ditamatkan, orang berinsurans hendaklah membuat tuntutan faedah kepada PERKESO dalam tempoh 60 hari dari tarikh kehilangan pekerjaan atau penamatan kontrak perkhidmatan.

PERKESO seterusnya akan menentukan tarikh sebenar kehilangan pekerjaan dan sama ada kehilangan pekerjaan itu tertakluk kepada pemakaian rang undang-undang ini.

Fasal 30(1), kehilangan pekerjaan berlaku jika kontrak perkhidmatan orang berinsurans ditamatkan atau menjadi tidak sah kerana apa-apa sebab kecuali:

- (i) peletakan jawatan secara sukarela oleh orang berinsurans;
- (ii) kontrak perkhidmatan orang berinsurans yang telah tamat tempoh;
- (iii) pemberhentian kontrak perkhidmatan atas persetujuan bersama tanpa terma dan syarat;
- (iv) penyiapan kerja mengikut terma kontrak perkhidmatan;
- (v) persaraan orang berinsurans; atau
- (vi) penamatan kontrak perkhidmatan orang berinsurans kerana salah laku.

Frasa "*menjadi tidak sah*" dalam fasal 30(1) ini merujuk kepada keadaan di luar kawalan pekerja atau majikan yang menyebabkan suatu kontrak perkhidmatan tidak dapat dilaksanakan atau terbatal. Antaranya disebabkan oleh menjadi tidak sah dari segi undang-undang, bencana alam, kekecohan awam dan sebagainya.

Perkara-perkara di bawah fasal 31 (a) hingga (f) ini tidak terangkum sebagai kehilangan pekerjaan di bawah pengertian rang undang-undang ini, antara lain bertujuan untuk mengelakkan *moral hazards*, dengan izin, penipuan mahupun eksploitasi kontrak perkhidmatan. Ia juga bertujuan mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dan melakukan pembuangan kerja sewenang-wenangnya tanpa alasan yang munasabah. Saya juga ingin menekankan bahawa hak pekerja di bawah Undang-undang Perburuhan lain tetap terpelihara.

Fasal 30(2) menerangkan maksud peletakan jawatan secara sukarela sebagai perbuatan oleh orang berinsurans untuk menamatkan kontrak perkhidmatannya dengan majikan pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak perkhidmatan. Walau bagaimanapun, peletakan jawatan secara sukarela tidak termasuk perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan 30(2)(a) hingga (e) seperti berikut:

- (i) peletakan jawatan di bawah skim pemisahan sukarela dengan persetujuan bersama majikan dan orang berinsurans berdasarkan syarat-syarat tertentu;
- (ii) peletakan jawatan terjumlah kepada pemecatan terancang atau *constructive dismissal*, dengan izin, atau peletakan jawatan kerana pelanggaran undang-undang, terma dan syarat kontrak perkhidmatan oleh majikan;
- (iii) peletakan jawatan kerana apa-apa ancaman kepada orang berinsurans atau keluarga orang berinsurans atau gangguan seksual terhadap orang berinsurans;



- (iv) peletakan jawatan kerana arahan oleh majikan untuk melaksanakan kerja di luar skop kerja yang membahayakan kesihatan dan keselamatan orang berinsurans; atau
- (v) peletakan jawatan kerana penutupan tempat kerja atau tempat kerja tidak beroperasi akibat situasi berbahaya.

Fasal 31 membolehkan PERKESO untuk menentukan kehilangan pekerjaan orang berinsurans telah berlaku atau tidak. PERKESO boleh merujuk mana-mana agensi kerajaan lain yang mempunyai kuasa undang-undang dalam mengesahkan suatu kehilangan pekerjaan seperti Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perhubungan Perusahaan.

Fasal 32 dan fasal 33 menyatakan tentang penentuan syarat kelayakan caruman dan kelulusan tuntutan untuk faedah setelah PERKESO mengesahkan orang berinsurans kehilangan pekerjaan. PERKESO perlu menentukan pada tarikh orang berinsurans kehilangan pekerjaan sama ada:

- (i) orang berinsurans memenuhi syarat kelayakan caruman yang dinyatakan di dalam Jadual Keempat; dan
- (ii) orang berinsurans belum mencapai umur persaraan minimum.

Faedah-faedah berbentuk kewangan sekiranya orang berinsurans memenuhi syarat kelayakan caruman, PERKESO hendaklah menentukan faedah yang boleh diberikan kepada orang berinsurans berdasarkan rang undang-undang ini seperti berikut:

- (i) elaun mencari pekerjaan di fasal 34;
- (ii) elaun bekerja semula awal di fasal 35;
- (iii) elaun pendapatan berkurang di fasal 36; dan
- (iv) elaun latihan dan fi latihan di fasal 37.

Fasal 34, memperuntukkan bahawa PERKESO hendaklah membayar elaun mencari pekerjaan ataupun EMP kepada orang berinsurans yang telah memenuhi syarat kelayakan caruman dan umur. Kadar EMP ditetapkan secara menurun mengikut bulan seperti mana Jadual Ketiga seperti berikut:

- (i) 85 peratus daripada GYD pada bulan pertama;
- (ii) 50 peratus daripada GYD pada bulan kedua;
- (iii) 40 peratus daripada GYD pada bulan ketiga dan keempat; dan
- (iv) 30 peratus daripada GYD pada bulan kelima dan keenam.

Penetapan kadar EMP yang tinggi pada awal tempoh penerimaan faedah bertujuan untuk mengurangkan beban orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan di peringkat awal kehilangan pekerjaan. Kadar EMP diturunkan dari bulan ke bulan bagi menggalakkan orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan untuk aktif mencari pekerjaan. Tempoh penerimaan EMP antara tiga hingga enam bulan bergantung kepada syarat kelayakan caruman dalam Jadual Keempat.

#### ■1800

Sebagai contoh, untuk tuntutan kali pertama, seorang orang berinsurans hendaklah memenuhi syarat kelayakan caruman seperti berikut:

- (i) 12 hingga 15 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama tiga bulan;

- (ii) 16 sehingga 19 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama empat bulan;
- (iii) 20 hingga 23 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama lima bulan; dan
- (iv) 24 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama enam bulan.

Untuk tuntutan faedah yang berikutnya, bilangan caruman yang diperlukan dan tempoh kelayakan adalah lebih lama daripada tuntutan sebelumnya. Umpamanya, orang berinsurans yang membuat tuntutan kali kedua memerlukan syarat kelayakan caruman antara 18 hingga 23 bulan dalam tempoh 36 bulan berturut-turut untuk melayakkan orang berinsurans menerima EMP selama tiga bulan. Kaedah ini dikenali sebagai *loading factor*, dengan izin, yang bertujuan mengelakkan manipulasi terhadap tuntutan faedah, tuntutan bermusim yang berulang dan menangani *moral hazards*.

Tuan Yang di-Pertua, elaun bekerja semula awal bagi menggalakkan kelakuan carian kerja yang positif atau *positive job seeking behaviors*, dengan izin. Fasal 35 rang undang-undang memperuntukkan pemberian elaun bekerja semula awal atau EBSA, kepada orang berinsurans yang menerima tawaran pekerjaan dan melaporkan diri untuk bekerja dalam tempoh menunggu atau semasa menerima EMP. Kadar EBSA adalah 25 peratus daripada jumlah atau baki EMP sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Elaun pendapatan berkurangan. Fasal 36 memperuntukkan orang berinsurans yang mempunyai dua atau lebih pekerjaan dan telah kehilangan satu atau lebih pekerjaannya berhak menerima elaun pendapatan berkurangan atau EKB, yang dibayar secara pukal bagi kehilangan pekerjaan itu. Walau bagaimanapun, orang berinsurans tidak berhak mendapat EMP, elaun latihan (EL) atau EBSA kerana masih bekerja dengan majikan lain. Kadar EKB adalah sama dengan kadar EMP sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Sekiranya orang berinsurans kehilangan semua pekerjaannya pada masa yang sama, dia berhak mendapat EMP bagi satu kehilangan pekerjaan dan EKB bagi kehilangan pekerjaan yang lain.

Elaun latihan dan fi latihan. Fasal 37 memperuntukkan orang berinsurans boleh memohon kepada PERKESO untuk menjalani latihan dengan penyediaan latihan yang diluluskan oleh PERKESO. Permohonan ini boleh dibuat sama ada:

- (i) dalam tempoh orang berinsurans menerima EMP;
- (ii) dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan setelah tempoh orang berinsurans menerima EMP; atau
- (iii) dalam tempoh enam bulan selepas menerima tawaran pekerjaan dan melaporkan diri untuk bekerja.

Orang berinsurans yang menjalani latihan berhak menerima elaun latihan mengikut kadar 25 peratus daripada GYD, dikira mengikut hari, tertakluk kepada minimum RM10 dan maksimum RM20 sehari sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Tempoh maksimum seorang berinsurans boleh menjalani latihan adalah bersamaan dengan tempoh pembayaran EMP. PERKESO juga akan menanggung fi latihan yang dikenakan kepada orang

berinsurans tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM4,000 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Fasal 41 pula menyatakan PERKESO boleh menggantung apa-apa bayaran faedah bagi tempoh tidak lebih daripada 60 hari jika terdapat alasan yang munasabah bahawa orang berinsurans telah mengemukakan butir atau dokumen palsu, tidak benar atau tidak betul. PERKESO boleh membuat siasatan semasa dalam tempoh penggantungan dan jika berpuas hati boleh menyambung semula pembayaran faedah jika orang berinsurans terbukti tidak melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan penggantungan tersebut.

Fasal 43, Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperuntukkan apa-apa tuntutan faedah hendaklah tidak menjadi satu halangan kepada hak orang berinsurans di bawah undang-undang bertulis lain seperti berikut:

- (i) representasi untuk pemulihan kerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- (ii) tuntutan untuk faedah penamatan dan henti kerja sementara di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76); dan
- (iii) aduan berkaitan persaraan pra masa di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Sekiranya orang berinsurans membuat tuntutan untuk faedah di bawah rang undang-undang ini dan turut menuntut hak di bawah mana-mana rang undang-undang bertulis ini, PERKESO akan menangguhkan keputusan dalam menentukan kehilangan pekerjaan sehingga tuntutan hak tersebut diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, program penempatan pekerjaan semula. Sebagaimana saya maklumkan awal tadi, Skim Insurans Pekerjaan (SIP) terdiri daripada komponen insurans pekerjaan dan komponen perkhidmatan pekerjaan. Komponen kedua ini digariskan dalam Bahagian VI iaitu Program Penempatan Pekerjaan Semula.

Secara amnya, program ini merangkumi perkhidmatan pekerjaan seperti carian kerja, kaunseling dan nasihat kerjaya, pepadanan pekerjaan atau *job matching*, dengan izin, dan latihan bagi membantu orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan mendapat pekerjaan baharu atau kemahiran baharu. Program ini bertujuan membantu orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan mendapat pekerjaan baharu secepat mungkin di samping menggalakkan latihan dan pembangunan kemahiran yang dapat menambah baik prospek mendapatkan pekerjaan.

Oleh itu, fasal 44 memperuntukkan orang berinsurans yang membuat tuntutan untuk faedah dan telah ditentukan kehilangan pekerjaannya diwajibkan untuk mengikuti program penempatan pekerjaan semula dalam tempoh menunggu 60 hari.

Melalui program ini, orang berinsurans dikehendaki mematuhi arahan PERKESO dan memenuhi kriteria boleh dan bersedia untuk bekerja dan mencari kerja secara aktif ataupun *ready and available to work and actively seeking works*, dengan izin, serta menjalani latihan sekiranya diminta. Semasa menjalani program ini, PERKESO akan memaklumkan orang berinsurans jika terdapat pekerjaan yang sesuai. Sekiranya orang berinsurans menolak tawaran pekerjaan tanpa alasan yang

munasabah, orang berinsurans tidak layak menerima faedah dan pembayaran faedah akan ditamatkan.

Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan dan peruntukan kewangan. Fasal 46 memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan (KWIP) yang dikawal selia oleh PERKESO. KWIP terdiri daripada caruman yang dibuat oleh pekerja dan majikan serta sumber-sumber lain yang dibenarkan. Ini termasuklah peruntukan RM52 juta yang telah disalurkan kepada PERKESO dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang lalu dan RM70 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Sambutan Hari Pekerja tahun 2017.

Fasal 47 memperuntukkan perbelanjaan KWIP bagi perkara-perkara yang telah ditetapkan seperti untuk pembayaran faedah, pembayaran bagi program penempatan pekerjaan dan perbelanjaan penilaian dan kajian impak SIP serta lain-lain yang dibenarkan.

Fasal 48 pula membolehkan penggunaan KWIP bagi tujuan pentadbiran.

Fasal 50 menetapkan bahawa apa-apa wang yang tidak dikehendaki dengan segera untuk dibelanjakan boleh dilaburkan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan bagi pelaburan yang telah ditetapkan. Prosedur kawalan kewangan atau pendepositan untuk pelaburan hendaklah mendapat kelulusan Lembaga PERKESO selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Dalam fasal 52 hingga 58, terdapat peruntukan yang menetapkan penyediaan belanjawan anggaran tahunan, penyediaan penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan serta laporan kerja dan aktiviti yang perlu dikemukakan kepada Menteri. Akaun PERKESO akan diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut kuasa-kuasa yang telah diberi dan salinan laporan juruaudit boleh dihantar kepada mana-mana jabatan kerajaan atas arahan Menteri kepada Lembaga PERKESO. Lembaga akan mengemukakan laporan tahunan dan akaun yang telah diaudit kepada Menteri seterusnya kepada Parlimen untuk pembentangan.

Selain itu, fasal 57 menetapkan kajian semula aktuari boleh dijalankan mengenai pelaksanaan SIP setiap lima tahun melibatkan penilaian aset dan liabiliti. Laporan kajian semula tersebut hendaklah dikemukakan kepada Menteri. Menteri juga boleh mengarahkan supaya diadakan kajian semula aktuari dan penilaian aset serta liabiliti pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial. Fasal 59 memperuntukkan kuasa kepada Jemaah Rayuan seperti mana yang ditubuhkan di bawah seksyen 83, Akta 4 untuk membuat keputusan mengenai persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan berhubung dengan SIP. Panel Jemaah Rayuan ini adalah sama seperti panel di bawah Akta 4 yang terdiri daripada Pengerusi Mahkamah Perusahaan, wakil Kesatuan Majikan dan Kesatuan Sekerja.

#### ■1810

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, pelaksanaan SIP merupakan satu elemen penting dalam memastikan pasaran buruh Malaysia kekal dinamik, efisien dan responsif kepada perubahan persekitaran. Bagi golongan pekerja, SIP memberi perlindungan dan jaminan pendapatan berterusan, bantuan berterusan untuk pencarian pendapatan pekerjaan dan mengurangkan keperluan kepada simpanan berjaga-jaga. Bagi orang berinsurans yang telah kehilangan pekerjaan, sistem insurans

pekerjaan dapat mengurangkan kesusahan dan kemiskinan untuk menyara diri dan keluarga sementara mendapat pekerjaan baharu.

Mereka juga akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan semula dan sesuai khususnya melalui peningkatan kemahiran *upscaling*, dengan izin, dan latihan semula kemahiran ataupun *reskilling* dengan jaminan pendapatan semasa mencari pekerjaan baharu. SIP dapat mengurangkan tekanan dan masalah kesihatan dan mengelakkan masalah kewangan yang boleh menyebabkan konflik keluarga.

Bagi majikan, SIP dapat meningkatkan produktiviti syarikat melalui pekerja yang telah mengikuti peningkatan kemahiran dan latihan semula. Majikan juga mempunyai lebih fleksibiliti atau menyesuaikan perniagaan dengan perubahan struktural dan teknologi semasa. Di samping itu, SIP dapat mengurangkan tekanan kepada majikan sekiranya timbul keperluan mengurangkan kos, mengecilkan operasi atau mufli.

Saya ingin menegaskan, Sistem Insurans Pekerjaan bukan bertujuan untuk mewujudkan *dual mentality* di kalangan pekerja. Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 ini dirangka dengan mengambil kira keperluan untuk membantu pekerja kehilangan pekerjaan bekerja semula secepat mungkin. Kerajaan juga tidak berhasrat membebankan majikan dengan peningkatan kos menjalankan perniagaan. Kerajaan yakin manfaat dan kebaikan pelaksanaan SIP kepada ekonomi dengan secara langsung menguntungkan pihak majikan.

Reka bentuk dan pelaksanaan SIP akan sentiasa dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan ia relevan dengan keperluan semasa dan dapat membentuk perlakuan dan sikap yang positif terhadap pasaran buruh supaya lebih produktif dan *proemployment*. Pelaksanaan SIP merupakan satu dasar yang akan memberi kesan positif yang signifikan secara jangka panjang kepada negara. Penambahbaikan sistem keselamatan sosial pekerja yang efisien dan komprehensif melalui pelaksanaan SIP ini akan menjadikan Malaysia lebih bersedia menghadapi cabaran ekonomi dan arus perubahan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Tan Sri Peguam Negara serta para pegawai beliau, juga semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan pembentangan rang undang-undang ini di Dewan Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi Sistem Insurans Pekerjaan yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk menyediakan faedah-faedah tertentu dan program penempatan pekerjaan semula kepada orang berinsurans sekiranya berlaku kehilangan

pekerjaan yang akan menggalakkan dasar pasaran buruh yang aktif dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

#### 6.14 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa pembentangan dan juga oleh Tan Sri. Satu rang undang-undang yang bertujuan untuk menyediakan faedah-faedah tertentu kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Secara prinsip, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini. Pada saya, sebenarnya sudah terlewat fasal kalau kita tengok pada mulanya rang undang-undang ini dikandungi dalam Belanjawan 2015. Mula-mula bila kerajaan sebut fasal SIP, tetapi kalau sebelum itu kalau kita pergi pun kalau dari segi kita kena faham *history* dia sedikit. Pada mulanya dibangkitkan oleh MTUC kalau tidak salah pada tahun 1998, akibat dari *Asian financial crisis* di mana lebih kurang 84 ribu hilang kerja pada tahun 1998.

Sekarang pun kalau kita tengok pada tahun ini, kalau tidak salah untuk tujuh bulan yang pertama, 26,600 lebih orang telah hilang kerja. Apa yang penting ialah anggaran, ini anggaran kementerian. Anggaran kementerian jumlah pemberhentian kerja untuk tahun 2018 dijangka akan meningkat ke 57,000 dan pada tahun 2019 ke 97,000. Ini angka-angka diberi oleh Yang Berhormat Menteri semasa pembentangan di Dewan Rakyat. Belum lagi mengambil kira angka-angka ini kalau kita kira 57 ribu, 97 ribu dan sebagainya seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dia tidak mengambil kira VSS dan sebagainya. Juga tidak mengambil kira implikasi *Fourth Industrial Revolution* itu.

Sebenarnya kita tidak baca dari segi *overall impact* tetapi secara khusus *impactnya* kepada negara kita pun kita tidak *sure*. *Once hand* dia orang cakap lima *million* peluang pekerjaan akan hilang tetapi pada masa yang sama, pekerjaan baru akan wujud. *So*, kita tidak tahu lagi implikasi kepada kita, tetapi impak dia mesti ada. Itu satu.

Sebelum saya bahaskan, ini satu rang undang-undang baharu bukan pindaan. *So* sebelum saya pergi kepada klausa-klausa atau fasal-fasal yang tertentu, saya cuma hendak secara am kalau kita tengok dari undang-undang yang sedia ada, sama ada *Employment Act* dan juga *Employment (Termination and Lay-Off Benefits) Regulations 1980* seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Bukan sahaja dari segi skop, kita jelas ya dari segi skop dua ribu ke bawah kecuali Sabah Sarawak, dia berlainan sedikit dan sebagainya.

Akan tetapi juga dari segi *effectiveness*, kalau kita tengok kita ada banyak kes. *You* dapat perintah untuk *termination lay-off benefits*, layak untuk *termination lay-off benefits*, tetapi kes-kes di mana syarikat dimufliskan dan sebagainya. Kita tengok oleh sebab peruntukan yang ada dalam *Companies Act*, banyak pekerja itu tidak akan dapat bayaran faedah penamatan pekerja. Megasteel, Perwaja Steel dan sebagainya banyak.

*Last* sekali ialah dari segi kelemahan sekarang, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini supaya kita harap dia dapat mengatasi masalah-masalah ini. Macam saya cakap tadi, secara prinsip

saya mengalu-alukan akta ini dan kalau saya ada komen pun bukan kerana saya menentang akta ini, dengan tujuan tambah baik apa yang saya tengok dari sudut saya kelemahan dalam rang undang-undang ini.

Saya akan pergi macam- luas ya, 90 fasal. Saya tidak akan sebut *the whole 90 sections*, fasal masa dia panjang walaupun ada satu, dua komen. Saya akan cuba fokus tiga bahagian sahaja. Bahagian IV, Bahagian V dan Bahagian VI. Ada banyak fasal dalam beberapa bahagian. Sebagai contoh Bahagian IV yang berkaitan dengan caruman, Bahagian V yang berkaitan dengan faedah-faedah dan Bahagian VI berkaitan dengan program-program penempatan pekerjaan semula dari tiga aspek.

Bahagian IV, satu sahaja saya akan sentuh, seksyen 18. Kalau kita tengok seksyen 18, banyak seksyen 18 itu dia telah pinda di peringkat jawatankuasa, yang tidak pinda cuma seksyen 18(1) sahaja. So saya akan sentuh sedikit seksyen 18(1). Bukan dari segi kadar caruman, *0.2 percent* itu memang satu kadar caruman saya rasa mana-mana pihak tidak boleh mengadu termasuk pekerja. Fasal *that is a very fair amount, 0.2 percent*.

#### ■1820

Akan tetapi isu saya dalam seksyen 18(1) ialah kenapa tidak ada caruman dari pihak kerajaan? Isu yang sama ini juga dibangkitkan di Dewan Rakyat. Kalau tidak salah masa itu kerajaan telah bagi dua *argument* kenapa kerajaan tidak carum. Satu, semasa itu Yang Berhormat Menteri telah memberi hujahnya kenapa tidak ada caruman, kerana dia cakap Akta Induk, Akta Keselamatan PERKESO pun tidak ada caruman dari kerajaan, *argument* dia.

Akan tetapi pada saya, saya tidak boleh terima *argument* ini. Pada saya, Akta PERKESO Keselamatan bukan satu Akta Induk kepada akta ini. Pendirian saya ialah kedua-dua akta ini berbeza tetapi badan yang *manage* kedua-dua akta ini adalah PERKESO, itu saya terima. Akan tetapi *otherwise*, dua-dua akta ini, dengan izin, *independent of each other* dan *the only commonality* kalau kita tengok, *is* dari segi siapa yang menguruskan dananya itu. Siapa yang menguruskan skim dan sebagainya, itu *first argument*.

Banyak kalau kita hendak tengok dari segi perbezaan antara kedua-dua akta ini. Contoh, kalau kita ambil, kalau tidak salah fasal 8. Fasal 8 berkenaan dengan badan jawatankuasa. Fasal 8 ini jawatankuasa kalau kita banding dengan seksyen 59, Lembaga PERKESO dan sebagainya, banyak perbezaan. Ini / cuma hendak tunjuk kenapa *argument* saya, ia bukan akta induk itu. Satu, dua perbezaan saya ambil. Satu dari segi keanggotaan bukan sahaja dari segi bilangan keanggotaan tetapi kalau *you* tengok kedua-dua akta ini, rang undang-undang dengan PERKESO itu, ia secara *specific* telah namakan siapa *officialnya*, itu satu perbezaan.

Perbezaan yang kedua kalau / tengok ialah dari segi dana, dari segi tabung EIS dengan dana PERKESO. Kalau kita tengok fasal 46 dengan 47 rang undang-undang ini, kalau kita banding dengan seksyen 68, seksyen 71, *SOCSO Act* banyak sangat perbezaannya. So, kesimpulan saya *first argument* kerajaan bahawa ini adalah akta induk, saya tidak boleh terima *argument* itu. Pendapat saya, ia bukan akta induk, itu *first argument*.

*Second*, jawapan yang diberi di Dewan Rakyat semasa soalan di timbul, kenapa tidak ada caruman dari kerajaan ialah kebanyakan negeri yang melaksanakan sistem EIS tidak ada caruman dari

pihak kerajaan. Betul, kalau kita tengok kebanyakan negeri memang tidak ada caruman dari pihak kerajaan. Akan tetapi kebanyakan kalau kita tengok negara-negara ASEAN ada juga caruman dari pihak kerajaan walaupun majoriti tidak sumbang, itu saya terima.

Akan tetapi pada saya, kerajaan patut menyumbang satu macam saya cakap secara am mungkin pegawai-pegawai akan dari aspek *tripartisme*. Kalau kita tengok Malaysia ini dari segi *tripartisme*, kalau kita kerajaan hendak main peranan dari segi *tripartisme*, saya rasa perlu juga menyumbang. Mungkin peratusannya tidak perlu ikut *0.2 percent*, mungkin boleh berbeza tetapi dari segi konsep *tripartisme* ini / rasa ia perlu ini. Lagi satu, sekurang-kurangnya kalau bukan untuk konsep *tripartisme, at least*, sekurang-kurangnya untuk *recognized* pengorbanan yang telah dibuat oleh kalangan pekerja untuk kemajuan negara ini dan sebagainya, *on a very higher platform*.

So, itu sahaja berkenaan dengan Bahagian IV. Saya hendak pergi kepada Bahagian V, yang ini saya ada banyak isu, Bahagian V. Bahagian V ini, saya *first concern* Bahagian V ini ialah fasal 28 berkaitan dengan tempoh untuk membuat tuntutan bagi faedah dan fasal 28 dan fasal 29. / akan baca 28 dengan 29 sekali, terutama sekali 29(2).

Fasal 28 ia menentukan permohonan atau tuntutan untuk segala faedah yang melalui rang undang-undang ini kena dibuat dalam tempoh 60 hari. Itu okey, kita kena *fixed on timeline*, itu okey. Kalau tidak ada, *people will take a few years to apply* dan sebagainya, dari segi *administration* memang akan menyebabkan banyak masalah.

Akan tetapi saya punya *concern* adalah lebih kepada fasal 29(2)(2). Kalau kita tengok fasal 29(2)(2), ia seolah-olah bertindak sebagai satu *barring provision, that means* kalau *you* gagal buat dalam tempoh 60 hari itu, *you* akan hilang kelayakan. Kesatuan-kesatuan sekerja, ahli kesatuan atau mereka yang berminat dalam bidang buruh, kita sedar impak *barring provision*. Sebagai contohnya, kalau kita ambil seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan, ia pun ada *barring provision* 60 hari. Kita tahu akibat daripada *barring provision* itu. Walaupun *barring provision* itu tidak boleh dianggap sebagai satu *denial of justice* di bawah *IR Act*, fasal ia boleh pergi kepada *law court* dan sebagainya.

Akan tetapi dari segi kos dan sebagainya, ia akan menimbulkan pelbagai masalah untuk pekerja. So, cadangan saya kalau boleh saya cadang supaya *cut-off* 60 hari itu tidak ada dalam seksyen 29(2). / tidak tahu macam manalah, sama ada cara untuk tukar, cadangan saya fasal 29(2), fasal 28, okey, 60 hari. Akan tetapi *barring provision*, saya mohon kepada kementerian supaya mengulang kaji semula keperluan *cut-off*. Apa tujuan *cut-off* dan kenapa ada *barring provision*? Fasal 28, kenapa ada *cut-off* 60 hari dan kenapa ada *barring provision*?

Lagi satu dari segi Bahagian V yang hilang layak tadi. Banyak kita telah terima penjelasan semasa pembentangan, *constructive dismissal coward, danger to property, danger to life, that means* apa yang ada dalam *Employment Act 1995 on termination under this ground*, semua diliputi oleh akta-akta ini, *threat to property, threat to danger, constructive dismissal, sexual harassment* dan sebagainya.

Akan tetapi satu yang / tengok ada *problem* dalam seksyen ini adalah seksyen 30(1)(f). Kalau kita tengok 30(1)(f), ia merujuk kepada salah laku. Okey, ia merujuk kepada salah laku. Isu saya dengan salah laku ialah rang undang-undang ini ia membuat satu *presumption of guilt, that means* kalau seorang itu dibuang atas tuduhan salah laku, dia terus tidak layak untuk faedah sama ada elaun-elaun



ataupun latihan, kalau dibuang atas alasan salah laku. Isu saya, kenapa tuduhan saya, kenapa saya cakap rang undang-undang ini buat *presumption of guilt*.

Kita tahu mereka yang dibuang atas salah laku berhak untuk *file representation* di bawah seksyen 20. Satu keputusan muktamad hanya akan dibuat kalau dia pergi sama ada kepada *Industrial Court* atau *law court*, kecuali kalau dalam runding damai di bawah *conciliation* seksyen 20, dia *settle* kes nya, itu lain cerita. Akan tetapi *the final decision* sama ada, ada berlaku salah laku atau tidak, belum lagi ia memutuskan sehingga dia *exhaust all avenues*, sehingga dia pergi ke mahkamah.

Akan tetapi di sini rang undang-undang ini *already* buat a *presumption of guilt*. Pada saya tidak bolehlah, *you* kena tunggu sampai dia punya mahkamah buat satu keputusan yang dia betul-betul melakukan salah laku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukannya bila seseorang itu disabit tindakan tatatertib, itu bermakna *presumption*, bukan sebaliknya. Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ini sedikit, kalau kita tengok seksyen 20, dengan *law on summary dismissal*. Kita sebenarnya di Malaysia *guided by* satu *the principles of natural justice*, di mana kita ada dua *Latin Maxims- audi alteram partem* dengan *nemo judex in causa sua*, ada dua *let both sides be heard, no man shall cite in judgement of his case*.

#### ■1830

Akan tetapi secara khusus kalau kita tengok kepada *IR Act* di Malaysia, kalau kita tengok perkataan *anybody who feels that he has been unfairly dismissed, he can file a case* dan keputusan muktamad hanya boleh dibuat, *that means* dia *guilty of* salah laku itu oleh Mahkamah Perusahaan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau dia buat di Mahkamah Perusahaan mendapati dia bersalah pun, dia masih ada *revenue* di bawah 33A *IR Act* dan 33B. Dia boleh buat kalau dia hendak tetapi pada saya, sekurang-kurangnya kita sampai mahkamah fasal untuk menjawab soalan Tuan Yang di-Pertua, saya tahu *I don't have the exact figures* tetapi dalam beberapa ribu kes, Mahkamah Perusahaan dan juga *law court* telah buat keputusan bahawa pembuangan kerja itu adalah *without reasonable or just cause*. Banyak dalam *summary dismissal*, itu satu *argument*.

Kedua, kalau *constructive dismissal* boleh diterima, kenapa kita tidak boleh terima *summary dismissal* fasal *constructive dismissal* pun dia akan pergi kepada seksyen 20 juga. *So, constructive dismissal* seksyen 20 kita terima, *summary dismissal* kita tidak terima. Perbezaan saya dari segi *constructive dismissal* dengan *summary dismissal* satu sahaja, *owners of proof*, itu saja, siapa akan mula kes dan sebagainya. Akan tetapi pada saya kalau boleh terima *constructive dismissal* then kena terima *summary dismissal* tetapi lebih daripada itu *on the principal of natural justice. The final avenue* belum *exhaust* so, kita kena bagi dia. Ini saya harap kementerian boleh, fasal saya cakap secara prinsip saya terima rang undang-undang ini, cuma saya akan *highlight* apa yang saya nampak kelemahan-kelemahan yang ada dalam akta ini. Itu satu, berkenaan dengan 30(1)(f).

Cadangan saya fasal, 30(1)(f) sudah ada, mungkin kementerian lebih *expert* dalam isu ini. Kita boleh pindaan kepada seksyen 31. Kalau kita tengok seksyen 31, fasal 31 dalam rang undang-undang ini, ada *issues* di mana *that means* tanpa, maksud saya tanpa pinda rang undang-undang. Seksyen 31 ini ada *provision* di mana ada keraguan-keraguan atau tidak, kementerian akan buat keputusan. *So*, mungkin buat masa sekarang sehingga kita dapat satu pindaan, mungkin fasal 31 boleh *handle*

kelemahan ini. Ini *suggestion* saya, saya anggap itu sebagai satu kelemahan. Pada saya, saya rasa bukan niat kerajaan untuk menafikan mereka di atas *summary dismissal* ini.

Itu Bahagian V tadi. Bahagian V ini saya juga ada isu dengan fasal 34, 35, 36 tetapi secara khususnya dengan Jadual Ketiga fasal ketiga-tiga ini merujuk kepada Jadual Ketiga. Satu, isu saya dengan Jadual Ketiga ialah masa enam bulan, yang menetapkan masa enam bulan. Saya telah baca banyak *report independent* dari apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri dan juga apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri kenapa kementerian *fix* enam bulan ini. Seperti juga yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa pembentangan, kerajaan telah *discuss* dengan banyak agensi termasuk ILO dan sebagainya.

Antara sebabnya ialah kalau kita tengok laporan dari ILO dan Jabatan Perangkaan Negara, *average waiting time* adalah *4.7 months*. Saya akui *that was the ILO* punya *survey* dengan Jabatan Perangkaan punya *survey*. Oleh sebab dia *4.7 months*, maka kerajaan tetapkan enam bulan dianggap sebagai *reasonable*. Akan tetapi *argument* saya ialah kalau kita tengok *survey* ILO dan Jabatan Perangkaan, dibuat secara *general*. Dia tak fokus kepada *low skill workers*.

*That means argument* kerajaan ialah kita bagi *you allowance* ini untuk enam bulan fasal *you* akan dapat kerja penggantian dalam tempoh enam bulan, itu satu. Seperti yang telah diterangkan semasa pembentangan tadi supaya kita tidak mahu menggalakkan *dull mentality, facts*. Akan tetapi *argument* saya ialah susah untuk dapat kerja gantian atau *replacement job* dalam tempoh enam bulan terutama sekali mereka yang *low skill* dan mereka yang *aged*. Ini *clear, I don't have the figures right now* tetapi ada dalam Laporan Ekonomi.

Kalau kita tengok *active job seekers* fasal *dull mentality* ini *you* mahu menggalakkan *active job seekers*. Jadi kalau kita tengok dari segi *active job seekers*, kita nampak kalau kajian, kalau kita ambil *labor force survey* dan sebagainya pun kita nampak orang yang *low skill*, orang yang telah meningkat usianya susah untuk dapat, *those who are 40 and those who are 45*, susah untuk dapat kerja penggantian dalam tempoh enam bulan. *I can understand* enam bulan itu tetapi cadangan saya sekurang-kurangnya kita melanjutkan tempoh enam bulan itu untuk dua belas bulan kalau bukan untuk semua kategori, *at least* untuk mereka yang *low skill* dan mereka yang telah meningkat usia 40, 45 dan sebagainya. *I don't have a suggestion* sama ada 40 or 45 tetapi *principal* itu untuk mereka yang telah meningkat usia dan susah untuk mendapat kerja penggantian.

Dari segi dana, kalau *you* tengok dari segi dana, cukup kalau kita melanjutkan tempoh dari enam bulan ke dua belas bulan pun dari segi dana *I* rasa cukup. Biasanya dana akan jadi isunya sama ada cukup wang atau tidak tetapi kalau saya ambil berdasarkan- *I* ambil tahun 2018, *volume of work force* 6.5 juta. Saya ambil purata gaji RM2,500 sebulan, kalau *I* ambil 6.5 *workers* purata gaji RM2,500 dana yang akan dikutip *on the 0.2 plus 0.2* majikan dengan ini adalah sebanyak RM760 juta yang akan kita *collect*, SOCSO akan *collect* untuk tabung ini. Berdasarkan kepada elaun yang akan dibayar sama ada *training allowance*, elaun menunggu kerja dan sebagainya, elaun yang akan dibayar, apa yang kementerian panggil sebagai bantuan kewangan sejumlah RM300 juta, kos latihan.

Pada saya kos latihan, ini berdasarkan kepada anggaran pekerja yang akan hilang kerja dianggarkan oleh kementerian macam *I* cakap tadi 58,262 kalau tak salah. Berdasarkan *figure* ini, *you collect RM760 million, you* belanja *RM300 million* untuk bantuan kewangan, *you* belanja lagi kos latihan

*capping, capping of* latihan pada RM4,000 dan kementerian juga ada *capping* ikut *ILO standard*, *you* punya *administrative* kos kena *cap at 10 percent* dari *you* punya kos pentadbiran, ini *ILO standard*. *That means*, lepas tolak, tolak, tolak ini semua, SOCSO untuk tabung ini sahaja akan ada surplus sebanyak RM200 juta. *This figure I'm giving of course we can plus minus* sedikit tetapi isunya untuk menunjukkan bahawa dana tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk melanjutkan tempoh dari enam bulan ke dua belas bulan.

Isu yang berikutnya, macam / cakap Bahagian IV dah, Bahagian V dah, akhir sekali Bahagian VI. Isu saya dengan Bahagian VI ialah klausa 4. Klausa 4, isu saya macam tadi kita dengar penjelasan elaun harian untuk mereka yang menjalankan latihan. Kalau sekarang kita tengok klausa 4, *Fourth Schedule*, dia cap minimum RM10 maksimum RM20. Pada saya maksimum ini kena kaji semula. Sudahlah dia dah hilang kerja, dia kena pergi *training* fasal kalau *training* telah disediakan dan dia tak pergi, dia akan hilang kelayakan untuk segala bantuan.

#### ■ 1840

*That means*, kalau *training* telah disediakan dia tidak pergi, kecuali dia ada sebab-sebab munasabah dan sebagainya, dia akan hilang kelayakan untuk segala bantuan kewangan. So dia kena pergi. So sekarang sudah hilang kerja, dia pergi *training*, dia hanya akan dapat elaun RM20 sehari.

Pada saya *you* hendak pergi *training*, kos pergi balik pun sudah RM15- RM20, makan *of course* dia cover lah. So pada saya, *I think* elaun harian untuk *training purposes*. Lagi pun kita akui macam kementerian cakap tadi, dia punya *training period only* adalah selama tempoh EMP. So dia bukan banyak sangatlah. So pada saya, cadangan supaya RM20 ini ditingkatkan, dinaikkan kepada satu tahap yang lebih munasabah.

Kalau tidak ada, dia akan pergi *training, no income to support their family* dan dia akan pakai elaun yang dia terima untuk hilang kerja itu untuk *subsidise* dia punya *cost of travelling, which is not fair to him*. *Maybe not*, bukan daripada segi *not fair*. Sebenarnya kita tidak tolong dialah, *that's the argument* pada saya lah.

Daripada segi *capping* ini, saya juga ada satu isu *capping training programme* pada RM4000. Maksimum kos *capping* sekarang adalah RM4000. Ini pun saya tidak terima jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, di Dewan Rakyat dia cakap pasal caruman pada kadar *0.4 percent* itu tidak cukup untuk menampung *any cost above* RM4000. Akan tetapi pada saya, macam saya sudah cakap tadi, *there will be a surplus budget*. Akan tetapi isu saya bukan itu. Isu saya ialah *we* kena *fix training fees* sebagai satu kadar yang lebih realistik. Untuk RM4000, *what kind of training can you get?* HRDF pun, kalau kita ambil HRDF pun, purata HRDF punya *training programme* pun dalam RM6000, RM8000. RM9000 dan sebagainya. *It doesn't make sense*.

Kalau kita hendak bagi dia *especially* sekarang, bila kita cakap kita hendak beri dia satu *skill set* yang baru. *These are workers* sudah hilang kerja, kita hendak bagi *skill set* yang baru dengan RM4000, kita kena faham *training provider* hendak buat sedikit *profit, what kind of training* dia akan dapat?

So pada saya, dia kena tambah. Kalau betul-betul dana tidak cukup walaupun saya rasa dana cukup. Kalau betul-betul dana tidak cukup, pakai HRDF punya dana. HRDF pada saya banyak dana

*because* tujuan atau matlamat asal HRDF pun untuk meningkatkan *skill set* pekerja. *I* tidak hendak *going into the details of the last, one point* sahaja.

*I'm not going to the details of SOCSO* punya *surplus*. HRDF punya *surplus* sahaja, *last year* sebanyak RM187 juta. Itu cadangan saya dan *last* sekali oleh sebab kekangan masa

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan kekangan masa, banyak masa

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Banyak masa, ya *I* faham, kalau tidak, semua kena balik lewat pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya macam ini Yang Berhormat, kalau saya bagi Yang Berhormat seorang- tidak bagi yang lain pun tidak munasabah

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Memang *I* sedar

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi kerana saya tahu Yang Berhormat ini memang hendak cakap banyak pun berkenaan ini akta.

**Tuan Yang di-Pertua:** *I* cuma tarik sikit masa sahaja pasal dia bukan pindaan, sebab dia rang undang-undang. Itu sahaja. Akan tetapi sebab-sebab saya terima

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** *Last point* sahaja, saya hendak rujuk kepada klausa 5, Jadual Pertama, isu suami isteri. Pada saya, *I* tengok peruntukan ini ada satu peruntukan yang betul-betul regresif dan ketinggalan zaman. Oleh sebab, satu, *nowadays* kita ada suami bekerja, *genuine workers* atau isteri bekerja, *genuine workers*. Kalau kita tengok akta ini, dia cakap *if a wife is sack by the husband*, dia tidak layak, *because there is a conflict* kepentingan, dia akan hilang. *That means* kalau *wife* yang kerja di syarikat *husband* betul-betul hilang kerja atas sebab-sebab *retrenchment, redundancy* dan sebagainya, dia akan hilang segala kelayakan, sama ada suami atau isteri. *If you work for your husband* atau *wife* punya *company you* akan hilang segala kelayakan, *solely on the basis, you husband* atau *wife*.

Alasan yang diberi adalah konflik kepentingan. *Last point on conflict* kepentingan. Bapa boleh kerja, mak boleh kerja, tiada konflik kepentingan. Maksud saya mak bapa kerja, hilang kerja pun dapat *coverage*, adik-beradik dapat *coverage*, anak dapat *coverage*. Akan tetapi suami isteri tidak dapat *coverage*. So alasan kepentingan konflik *doesn't make sense*.

*That means* seolah-olah *the last point is* dia cakap, dia dengan sengaja akan tamatkan isteri dia, supaya dia dapat elaun-elaun yang ditentukan. *It doesn't make sense*. Paling tinggi pun macam jadual yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, 80 peratus 50 peratus, 30 peratus dan sebagainya, ikut bulan. Paling maksimum pun 2.7 bulan untuk enam bulan itu. Tidak akan seorang hendak tamatkan isteri dia atau suami dia untuk dapatkan *2.7 months salary*.

So itu sahaja soal ini dan saya harap kementerian akan ambil kira cadangan-cadangan yang saya buat supaya bersama-sama kita dapat wujudkan satu skim yang betul-betul akan membantu kaum pekerja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris

**6.46 ptg.**

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi ruang dan peluang ini kepada saya untuk bersama-sama melontarkan buah fikiran dan pandangan berkenaan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja 2017 ini.

Di sini saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta seluruh jentera kerajaan yang senantiasa prihatin dalam menyelami permasalahan rakyat dan proaktif dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan rakyat seperti mana perjuangan kerajaan Barisan Nasional- 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Kerajaan yang ditunjangi oleh UMNO Barisan Nasional ini disokong dengan jentera kerajaan amat memahami dan amat bertanggungjawab kepada *stakeholders*, dengan izin, melalui dasar-dasar yang seimbang serta pro-rakyat kerana kerajaan Barisan Nasional ini mahu melihat sebuah negara Malaysia ini yang mempunyai ekonomi yang inklusif dan makmur, keseimbangan keunggulan dunia dan ukhrawi demi menyejahterakan kehidupan rakyat menuju aspirasi TN50.

Tuan Yang di-Pertua, dunia kini di ambang Revolusi Perindustrian Keempat yang datang dalam kombinasi pelbagai bentuk ejen perubahan seperti teknologi maklumat, *internet*, transaksi di hujung jari, penggunaan robotik berteknologi tinggi, teknologi nano, automasi dan percetakan 3D yang bakal bergantung kepada sumber manusia dalam banyak sektor pekerjaan.

Berdasarkan kajian Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang merangkumi 65 peratus tenaga kerja dunia, kira-kira 7.1 juta pekerjaan berpotensi untuk hilang dalam tempoh 2015 hingga ke 2020 berikutan pertindihan automasi dan penghapusan peranan perantara. Selain itu, sistem ekonomi kapitalis neoliberal yang melihatkan sistem ekonomi akan bertambah cekap dan wujudnya persaingan. Pasaran harus bebas dan jaminan sosial harus dikurangkan untuk menggalakkan orang lebih berusaha adalah cerminan cabaran mendatang yang harus diberi perhatian.

Neoliberalism percaya bahawa sumber ekonomi adalah terhad, maka ketidaksamarataan ekonomi itu adalah sesuatu yang natural. Di bawah neoliberalisma, kerajaan tidak perlu bertanggungjawab untuk memastikan semua orang dapat kerja, biar syarikat yang membuat keputusan hendak ambil atau tidak hendak ambil orang. Keputusan swasta paling efisien.

Kesatuan sekerja, *Trade Union* tidak digalakkan kerana tuntutan kenaikan upah akan menambah kos operasi syarikat. Peningkatan kos akan membawa kepada inflasi. Inflasi *no good*, maka ia nya akan menyebabkan pekerja ramai yang diberhentikan kerana syarikat mempunyai kuasa mutlak dalam semua segi.

**■1850**

Persoalannya, apakah nasib pekerja dan keluarganya yang makan gaji, jika trend ini mendominasi? Apakah persediaan kerajaan dan apakah langkah yang terbaik untuk modal insan Malaysia berhadapan dinamik order baru dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, RUU Sistem Insurans Pekerjaan adalah satu langkah proaktif Kerajaan Barisan Nasional melindungi dan membantu individu yang hilang pekerjaan. Akan tetapi ada juga tentangan daripada beberapa pihak dengan cuba melengah-lengahkan usaha murni kerajaan ini.

Pelbagai alasan diberikan atau mungkin juga mereka takut SIP yang diperkenalkan ini akan menjejaskan keuntungan syarikat. Mengambil contoh pemberhentian lebih 500 orang pekerja Megasteel Sdn. Berhad. yang ditawarkan pampasan hanya 25 peratus daripada apa yang dijanjikan selepas diberhentikan serta-merta dengan notis 24 jam pada April tahun lalu.

Merujuk kepada Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Logam, mereka yang diberhentikan tersebut berhak menerima pampasan penuh membabitkan jumlah RM10 juta dengan purata RM30,000 hingga RM40,000 seorang bergantung kepada tempoh perkhidmatan. Tindakan menawarkan 25 peratus jumlah pampasan adalah satu tindakan pengabaian hak kebajikan pekerja.

Dengan keprihatinan kerajaan memperkenalkan Sistem SIP ini, sekurang-kurangnya individu yang terlibat dengan pemberhentian pekerjaan seperti yang terjadi kepada pekerja Megasteel Sdn. Berhad. Ini, tidak akan ditinggalkan tanpa sokongan jaringan keselamatan. Ia juga dapat mengurangkan tekanan mental dan emosi kepada para pekerja yang berhadapan situasi hilang sumber rezeki. Dengan bantuan yang bakal diberikan melalui caruman SIP, selain bantuan daripada kerajaan dengan pengenalan inisiatif di bawah SIP ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem Insurans Pekerja ini dapat difahami sebagai satu, bentuk bantuan daripada kerajaan. Kedua, dengan mewujudkan jaringan keselamatan sosial kepada pekerja di sektor swasta. Ketiga, bertujuan membantu golongan pekerja yang hilang pekerjaan mendapatkan bantuan kewangan segera, membantu pekerja atau lebih tepat lagi pencarum yang hilang pekerjaan mendapatkan pekerjaan baru melalui program penempatan semula pekerjaan termasuklah bantuan mobiliti. Selain itu, meningkatkan kebolehpekerjaan pencarum yang hilang pekerjaan melalui program latihan dan latihan vokasional.

Caruman yang dikongsi bersama oleh pekerja dan majikan sebanyak 0.2 peratus daripada jumlah gaji setiap caruman pekerja dan caruman majikan akan memberikan manfaat kepada pekerja yang diberhentikan itu, iaitu:

- (i) menyediakan perkhidmatan sokongan pekerjaan kepada orang yang berinsurans untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai;
- (ii) menyediakan elaun mencari pekerjaan bagi tempoh satu hingga enam bulan, tertakluk kepada syarat kelayakan caruman dan kesediaan untuk bekerja semula;
- (iii) Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA), menyediakan elaun bekerja semula awal sebagai inisiatif insentif bagi menggalakkan orang berinsurans untuk kembali bekerja dengan segera;
- (iv) menyediakan elaun pendapatan berkurangan bagi orang berinsurans yang bekerja dengan lebih daripada satu majikan dan telah kehilangan pekerjaan;
- (v) menyediakan elaun latihan harian sekiranya orang berinsurans menjalani latihan; dan
- (vi) membiayai yuran latihan orang berinsurans yang dibayar terus kepada penyelia latihan yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada MTUC, Sistem Insurans Pekerja ini akan memberikan manfaat kepada 6.5 juta pekerja tempatan dalam sektor swasta. Untuk itu saya ingin kemukakan beberapa soalan kepada pihak kementerian.

Pertama, dengan faedah-faedah yang bakal diterima melalui SIP, apakah prosedur standard untuk pencarum menuntut faedah elaun yang disediakan?

Kedua, adakah pencarum akan menerima dua atau lebih elaun seperti Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) atau elaun pendapatan berkurangan secara serentak dalam satu-satu masa?

Ketiga, adakah pekerja yang dinasihatkan berhenti atau kata lain paksa rela merujuk kepada 30(1) layak menuntut SIP ini?

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pengenalan SIP ini adalah satu dasar jangka panjang yang akan memberikan impak positif kepada golongan pekerja dan majikan. Ia memberikan situasi menang-menang kepada pekerja dan majikan. Pengalaman negara lain seperti Jepun, Korea Selatan, Finland mendapati SIP bertindak sebagai penstabil ekonomi dan membantu mengekalkan aktiviti ekonomi secara mampan khususnya ketika kegawatan.

Selain SIP membantu meningkatkan produktiviti dan daya saing industri, serta akan menambah baik kecekapan pasaran buruh, melalui pepadanan, penawaran dan permintaan yang lebih efisien. Kerajaan di bawah kepimpinan Barisan Nasional, istiqamah melaksanakan pelbagai usaha yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran ekonomi di Malaysia dari awal hinggalah sekarang.

Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (SIP) ini adalah antara bukti kerajaan memandang serius kepada nasib pekerja bersandarkan tuntutan semasa dan cabaran mendatang. Rang undang-undang baru ini, adalah usaha yang berterusan persediaan kerajaan untuk memperkemaskan pentadbiran, memartabatkan perundangan, menjunjung kedaulatan serta menyejahterakan *netizen* bagi mendepani cabaran ekonomi dunia yang semakin rencam dan mencabar.

Untuk itu, kerajaan sedia ada di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak sentiasa dan akan terus memberikan khidmat bakti kepada rakyat agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan akan dinikmati hari ini akan berpanjangan. Sidang yang mulia, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Sistem Pekerjaan Pekerja 2017 ini.

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Faharyah binti Hj Md Nordin.

#### **7.58 mlm.**

**Dato' Hajah Faharyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas pembentangan Rang Undang-undang Sistem

Insurans Pekerjaan 2017 dan keprihatinan kerajaan terhadap nasib-nasib pekerja-pekerja yang akan dibuang kerja. Dengan penggubalan rang undang-undang ini, dijangkakan akan memberikan faedah tertentu terutamanya pembayaran elaun kepada orang berinsurans yang hilang pekerjaannya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa perkara yang ingin saya kemukakan namun saya kira banyak yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Chandra berkenaan dengan Jadual 1, seksyen 2 iaitu suami isteri. Kemudian, berkenaan dengan fasal 30(1)(f) berkenaan dengan taksiran pemberhentian kerana salah laku. Saya bersetujulah kerana apabila pekerja itu diberhentikan dakwaan ini tidak dapat disahkan lagi sehinggalah Jabatan Tenaga Kerja mengesahkan memang betul-betul memang terdapat salah laku jika sekiranya terdapat laporan. Namun terdapat lagi beberapa perkara yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian jika sekiranya pekerja mencapai umur persaraan wajib dan tidak ada tuntutan faedah kehilangan kerja mengikut seksyen 30 dibuat tuntutan. Maknanya dalam seksyen 30 itu dibuat tuntutan tetapi dalam tempoh dia mencarum sehingga dia pencen apakah caruman mereka yang dibayar kepada kumpulan wang ini dapat dituntut balik?

#### ■1900

Maknanya macam insurans-insurans biasa, insurans komersial, kadang-kadang kita mencarum, kita membayar bulan-bulan, di akhir caruman, kita dalam satu tempoh tertentu kita boleh ambil balik. Maknanya kita boleh *refund back* dalam *percentage* tertentu.

Keduanya, saya ingin menyentuh tentang fasal 30(1)(a) berkenaan dengan peletakan jawatan secara sukarela kerana terdapat organisasi yang kadangkalanya meletakkan pekerja itu dalam keadaan yang tidak diperlukan khidmat yakni dalam keadaan *cold storage* dan keadaan ini menyebabkan pekerja dilihat sebagai tidak cemerlang dan tidak efisien dalam menjalankan tugas dan akhirnya menyebabkan pekerja melepaskan jawatan kerana tidak mahu rekod hitam.

Maknanya dia memang meletakkan jawatan atas dasar sukarela tetapi bukanlah disebabkan oleh kehendak dia sendiri tetapi keadaan yang ditekankan oleh organisasi. Sebab apa, kadang-kadang organisasi ini dia hendak mengelakkan- teknik ini banyak digunakan apabila dia tidak mahu atau dia hendak melepaskan diri daripada Akta Kerja yang mana dia hendak kena *compensate* dan sebagainya. Maka dia *cold storage* pekerja ini dan akhirnya pekerja itu meletakkan jawatan secara sukarela.

Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam situasi begini, bagaimanakah SIP ini dapat membantu pekerja tersebut?

Kedua, apakah mereka ini turut mendapat faedah dan dibantu untuk mendapatkan kerja lain? Maknanya apabila mana disahkan dia membuat tuntutan ataupun membuat laporan, adakah mereka ini setelah itu dapat faedah daripada SIP ini?

Seterusnya saya hendak menyentuh tentang fasal 32 yakni berkenaan dengan Jadual Keempat yang mana penentuan syarat kelayakan caruman. Saya hendak bertanya bagi golongan-golongan yang mana sistem penggajian dia adalah agak berbeza ataupun kontrak kerja yang tempoh sikit. Sebagai contoh, saya ambil contoh pekerja-pekerja ataupun dari penggiat seni ataupun industri kreatif ini.



Contohnya dalam industri produksi filem. Maknanya, kalau katakanlah dia bekerja, dia bekerja dalam tempoh kerja dia, kebanyakan tempoh kerja dia singkat. Macam enam bulan, lapan bulan, sembilan bulan. Dia tidak kontrak yang setahun, dua tahun ataupun bertahun-tahun. Dia berdasarkan kepada *job* yang dia dapat. Maknanya majikan- contohnya macam *cameraman*. Katakanlah satu syarikat produksi dia dapat satu kontrak untuk membuat *production film* ataupun drama, dia mengambil *cameraman* dalam tempoh katakanlah lapan bulan ataupun sepuluh bulan dalam tempoh produksi filem tersebut. Maka, pastinya caruman tidak cukup 12 bulan. Maknanya kalau dia hendak tuntutan dalam tempoh 24 bulan itu tidak berturut-turut sebagaimana dinyatakan dalam akta ini.

Maka, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian sekiranya terdapat sebarang ketetapan bagi bayaran faedah bagi golongan pekerja seumpamanya ini. Sebab apa, saya kira banyak sebenarnya pekerjaan-pekerjaan kita terutamanya orang-orang muda, golongan-golongan muda yang bekerja dalam industri kreatif ataupun industri yang mana kerjanya tempoh kontrak yang singkat. Dia ada kontrak kerja tapi singkat berdasarkan kepada *job* yang dilaksanakan.

Seterusnya, terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Revolusi Industri 4.0. Sebagaimana tadi telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri, kita negara kita- bukan sahaja kita negara kita tapi keseluruhan dunia berhadapan dengan revolusi yang keempat. Maknanya dengan IR4.0 ini akan menyaksikan lebih banyak kerja-kerja akan diambil alih oleh mesin dan automasi dan ramai dijangkakan akan kehilangan pekerjaan.

Maka, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah dan sejauh manakah perancangan kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia menangani isu pemberhentian kerja ini akibat daripada IR4.0 dan berapa ramai kah jumlah pekerja yang berdaftar melalui *JobsMalaysia* yang mendapat pekerjaan melalui program penempatan pekerjaan? Sebab, kita tahu salah satu daripada aspek ataupun rang undang-undang ini diadakan untuk menangani ataupun untuk *preparation for the* negara, dengan izin, berhadapan dengan IR4.0 tetapi apakah langkah-langkah lain bagi mengelakkan lebih banyak pemberhentian kerja disebabkan atau daripada IR4.0 ini?

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

#### **7.04 mlm.**

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Hanya dua perkara saya hendak bangkitkan. Satu adalah memang SIP ini sangat bagus untuk pekerja-pekerja yang dengan tiba-tiba mengalami kemalangan ataupun menghidap penyakit bagi suatu waktu yang singkat dan terpaksa menjalani rawatan.

Dalam satu situasi di mana sekiranya seorang pekerja ditimpa kemalangan dan dimasukkan dalam wad dan pada masa itu dia akan memerlukan perkhidmatan seorang peguam untuk kes dia, selalunya kita nampak macam peguam-peguam yang memberi pembelaan kepada kes-kes macam ini selalunya mereka akan mengeluarkan duit mereka sendiri untuk membantu keluarga. Ini boleh menjadi beban kepada peguam tersebut dan keluarga pun tidak perlu pergi meminjam dari pihak lain ataupun

mungkin ah long kah dan menjadi pemiutang atau menanggung beban hutang yang akan menyusahkan keluarga mereka. Jadi, memang kita tahu bahawa mungkin peguam akan ambil balik duit yang didahulukan dengan bunga wang- *you know, interest* dia dan ini pun tidak memihak kepada pekerja yang ditimpa kemalangan. Jadi, SIP ini adalah suatu alternatif yang bagus, saya lihat.

Situasi kedua, saya ingin bertanya kepada kementerian, di mana seorang pekerja OKU dia masuk bekerja dengan majikan dan selepas setahun dua bekerja, dia mengalami sedikit masalah kesihatan yang memerlukan rawatan panjang- tiga, empat, lima, enam bulan, di mana majikannya akan mengalami satu situasi yang susah untuk berhentikan dia ataupun melepaskan dia. Majikan mungkin rugi sebab orang ini tidak boleh bekerja.

Jadi saya hendak tahu sama ada SIP boleh- adakah ia juga melindungi ataupun *cover* untuk situasi seperti ini bagi seorang OKU yang mengalami *secondary complication* dan tidak dapat bekerja untuk tempoh waktu yang agak lama? Adakah SIP ini juga boleh *cover* pekerja tersebut?

Dengan ini, saya sudahi perbincangan saya dan, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

#### 7.08 mlm.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada ulasan yang panjang, hanya beberapa poin penting sahaja yang saya hendak tanya kepada pihak kementerian.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak tanya soal tempoh matang insurans ini akan dilaksanakan kerana diterangkan oleh pihak kementerian dan saya membaca juga, berkuat kuasa Januari 2018. Akan tetapi kalau kita rujuk kepada insurans-insurans yang lain macam insurans nyawa yang lain- saya tahu ada perbezaan tapi saya hendak tahu tempoh matang kerana ada sesetengah insurans itu dia tiga bulan barulah berkuat kuasa, maknanya tempoh matang dia itu ada. Jadi dalam insurans ini, saya hendak tahu, tempoh matang pelaksanaan ini secara menyeluruh terhadap individu-individu yang mencarum ini dalam tempoh berapa masa dia akan ambil kira perkara itu.

Kedua, saya hendak tanya, dalam peruntukan ini tidak ada sesuatu yang jelas yang mengatakan bahawa rang undang-undang ini tidak terpakai kepada warga asing, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya agak bimbang kerana ada satu akta yang saya baca sebelum ini, saya lupa hendak *quote* dia punya ini, disebut juga ada satu akta yang melindungi warga asing.

Akan tetapi saya bimbang kalau kata akta ini nanti diguna pakai oleh NGO-NGO yang mewakili warga asing ini yang minta perkara yang sama dibuat kerana dalam akta ini tidak ada langsung satu klausa yang mengatakan bahawa dikecualikan warga asing ini daripada mendapat *privilege*, dengan izin, yang sebegini. Jadi, saya bimbang ada desakan nanti kemudian hari, maka terpaksa pula itu diambil kira dan kita bahaskan lagi kerana hanya hendak masukkan suatu yang tidak penting.

#### ■1910

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dalam apa yang disebut dalam bahagian Jawatankuasa Insurans Pekerjaan ini Tuan Yang di-Pertua, (k) ini ada seksyen 8(3)(k)- seorang anggota yang

mewakili Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh. Ini kerana daripada pengetahuan saya, kita tidak ada institut ini di Malaysia. Saya tidak tahulah mungkin ada di pihak kementerian, tetapi saya tidak dimaklumkan. Akan tetapi setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengenal pasti tetapi tidak ada sebab perkara ini ditulis dalam rang undang-undang. Maknanya bila ditulis dalam rang undang-undang, wajib ada dan sekiranya tiada, dia akan mencatatkan rang undang-undang ini.

Keduanya saya hendak tanya, tidak ada caruman daripada kerajaan tetapi ada 11 anggota dalam jawatankuasa, yang melibatkan pekerja ini hanya tiga orang yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dan yang mewakili majikan pun hanya tiga orang yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, yang kerajaan ini ada 11 orang.

Jadi saya kata, mengapa tidak kita mengambil atau membuka komposisi ini kepada individu-individu yang lebih faham tentang isu ini, yang lebih dekat dengan isu ini daripada- saya melihat ialah kebanyakannya itu ialah soal kerajaan yang diwakili oleh ramai tetapi saya rasa mungkin -tidak apalah, hendak kekalkan yang ramai dipihak kerajaan baik tetapi kita tambah baik, kita panggil lebih ramai.

Mereka yang pakar dalam isu ini, yang faham dalam isu ini untuk duduk dalam jawatankuasa agar apabila sesesuai perkara itu berbangkit, ada suara-suara bebas ini yang tidak mewakili mana-mana pihak dapat menyuarakan sesuatu perkara itu dengan lebih bebas Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kita tahu yang mewakili kerajaan pasti dia membawa dasar kerajaan, yang membawa suara majikan itu hanya tiga orang, pekerja tiga orang tetapi tidak *balance*. So saya minta di pihak kementerian, tambah baik keanggotaan itu. Buka kepada NGO-NGO ataupun badan-badan yang lebih faham tentang isu ini agar kita nampak keseimbangan dalam jawatankuasa ini.

Saya juga hendak tanya tadi soalan yang dibangkitkan oleh teman saya Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin berkaitan dengan pencarum yang bersara. Makna dia tidak diberhentikan, dia bersara. Saya juga hendak tahu tentang status itu.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu tentang skim latihan ini. Adakah skim latihan ini akan dikelolakan oleh satu badan sahaja ataupun skim latihan ini akan diberi kepada badan-badan yang lain? Maknanya, badan-badan swasta dan sebagainya ataupun memang ada kerajaan perincian dan sediakan hanya satu sahaja badan latihan yang menjadi rujukan kepada mereka yang diberhentikan kerja ini sebelum dia dapat kerja yang lain. Saya hendak tahu kalau ada satu sahaja, apa yang akan kita berhadapan kalau pemberhentian itu angkanya tinggi? Makna kalau sekali berhenti itu tiga, empat ribu Tuan Yang di-Pertua, kalau hanya satu sahaja badan, contohnya Skim Latihan 1Malaysia sahaja yang diberi amanah untuk mengelolai perkara ini, jumlah yang banyak, saya yakin kita tidak akan mencapai satu *target* yang baik dan pengurusan yang baik.

Jadi saya kira itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana diberi peluang dan saya harap jawapan dari pihak kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

**7.13 mlm.**

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada

saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia dan Kerajaan Barisan Nasional kerana pembentangan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Dalam seksyen 37(1) mengenai faedah elaun latihan dan fi latihan yang boleh diluluskan dan diberi kepada orang yang diinsuranskan. Di bawah peruntukan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada PERKESO mengenai apakah syarat-syarat yang bakal dikenakan kepada penerima faedah elaun mencari pekerjaan oleh pentadbir sistem pekerjaan ini? Mengapakah dalam peruntukan seksyen 37(2), PERKESO tidak menyatakan secara terperinci mengenai syarat-syarat minimum yang akan dikuatkuasakan oleh PERKESO agar manfaat faedah pemberian elaun latihan dan pembiayaan fi latihan akan dimanfaatkan pekerja yang diberhentikan kerja?

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dikemukakan ini amat penting kerana penzahiran syarat-syarat mengenai latihan semasa tempoh mencari kerja tidak akan mendatangkan kesan atau pertikaian di kalangan pekerja. Apabila sistem insurans ini diwartakan dan dilaksanakan kelak, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Harapan saya agar pelaksanaan sistem insurans ini akan memberi manfaat dan faedah yang besar untuk melindungi pekerja di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

#### **7.15 mlm.**

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga khususnya Kementerian Sumber Manusia dan juga pada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan seluruh warga pekerja Kementerian Sumber Manusia yang membentangkan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 ini.

Pembentangan ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memastikan 6.5 juta pekerja swasta tempatan yang sedia ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sentiasa terbela dan dilindungi. Saya cuma hendak tanya satu dua perkara kepada pihak kementerian, apakah ada satu badan khas yang mengurus tentang permasalahan ini? Kalau ada, bagaimanakah kaedah dan cara-caranya? Saya mohon penjelasan.

Satu perkara lagi yang membimbangkan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya risau kerana saya takut majikan menggunakan peluang ini untuk memberhentikan pekerja-pekerja tempatan. Ini kerana mereka kurangkan pekerja tempatan, mereka mungkin hendak ambil pekerja asing kerana tidak mahu membayar caruman insurans. Jadi, apakah cadangan ini boleh mengakibatkan perkara ini berlaku atau bagaimanakah kementerian hendak memantau supaya semua majikan-majikan ini mematuhi dengan sepenuh-penuhnya apa yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian? Kita tidak mahu menjadi banyak benda seperti apa yang- banyaklah.

Bila sudah ada, penguatkuasaan kita lemah. Bila kita buat itu bagus, tetapi akhirnya penguatkuasaan itu menggagalkan keadaan itu dan menyebabkan orang akan mula mempersoalkan

pada pihak kerajaan. Jadi, saya mengharapkan sangatlah ini bukan satu perkara yang boleh dipandang ringan kerana ia melibatkan duit yang banyak. Jadi perlu ada satu pemantauan, perlu memberi satu keyakinan kepada pihak rakyat tempatan. Ini kerana saya tidak mahu nanti kita sekarang ini kerja diberhentikan hampir setahun 30 ke 40 ribu, tetapi kita tidak mahu dia bertambah disebabkan perkara yang kita hendak bawa dalam rang undang-undang ini.

Saya menyokong penuh Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengharapkan sekali lagi supaya apa yang kita buat ini mesti memberi manfaat kepada pekerja itu sendiri. Saya mengharapkan satu kaedah dapat diberitahu kepada publik dan seluruh rakyat Malaysia apakah kebaikan yang dibuat oleh ini dapat membantu pekerja apabila dibuang kerja, bagaimana ia boleh diselesaikan. Kita tidak mahu menjadi seperti yang telah berlaku yang baru-baru ini seperti IMAMS, penjelasan yang tidak betul.

Kaedah tiba-tiba sahaja timbul, akhirnya kena dekat kita. Walaupun ia RM1.90, tetapi hari ini RM1.90 boleh jadi isu yang besar. Jadi, apakah kita sudah bersedia dalam bentuk memberitahu pada rakyat dan juga majikan bahawa ini adalah kebaikan kita. Jadi, saya menyokong penuh Tuan Yang di-Pertua. Saya harap sekali lagi Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan dan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 7.19 mlm.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan ini. Bagi pihak kementerian, juga Menteri, kementerian dan kerajaan, saya mengalu-alukan sokongan padu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berikan sokongan kepada pelaksanaan SIP ini demi masa depan pekerja kita dan mengemukakan pandangan-pandangan yang cukup bernas untuk kebaikan sistem ini.

#### ■1920

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi yang pertama kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah yang mengemukakan beberapa soalan. Pertama ialah di bawah seksyen 18(1) kenapa tidak ada caruman daripada pihak kerajaan. Walaupun dalam sistem ini, dalam akta ini tidak dinyatakan *contribution* oleh kerajaan, bukanlah merupakan pihak mencarum di dalam seksyen 18(1), namun begitu kerajaan sudah menyumbangkan perbelanjaan sejumlah RM122 juta sebagai bayaran interim kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan yang akan dibayar selepas rang undang-undang ini berkuat kuasa bagi tempoh kehilangan pekerjaan pada tahun 2018. Maknanya kita sudah ada, kerajaan sudah *contribute* RM122 juta.

Kerajaan juga mempunyai program-program yang spesifik seperti di bawah *JobsMalaysia*, di bawah Jabatan Tenaga Kerja, latihan di bawah ILP dan sebagainya bagi memberi bantuan dalam bentuk peluang pekerjaan dan latihan kepada pekerja yang hilang pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua- ya Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Penjelasan sahaja, *just* tanya penjelasan sahaja dari sumbangan RM122 juta itu, supaya *I* dapat *clear* kefahaman dalam kepala saya. Satu yang saya faham RM122 juta itu termasuk, kalau tidak salah RM50 juta atau RM60 juta yang dibentangkan dalam bajet tahun ini. Akan tetapi pada saya, saya tidak anggap itu sebagai caruman, sumbangan kepada caruman. Fasal ia cuma ada satu interim *period* untuk tahun 2018 sahaja. Kefahaman saya, bukan sumbangan, tetapi untuk tujuan interim *payout*, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat, untuk pelaksanaan tahun 2018. Namun begitu Yang Berhormat kerajaan juga mempunyai program-program yang spesifik seperti di bawah *JobsMalaysia*, di bawah Tenaga Kerja, Latihan di bawah ILP dan sebagainya bagi memberi bantuan dalam bentuk peluang pekerjaan dan latihan kepada pekerja yang hilang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat sedikit perkiraan *homework* di mana, kalau katalah kita tetapkan kerajaan *contribute* seperti mana yang *contribution* yang telah dibuat oleh pekerja dan majikan *0.2 percent*. Mungkin kerajaan sebenarnya kos perbelanjaan program-program di luar SIP ini lebih besar daripada kala kita nyatakan *contribution* kerajaan dalam akta ini. Sebab itulah saya ingat *contribution* yang dibuat oleh kerajaan lebih besar di luar melalui program-program seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, rang undang-undang ini tidak mewajibkan pihak kerajaan mencarum, memandangkan isu kehilangan pekerjaan adalah melibatkan sebab terputusnya hubungan kontrak perkhidmatan di antara majikan dan pekerja. Yang Berhormat Chandra ini memang seorang yang cukup berkemahiran dalam sektor Akta Pekerjaan, saya mengucapkan syabas.

Kemudian pergi kepada yang kedua, apakah-apakah kehilangan pekerjaan kerana salah laku yang dilakukan pekerja, mempunyai implikasi ke atas hak mencarum yang diberhentikan untuk mendapatkan had faedah. Yang Berhormat juga sebutkan seksyen 20 dan kita juga, saya cukup berminat dalam perkara-perkara ini dan perkara yang sama juga disebutkan juga Yang Berhormat Dato' Fahariyah yang mungkin tidak secara terus.

Menurut fasal 30(1)(f) RUU kehilangan pekerjaan disebabkan oleh penamatan kontrak perkhidmatan disebabkan oleh salah laku, akan mempunyai implikasi ke atas hak pencarum yang diberhentikan untuk mendapat faedah, di mana pekerja tersebut tidak akan berhak mendapat faedah mengikut rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini ya Yang Berhormat.

Bagi maksud penentuan kehilangan pekerjaan yang disebabkan salah laku dan untuk mengelakkan tidak berlakunya diskriminasi, fasal 31(2) rang undang-undang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah PERKESO untuk merujuk mana-mana pihak berkuasa berhubung dengan penentuan salah laku tersebut. Maknanya ada relevannya dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, termasuklah sehingga dia bawa ke mahkamah dan sebagainya. Ini ruang ada sebenarnya, kita tidak akan melakukan diskriminasi dan penganiayaan kepada pekerja kita, kerana kadang-kadang ada fitnah yang dilakukan oleh orang lain dan sebagainya.

Sebagai contoh sekiranya Ketua Pengarah PERKESO memerlukan pengesahan Jabatan Tenaga Kerja atau Jabatan Perhubungan Perusahaan, beliau boleh merujuk perkara ini melalui fasal 31(2) rang undang-undang tersebut yang mana perincian fasal 30(1)(f) rang undang-undang akan

dibuat oleh pihak berkuasa Jabatan Tenaga Kerja dan JPP berkenaan mengikut mana-mana undang-undang bertulis di bawah bidang kuasa mereka. Masih ada rang undang-undang lain yang boleh membantu dalam pelaksanaan dan keputusan ini.

Keputusan JTK, Jabatan Tenaga Kerja dan JPP akan dirujuk kepada Ketua Pengarah PERKESO, untuk tindakan penentuan kehilangan pekerjaan berdasarkan keputusan tersebut. Ini merupakan satu komponen *National-Blue Ocean Strategy* (N-BOS) untuk menjalinkan kerjasama dan keselarasan tindakan antara agensi di bawah kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra, kenapa seorang pekerja yang dilindungi bagi kehilangan pekerjaan di bawah SIP dikehendaki membuat tuntutan dalam tempoh 60 hari, sekiranya mendapatkan faedah elaun mencari pekerja.

Untuk makluman, had tempoh 60 hari ditetapkan bagi seseorang pekerja yang kehilangan pekerjaan di bawah SIP dikehendaki untuk membuat tuntutan sekiranya ingin mendapatkan faedah elaun mencari pekerjaan, adalah supaya selaras dengan peruntukan undang-undang berkaitan dengan kehilangan pekerjaan di bawah pihak berkuasa yang lain seperti Jabatan Tenaga Kerja mengikut Akta Kerja 1995 dan Jabatan Perhubungan Perusahaan mengikut Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang juga meletakkan hak tempoh 60 hari untuk membuat aduan di bawah undang-undang, Yang Berhormat.

Perkara keempat yang dibangkitkan, apakah asas tempoh faedah SIP diberikan hanya sehingga enam bulan.

Untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat, asas bagi tempoh faedah SIP yang hanya diberikan sehingga tempoh enam bulan adalah berdasarkan kajian aktuari yang dibuat oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang diterbitkan pada tahun 2015 setelah mengambil kira kemampuan dana dan purata tempoh penganggur sehingga 4.74 bulan mengikut laporan penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat memang ada sebenarnya dalam kerajaan. Oleh yang demikian tempoh sehingga enam bulan adalah dikira munasabah bagi seseorang yang kehilangan pekerjaan dan mendapat pekerja dalam tempoh tersebut.

Kita juga mengalu-alukan pandangan Yang Berhormat untuk melanjutkan cadangan 12 bulan. Saya kira, pelaksanaan SIP ini akan juga akan melibatkan *revision* ataupun ulang tema, jadi kita serah kepada pihak yang bertanggungjawab untuk melihat *pro and consnya*, hendaklah kita memperbaiki lagi Sistem Insurans Pekerja ini dan kalau boleh kita tidak mahu ramai pekerja kita yang dibuang kerja.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya ialah apakah syarat-syarat yang bakal dikenakan kepada penerima faedah elaun mencari pekerjaan bagi mendapatkan faedah elaun, latihan dan fi latihan yang boleh diluluskan dan diberikan kepada penerima tersebut. Penerima faedah elaun mencari pekerjaan boleh mendapatkan faedah elaun latihan sekiranya membuat permohonan kepada PERKESO menurut fasal 37(1). Permohonan ini hendaklah dibuat dalam tempoh penerima itu sedang menerima faedah elaun mencari pekerjaan dalam tempoh tidak lebih 12 bulan selepas tempoh penerima faedah elaun mencari pekerjaan atau dalam tempoh enam bulan selepas menerima satu tawaran pekerjaan.

Penerima faedah tersebut hendaklah menghadiri latihan yang diberikan oleh penyedia latihan yang diluluskan oleh PERKESO menurut fasal 37(3) dan akan mendapat faedah elaun latihan mengikut

kadar minimum antara RM10 sehingga maksimum RM20 sehari mengikut Jadual Ketiga rang undang-undang bagi latihan, PERKESO akan membayar terus kepada penyedia latihan yang diluluskan pada maksimum kepada RM4,000.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua kita juga memikirkan mungkin ada sektor-sektor awam yang mempunyai latihan yang juga boleh meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja dan majikan dan mereka boleh diikuti kursus di pihak-pihak berkenaan.

Soalan berikutnya ialah tentang kos perbelanjaan mengurus dan dana SIP perlu hanya tidak melebihi 10 peratus sahaja. Berdasarkan caruman sebanyak 0.4 peratus majikan dan pekerja 0.2 peratus dengan simulasi kewangan pada siling gaji RM4,000 diunjurkan kutipan caruman pada tahun 2012 adalah sebanyak RM476 juta. Jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan dan menuntut faedah SIP bagi tahun 2018 dianggarkan adalah seramai 57,282 orang, 97,141 orang bagi tahun 2019. Bayaran bantuan kewangan bagi tahun 2019 dianggarkan sebanyak RM468 juta.

#### ■1930

Di peringkat awal permulaan, SIP adalah penting bagi memastikan kemampuan dana SIP supaya mempunyai kecairan dana yang mencukupi serta nisbah tuntutan yang rendah dan faedah yang minimum bagi memastikan SIP terkumpul mencukupi bagi tujuan kontingensi sekiranya berlaku kegawatan ekonomi dunia dalam masa terdekat.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan berhubung kenapa suami isteri dianggap *conflict of interest* dalam pertalian pekerjaan dan ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang lain. Jawapannya ialah mengikut Jadual Pertama rang undang-undang, seorang suami atau isteri yang bekerja dengan pasangan sebagai seorang majikan tidak diliputi di bawah SIP. Ini bermakna mereka tidak layak mencarum dan tidak ada faedah yang boleh ditentukan.

Perkara yang sama dinyatakan juga di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta 4. Ini adalah kerana dalam aspek mendapatkan keterangan daripada kedua-dua pihak terdapat isu *privilege communication*, dengan izin antara mereka yang tidak boleh diterima di bawah Akta Keterangan 1950. Sekiranya berlaku kegagalan perniagaan ini boleh menyebabkan suami dan isteri boleh berpakat untuk merancang pembuangan kerja pekerja termasuk suami atau isteri berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kes-kes perceraian yang mana akan menyebabkan pekerja yang terdiri di kalangan suami isteri tidak mendapat manfaat di dalam skim ini maka status akan menjadi berbeza dan pasangan ini hendaklah mencarum.

Terima kasih, itu daripada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Saya pergi kepada Yang Berhormat kedua Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris. Beberapa soalan dikemukakan yang pertama, apakah prosedur standard untuk pekerja mendapatkan elaun SIP ini. Seorang pekerja kehilangan pekerjaan dikehendaki membuat tuntutan permohonan elaun mencari pekerjaan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kehilangan pekerjaan. Setelah diputuskan peruntukan kehilangan pekerjaan PERKESO akan melaksanakan program penempatan semula pekerjaan dalam tempoh 7 hari selepas keputusan tersebut. Sekiranya tiada pekerjaan di sesuai dalam tempoh 7 hari tersebut PERKESO akan membayar elaun mencari pekerjaan dalam tempoh 7 hari seterusnya.

Pekerja boleh membuat permohonan untuk mencari latihan, menyertai latihan yang disediakan oleh penyedia latihan dalam tempoh menerima elaun mencari pekerjaan yang mana faedah elaun



latihan akan dibayar sebagai tambahan kepada elaun mencari pekerjaan sebanyak minimum RM10 sehari atau RM20 sehari, maksimum selama tempoh latihan maksimum enam bulan. Jika pekerja tersebut mendapat tawaran pekerjaan dalam tempoh menerima elaun mencari pekerjaan belum tamat, baki elaun mencari pekerjaan awal akan dibayar sekali gus kepada pekerja tersebut iaitu jumlah 25 peratus baki elaun mencari pekerjaan yang belum diterima.

Kedua ialah Yang Berhormat Puan Hajah Rahemah menimbulkan adakah pekerja boleh menerima faedah EBSA dan EBP elaun saya kena rujuk Yang Berhormat dulu ya. EBSA, Elaun Bekerja Semula dan Elaun Pencari Pekerjaan. Seseorang pekerja yang kehilangan pekerjaan yang layak menerima Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) boleh menerima Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) jika beliau mendapat pekerjaan awal manakala Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) terpakai untuk pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan satu daripada beberapa majikan yang beliau berkhidmat. Pekerja yang menerima EPB ataupun Elaun Pendapatan Berkurangan tidak layak menerima EBSA mahupun elaun latihan kerana masih bekerja dengan majikan yang lain. Ini daripada Yang Berhormat Senator Hajah Rahemah.

Ketiga ialah Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin. Beberapa soalan ditimbulkan, tiga soalan, yang pertama ialah bolehkah pekerja yang telah lama mencarum tetapi tidak pernah membuat tuntutan dan mendapat balik caruman beliau. Saya ingat tak boleh. Berdasarkan konsep *solidarity fund*, dengan izin, *a pooling of resources and sharing of risks*, dengan izin, setiap tuntutan faedah SIP memerlukan sekurang-kurangnya 38 sehingga 146 caruman daripada pencarum lain untuk membiayai tuntutan tersebut. Sekiranya cadangan ini dipertimbangkan semua caruman pencarum yang tidak pernah membuat tuntutan akan meminta caruman mereka dikembalikan. Saya ingat kalau ini diselesaikan tak dan lama Tuan Yang di-Pertua, bungkuslah dia punya sistem ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kena tukar nama jadi insurans lain. Dia bukan lagi insurans.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, insurans dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila ini berlaku, konsep *solidarity fund* tidak lagi dipakai dan sebaliknya akan menjadi *savings* model seperti KWSP. Ini bermakna pencarum yang kehilangan pekerjaan hanya layak dibayar faedah mengikut carumannya sendiri iaitu serendah RM1.90 darab 12 atau 24 atau sebenarnya RM7.90 darab 12, darab 24 iaitu antara RM22.80 sehingga RM117.60 berbanding faedah di bawah SIP, dia boleh mendapat RM2,600. Oleh sebab itulah *contribution* yang disumbangkan oleh pekerja sebenarnya kecil kalau kita bandingkan faedah yang mereka boleh dapati melalui sistem ini apabila berlaku mereka hilang pekerjaan sehinggalah ke maksimum RM14,400.

Ini adalah model SIP yang selalu dicadangkan oleh pihak MEF jika mencarum seumur hidup pun tidak akan berjaya menyamai faedah kewangan SIP dan ini belum termasuk bantuan carian kerja dan latihan. Sebenarnya SIP ini cukup menguntungkan kalau kita banding, kita hendak pulangkan balik caruman yang dilakukan oleh pekerja kita. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah juga menyebutkan tentang bolehkan pekerja yang telah lama mencarum tetapi tidak pernah membuat tuntutan dan mendapatkan balik, saya sudah jawab tadi ya. Terima kasih. Isu IR4.0 atau *Industrial Revolution 4.0* iaitu kerja akan diganti dengan automasi dan sebagainya.

Bilangan pendaftar aktif dalam *JobsMalaysia*, Kementerian Sumber Manusia sedang giat mengadakan usaha libat urus dengan pihak industri mengenai IR4.0. Kementerian Sumber Manusia

juga merupakan ahli utama dalam Jawatankuasa Kemahiran Industri dan menentukan cara secara teliti akan keperluan kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi industri di bawah IR4.0 kelak. Seperti mana juga di dalam kita melaksanakan TVET yang telah dijanakan semula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 September yang lepas. Setakat September 2017, terdapat seramai 270,330 pendaftar aktif dalam *JobMalaysia*. Bilangan penempatan pekerjaan adalah seramai 155,028 orang bagi tempoh yang sama. Terima kasih Yang Berhormat.

Keempat ialah Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan beberapa soalan, yang pertama ialah berhubungan dengan faedah SIP, apakah faedah-faedah SIP yang disediakan untuk golongan pekerja OKU. Golongan pekerja OKU yang kehilangan pekerjaan akan mendapat faedah yang sama seperti pekerja normal yang lain asalkan memenuhi syarat kelayakan caruman termasuk bersedia dan boleh bekerja serta mencari pekerjaan secara aktif. PERKESO mempunyai pengalaman menyediakan perkhidmatan penempatan pekerjaan melalui *Programme Return To Work* dan sejak dilancarkan pada 15 Januari 2007 sehingga Oktober 2017 seramai 17,633 orang berinsurans telah kembali dipulihkan melalui *rehab centre* kita di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi juga bertanyakan OKU mencarum SIP bercuti untuk dapat rawatan, layak atau tidak mendapat perlindungan SIP. Jika pekerja OKU bekerja dan selepas setahun atau dua tahun mengalami masalah kesihatan dan perlukan rawatan berpanjangan dan majikan sukar untuk memberhentikan pekerja OKU tersebut, bolehkan SIP melindungi situasi sebegini kerana pekerja tersebut tidak dapat bekerja dalam tempoh rawatan dan majikan tidak boleh memberhentikan pekerja tersebut.

#### ■1940

Berhubung dengan soalan ini, soalan di mana seorang pekerja OKU tidak dapat bekerja dan majikan tidak boleh memberhentikan pekerja tersebut untuk menerima faedah di bawah Rang undang-undang SIP ini, pekerja tersebut mestilah telah disahkan kehilangan pekerjaannya terlebih dahulu. Ini merupakan aspirasi rang undang-undang ini sebagaimana yang dinyatakan dalam tajuk panjang rang undang-undang ini. Oleh itu selagi mana pekerja OKU itu tidak diberhentikan selagi itu beliau tidak boleh menerima faedah di bawah rang undang-undang SIP ini.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Minta pencelahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Adakah ini boleh ditafsirkan sebagai *constructive dismissal*? Berhenti kerja itu- dalam keadaan ini?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sekejap Yang Berhormat, ya. Sekejap Yang Berhormat saya kena *check* ikut undang-undang ini [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tidak apalah Yang Berhormat Menteri sambung. Minta pegawai hantar jawapan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ini jawapan dia. Pakar ada di belakang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah ada?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Boleh, boleh. Terima kasih banyak. Saya pun sebenarnya sudah minat dalam undang-undang pekerja ini. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, yang

kelima ialah daripada Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail yang bertanyakan beberapa soalan. Pertama ialah, adakah SIP memiliki pekerja asing? Jika tidak mengapa?

Untuk makluman Dewan yang mulia, SIP tidak meliputi pekerja asing sebagaimana dasar sedia ada di bawah Akta 4 melalui fasal 83 rang undang-undang ini. Menteri akan membuat perintah bagi mengecualikan pekerja asing. Pekerja asing tidak diliputi kerana mereka diambil bekerja untuk tempoh tertentu sahaja iaitu kontrak bertempoh tetap. Penamatan satu kontrak bertempoh tetap tidak dianggap sebagai kehilangan pekerjaan dalam rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun sekiranya majikan memberhentikan pekerja tempatan dan menggantikan dengan pekerja asing, kerajaan mungkin akan mewajibkan pekerja asing turut mencarum dalam dana SIP.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ada Yang Berhormat minta maaf saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri katakan Menteri akan membuat perintah bahawa pekerja asing tidak akan dimasukkan? Lepas itu akhir sekali Yang Berhormat Menteri cakap apa itu?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Ya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Membenarkan mereka...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang kemudian, walau bagaimanapun sekiranya majikan memberhentikan pekerja tempatan maknanya ada katalah satu ruangan pekerja tempatan dalam syarikat itu diberhentikan dan menggantikan dengan pekerja asing, kerajaan mungkin akan mewajibkan pekerja asing turut mencarum dalam dana SIP. Akan tetapi khusus untuk itu sahaja?...  
[Bertanya kepada pegawai di belakang] Khusus untuk itu sahaja.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya hendak minta mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya rasa mungkin pegawai silap tulis soalan saya tadi. Soalan saya kata, dalam rang undang-undang ini tidak dinyatakan secara jelas yang kerajaan tidak boleh membenarkan pengecualian kepada warga asing untuk menikmati insentif ini. Jadi itu yang saya maksudkan tetapi kalau pihak kementerian kata kalau boleh diisi dengan warga asing dan warga asing boleh juga menerima...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, yang itu saya ingat Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal yang bangkitkan soalan itu. Soalan Yang Berhormat itu betul lah yang beliau cakap. Soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya cuma hendak tahu *cover* atau tidak *cover*?

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Dia cuma tahu boleh kah. So tetapi pegawai...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tak *cover*. Tidak *cover*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak membenarkan?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tidak membenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia cakap akta tidak ada- *don't have a* peraturan...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak di-*cover foreign worker* jawapan Yang Berhormat- ini supaya kita semua dapat faedah. Tafsiran pekerja di seksyen 2 kalau kita tengok rang undang-undang ini tafsiran pekerja jelas, dia tidak *exclude*

*foreign worker*. Satu, di tafsiran seksyen 2. Kalau / balik seksyen 16 pun, kalau kita tengok dari skop *eligibility* dia memakai skop industri. Kalau industri itu *covered*, *then* dia di-*covered*. So...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri tadi jawab bahawa Menteri di bawah bidang kuasa- / tidak tahu peraturan mana ataupun kaedah mana, dia cakap boleh membuat perintah bahawa pekerja asing ini tidak dimasukkan. Kalau saya tidak salah.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Ya, Ya, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi soalan saya seksyen 2 tafsiran pekerja yang diliputi oleh skim ini, dia cakap seorang yang diambil kerja dengan bergaji, maksud saya *contract of service* bukan *contract for service*, di-*cover*. Dia tidak kecualikan *foreign workers*. Itu yang jadi isu. Dia *cover* di bawah seksyen 2, tafsiran seksyen 2 juga di-*cover* di bawah seksyen 16 di mana dia ikut industri. Itu isu saya. Saya *no problem* kalau dikecualikan *foreign workers* tetapi kita kena *clear* lah. Itu sahaja dia punya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tiada tafsiran. Itu sahaja. Sila jawab. Mengecualikan...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Asalnya dikecualikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada tafsiran mengecualikan pekerja asing daripada akta ini.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya tiada dikecualikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri cakap bahawa di bawah kuasa Menteri dia akan mengecualikan?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya ini jawapan- sekejap Yang Berhormat ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, jawab yang lain- lepas itu boleh rujuk.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Okey, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah ada beberapa soalan yang ditimbulkan.

Kedua, mengapakah keanggotaan Jawatankuasa Insurans Pekerjaan tidak boleh diwakili oleh orang yang berkepakaran?

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada fasal 83(n), Menteri boleh melantik tidak lebih tiga orang anggota yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang munasabah dalam insurans pekerjaan, perkara buruh dan pelaburan. Maksudnya ini terserahlah kepada budi bicara Menteri di bawah seksyen ini..

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja mencelah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menggunakan perkataan tidak boleh diwakili. Saya mengatakan kenapa tidak dibuka lagi perwakilan anggota itu. Saya rasa mungkin pegawai silap tulis lah Tuan Yang di-Pertua, sebab nanti dalam *Hansard* akan masuk, so nanti akan berlaku percanggahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, pertanyaan Yang Berhormat tadi...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Betul, betul Tuan Yang di-Pertua. Kenapa tidak boleh dibuka- tidak kira kepada siapa yang ada pengalaman. Saya ingat kita betulkan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia cakap hanya tiga orang daripada persatuan pekerja.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, ya. Saya ingat terserah kepada Menteri sebab ada lagi ruang yang ini- terserah kepada Menteri untuk menentukan. Saya ingat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah isu itu sahaja rasanya- yang Yang Berhormat timbulkan?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Yang latihan tadi sudah dijawab. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih banyak yang ini Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah tidak silap saya yang keenam ya dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Mana Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun? Ya.

Soalan apakah syarat-syarat yang bakal dikenakan kepada penerima faedah elaun mencari pekerjaan bagi mendapatkan faedah fi latihan yang boleh diluluskan dan diberikan kepada penerima tersebut? Mengapakah fasal 37(2) rang undang-undang tidak menyatakan secara terperinci syarat-syarat minimum yang akan dikuatkuasakan agar faedah elaun latihan dan dapat dimanfaatkan pihak pekerja untuk mengelakkan kesan dan pertikaian di kalangan pekerja.

Penerima faedah elaun mencari pekerjaan boleh mendapatkan faedah elaun latihan sekiranya membuat permohonan kepada PERKESO menurut fasal 37(1). Permohonan ini hendaklah dibuat dalam tempoh penerima itu sedang menerima faedah elaun mencari pekerjaan dan dalam tempoh tidak lebih 12 bulan selepas tempoh menerima faedah elaun mencari pekerjaan atau dalam tempoh enam bulan selepas menerima suatu tawaran pekerjaan.

Penerima faedah tersebut hendaklah menghadiri latihan yang diberikan kepada penyelia latihan yang diluluskan oleh PERKESO menurut fasal 37(7) dengan mengikut kadar elaun RM10 sehingga maksimum RM20 sehari mengikut Jadual ketiga rang undang-undang bagi fi latihan PERKESO akan membayar terus kepada penyelia latihan yang telah diluluskan pada maksimum RM4000.

Saya ingat Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah satu sahaja. Kemudian yang akhir ialah Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal isu majikan buang pekerja tempatan dan gajikan pekerja asing sebab pekerja tidak diliputi di bawah SIP. Akta Kerja 1955 di bawah seksyen 60M menyatakan secara jelas bahawa adalah merupakan satu kesalahan bagi majikan yang memberhentikan pekerja tempatan dengan tujuan untuk menggaji pekerja asing. Majikan boleh diambil tindakan pendakwaan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

#### ■1950

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja soalan-soalan ataupun pertanyaan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Saya bagi pihak Menteri dan seluruh Kementerian Sumber Manusia mengucapkan terima kasih banyak kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan pandangan dan juga menyokong Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang berbahas kerana saya ingat soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini tidak dibangkitkan di Dewan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 90** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual 1 - 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah Aturan Mesyuarat pada hari ini. Dewan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, esok.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.34 malam]***